



**LAPORAN PENYATA RASMI  
DEWAN NEGARA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGGAL KEDUA  
MESYUARAT PERTAMA**

---

---

**Bil. 7**

**Selasa**

**30 April 2019**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>USUL-USUL:</b>	
Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong	(Halaman 27)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 45)

**MALAYSIA**  
**DEWAN NEGARA**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGGAL KEDUA**  
**MESYUARAT PERTAMA**

**Selasa, 30 April 2019**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Ir. Md. Nasir bin Hashim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengusulkan soalan saya, terlebih dahulu saya ingin mengalu-alukan kehadiran pelajar-pelajar dari Pusat Intelek Pelajar Orang Asli Rompin, Pahang iaitu tetamu kepada Yang Berhormat Senator Dato' Isa bin Ab. Hamid. Semoga kehadiran pelajar-pelajar ini akan memberi manfaat kepada mereka dan diharapkan mereka akan menjadi pemimpin di masa hadapan.

**1. Ir. Md. Nasir bin Hashim** minta Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna menyatakan, apakah tindakan dan langkah-langkah yang diambil bagi membendung kenaikan harga barang-barang keperluan.

**Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna [Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih sahabat saya yang bertanya. Pertanyaannya, apakah langkah dan tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam isu kenaikan harga barang.

Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, tindakan yang pertama ialah melalui Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan. Kita akan tentukan harga siling bagi sejumlah barangan popular yang dibelanjakan oleh rakyat. Dengan menentukan harga siling, peniaga tidak boleh meletakkan harga lebih daripada had itu.

Ada dua perkara yang perlu saya terangkan. Pertama, apabila kerajaan mengguna pakai Akta Kawalan Harga ini, biasanya kita lakukan langkah itu ketika musim perayaan, misalnya Tahun Baru Cina, Hari Deepavali, Krismas, Aidilfitri, Hari Gawai dan Pesta Kaamatan. Tempoh

bilangan hari bagi setiap musim perayaan itu pun berbeza-beza. Akan tetapi, jumlahnya ialah lebih kurang 55 hari dalam setahun bagi musim-musim perayaan itu.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita buat harga kawalan dan pegawai penguat kuasa kita sampai ke premis-premis perniagaan, berdasarkan kepada rekod yang diambil, kita dapati peniaga patuh kepada harga barang ketika musim perayaan. Kepatuhan itu tinggi, contohnya musim perayaan yang sebelum ini iaitu Tahun Baru Cina. Pegawai penguat kuasa kementerian ini pergi melawat sehingga sejumlah 27,000 buah premis perniagaan borong dan runcit. Daripada sejumlah 27,000 buah premis itu didapati perbuatan menaikkan harga barang hanya dua daripada sejumlah 27,000 buah premis yang dilawati. Dua itu pun kita berikan notis supaya penjelasan dapat diberikan.

Tuan Yang di-Pertua, bila harga kawalan ini dibuat, ia hanya dibuat pada item barangan pengguna yang tertentu sahaja dan item itu lazimnya adalah yang paling banyak dibelanjakan pada musim-musim perayaan itu. Untuk perayaan Aidilfitri yang akan kita tempuh, minggu depan sudah Ramadan, mudah-mudahan kita sempat.

Langkah yang kita ambil bagi membendung kenaikan harga barang pada musim perayaan Aidilfitri ini adalah pertama, kita akan tambahkan tempoh bilangan hari kawal itu. Misalnya tahun lepas, untuk Aidilfitri kita kawal selama 15 hari sahaja. Tujuh hari sebelum raya, pada hari raya dan selepas hari raya. Kali ini kita akan tambah bilangan hari. Kedua, kita akan tambah bilangan item yang kita masukkan dalam perkara kawalan harga. Itu yang segera sekali.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya juga untuk menyebut, selain daripada langkah-langkah itu, ada juga langkah lain yang kita buat. Melalui undang-undang kawalan harga, tadi itu langkah yang segera kerana undang-undang sedia ada dan itu memang kita boleh buat terus. Akan tetapi, untuk jangka pertengahan dan jangka panjang sesuatu yang lebih daripada itu perlu kita lakukan. Melalui Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara, Bank Negara yang menganggotai majlis ini mencadangkan kepada kementerian supaya dilakukan satu analisa rantai harga, rantai bekalan. Dari punca, sama ada pengimport, pengeluar kepada pemborong, kepada pengedar dan kepada peruncit.

#### ■1010

Pada tahap mana berlaku kenaikan dan punca apa. Pengangkutan, upah, gaji, sewa dan apa kos-kos lain yang menyumbang kepada kenaikan harga akhir pada pembeli. *Alhamdulillah*, kementerian telah dapat melakukan cadangan ini, menjalankan kajian ini dan *report* awal telah saya terima. Memang benar di peringkat sumber Tuan Yang di-Pertua, ada item pengguna bila dia import daripada pengimport hendak pergi kepada pemborong kenaikan sehingga 133 peratus.

Itu kita ada jumpa item yang macam itu. Daripada pemborong kepada pengedar, kenaikan sehingga 67 peratus bagi satu-satu item pengguna itu ada kita temui.

Bila kita tahu secara tepat, sudah tentu langkah pertama adalah pegawai penguat kuasa akan pergi dan minta dia kemukakan dokumen kenapa dia tidak boleh diambil tindakan di bawah anti pencatutan. Kenaikan yang tidak munasabah. Akan tetapi kerana barang yang dia bawa masuk itu satu pun tidak dihasilkan dalam negara kita. Memang kena import. Jadi pengimport kemudiannya mengambil margin yang sangat besar.

Namun kajian ini kita baharu sempat buat untuk 10 barangan. Akan tetapi ketika sedang saya memberi jawapan terhadap soalan tadi Tuan Yang di-Pertua, saya telah meminta pegawai-pegawai kementerian saya yang mengawasi harga ini untuk saya jawab pagi ini. Saya minta mereka bandingkan harga sekarang bulan Mac 2019 dengan harga pada bulan Mei 2018 yang lepas. Hasrat saya itu tahun ke tahun. Mei ke Mei. Akan tetapi sekarang baru Mac. Akan tetapi ini adalah harga purata. Ada tidak barangan yang mengalami penurunan dan ada tidak barangan yang mengalami kenaikan.

Dalam kategori makanan dan minuman sebab ini paling ramai rakyat berbelanja. Pegawai-pegawai pemantau harga yang tugas hakikinya adalah pergi tengok di pasar raya, pasar basah, barang-barang keperluan pengguna kategori makanan ini dan minuman mereka tengok senarai harga 443 barangan. Sehingga Mac sekarang berbanding harga Mei 2018 harga yang paling tinggi ialah berlaku pada cili padi. Cabai Melaka orang Kedah panggil. Ini kenaikan sehingga 70 peratus.

Akan tetapi bila kita semak dengan Kementerian Pertanian yang mengawal bekalan, cili padi ini kita import. Kita tidak cukup dihasilkan dalam negara. Ini kenaikan paling tinggi. Baik, kemudian cili merah kulai itu memang naik tahun ke tahun. Maknanya purata tahun lepas daripada bulan Mei dan purata sekarang. Dia kalau saya sebut kenaikan itu mungkin di Perlis harganya lebih murah berbanding di Johor misalnya. Akan tetapi yang kita cakap ini harga purata. Akan tetapi purata kenaikan itu luar biasa. Bila saya semak dengan Kementerian Pertanian yang mengawal bekalan untuk item ini kenaikan itu tinggi kerana import. Cili kulai yang sekarang ini MAQIS hadkan. Tidak benar masuk sebab kandungan racun. Itu pun kita import dari Vietnam. Jadi kita tidak hasilkan bekalan makanan yang cukup.

Setiap tahun kita membelanjakan hampir RM60 bilion untuk beli makanan dari luar negara. Kita tidak hasilkan makanan yang cukup. Baik, saya ada bilangan di mana daripada 443 barangan yang kita semak tahun ke tahun ini, yang berlaku kenaikan sehingga 217 item. Yang berlaku penurunan sehingga 223 item. Jadi hampir seimbang. Naik dan turun.

Akan tetapi saya mahu tahu apakah secara *precise*-nya, kalau disebut makanan dan minuman apa yang naik, apa yang turun. Ikan parang misalnya berbanding tahun lepas Mei sehingga sekarang penurunannya sehingga 44.25 peratus. Ikan parang contoh, ya. Kemudian bawang kecil merah import dari Myanmar, satu kilo sekarang ini harganya 397 berbanding dulunya RM6.60 turun 39.85 peratus. Bawang kecil merah import dari Myanmar. Bawang kecil merah ros import dari India turun juga 18.90 peratus.

Kelapa biji. Kelapa biji ini kita beli kebanyakannya dari Indonesia. Bawa masuk sahaja dengan kapal atau dengan tongkang mendarat sahaja di bumi kita 85 sen sebiji. Akan tetapi harga kelapa di atas pokok di Bagan Datuk harganya atas pokok RM1.10. Jadi kita bawa masuk terlebih murah kerana itu Kementerian Pertanian keluarkan AP. Akan tetapi kelapa biji ada tidak penurunan berbanding Mei tahun lepas? Tahun ke tahun. Tahun lepas RM2.41 purata harga. Tahun ini RM2.03.

Bihun kering- sebab barang yang saya sebut Tuan Yang di-Pertua, ialah bila tabiat rakyat Malaysia berbelanja dia pergi ke pasar raya sahaja, *supermarket* apa dia mesti masuk dalam troli? Bihun, minyak masak, *processed food*, *nuggets*, roti, gula, tepung, bawang. Senarai inilah yang saya minta pegawai-pegawai saya yang memantau harga semak supaya saya boleh kongsi. Jadi dalam 30 item barangan itu benar kenaikan yang berlaku itu ada. Penurunan juga berlaku.

Jadi langkah yang lebih tepat adalah memahami dalam sistem rantai bekalan supaya kita boleh terus pergi kepada punca kenapa kenaikan itu berlaku dan kalau penurunan berlaku, bagaimana kita boleh kekalkan. Jadi itu antara langkah tindakan yang sedang dan telah kita lakukan untuk makluman. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Sila.

**Ir. Md. Nasir bin Hashim:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan. Soalan tambahan saya adalah pagi ini saya sempat menghubungi pembekal ayam. Ini di kawasan Johor Bahru lah. Saya difahamkan harga ayam pada hari ini di ladang secara borong ialah RM4.10. Ini sebenarnya soalan bocor ini pagi tadi pegawai Yang Berhormat Menteri sudah tanya saya. Sementara ayam bersih hari ini ialah RM5.40. Saya difahamkan dan saya diberitahu pula esok harganya di ladang atau malam ini harga di ladang akan berubah menjadi RM4.30, bermakna ada kenaikan 20 sen dan esok harga borong yang dihantar ke pasar itu. Ini bukan harga runcit di pasar ya tetapi harga borong daripada pembekal ke pasar RM5.70. Jadi ada kenaikan 30 sen.

Jadi saya ingin tahu apakah tindakan sebab saya difahamkan dalam bulan Mei yang akan datang ini dia ada dua kali kenaikan harga ayam. Satu esok pada 1 Mei sebab esok semua orang cuti orang makan ayam agaknya esok dan satu lagi kenaikan ialah pada awal puasa. Jadi

bermakna dalam bulan Mei ini ada dua kali kenaikan. Jadi apa tindakan kementerian untuk mengawal kenaikan harga ini terutama sekali untuk pada menjelang hari raya nanti. Ini kerana saya difahamkan pada harga RM4.10 itu di ladang itu pun tauke ayam ladang itu pun sudah buat untung. Jadi adakah pihak kementerian akan berbincang dengan pihak ladang dan juga pembekal untuk menstabilkan harga ayam. Sekian terima kasih.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih sahabat saya yang bertanya. Apakah kerajaan ada mengambil langkah-langkah untuk membuat persiapan terhadap potensi kenaikan harga itu yang disebut tadi. Jawapannya ya. Pertama, saya menjemput pihak pengusaha ladang ayam ini untuk berbincang dengan mereka. Bahkan yang terbaru minggu lepas saya menjemput pengusaha ladang ayam yang terbesar di Malaysia yang syarikat dia telah pun menerima kelulusan SC untuk penyenaian. Dia bukan hanya ada operasi ladang di Malaysia, tetapi di Indonesia, Singapura, Thailand dan Filipina. Okey, besar dia punya industri. Penting untuk saya tahu dengar *from the horse's mouth* daripada dia sendiri sebab saya hendak faham apakah kos yang terlibat dan apa faktor yang melonjakkan harga.

**-1020**

Okey, benar yg disebut oleh sahabat saya dari Johor Bahru tentang harga di ladang berbeza dengan harga di runcit.

Fakta yang pertama Tuan Yang di-Pertua ialah sekarang ini pengusaha ternakan kita, ayam telur, ayam daging dan ternakan yang lain, mereka sangat bergantung kepada makanan ternakan yang diimport. Jumlah nilai import itu ialah RM3 bilion setahun. Tiga komponen utama gandum, jagung, *soya bean*. Kebanyakan kita beli dari Brazil dan Argentina. Bila kita import, ada satu perkara yang di luar kawalan kita. Import, bayar dengan *US Dollar*. Kalau Ringgit kita kukuh, maka kosnya rendah. Akan tetapi kalau Ringgit kita lemah, kita kena bayar lebih dalam *US Dollar*.

Jadi dalam keadaan itu pula, kos yang paling tinggi dalam industri ternakan ayam ini selain daripada sewa, upah, bil api, bil air segala macam ini, 70 peratus adalah makanan. Bahkan untuk menghasilkan satu kilo berat ayam, dia mungkin dalam tempoh 40 hari atau 45 hari, dia kena makan 2 kilo makanan. Jadi kosnya itu tinggi kalau 70 peratus, di situ menentukan harga ladang.

Akan tetapi seperti yang saya sebut tadi, dalam rangkaian bekalan itu ada satu lagi. Dia bukan ladang terus kepada meja penjual ayam, dia ada lagi, di situ peranan orang tengah. Permainan harga ikut berlaku di sini. Kalau harga di ladang murah sekalipun, harga di meja runcit sana belum tentu rendah kerana harga ikut dipengaruhi oleh peranan orang tengah di sini. Jadi, itu juga satu faktor yang dibuat.

Kalau ditanya kepada saya sudah-kah saya berjumpa dengan orang tengah, saya belum jumpa lagi. Watak ini pun kita tidak tahu. Kadang-kadang- kalau kita berbual dengan pemain industri, dia kata kita tahu mereka ini. Mereka ini-lah yang patutnya dijadikan tumpuan dan fokus oleh bahagian penguat kuasa kerana sistem ini sudah berjalan begitu lama.

Langkah yang seterusnya adalah ayam ini baik apa juga musim perayaan, memang kita masuk dalam kawalan harga, dia tidak boleh lebih daripada itu. Ini untuk melindungi pengguna. Dalam membuat kawalan harga ini Tuan Yang di-Pertua, peniaga biasanya marah kepada kerajaan sebab musim perayaan permintaan tinggi tetapi kerajaan kawal harga. Kalau dia ada niat untuk mengambil untung lebih sedikit, maka dia rasa terkongkong, terhalang di situ.

Akan tetapi pengguna, dia akan hantar macam-macam maklum balas. Kenapa pendek sangat tempoh, 15 hari. Kenapa tidak tambah 40 hari. Jadi reaksi yang berbeza ini memudahkan kita faham kerana kerajaan terpaksa seimbangkan antara kepentingan penternak, peladang, peniaga dan juga rakyat sebagai pengguna terbanyak. Jadi, kementerian sangat maklum perkara yang disebut oleh Yang Berhormat Senator daripada Johor Bahru tentang trend ataupun dari segi kenaikan dan langkah segera untuk *cap* siling harga dalam pengumuman dalam sedikit masa yang akan saya buat. Terima kasih banyak.

**Dato' Isa bin Ab. Hamid:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga jawapan Yang Berhormat Menteri yang saya tengok agak jelas. Cuma bila kita bercerita tentang ayam tadi, mungkin ayam di bandar dapat kita kawal tetapi ayam luar bandar. Oleh sebab apa yang saya dapat *info* daripada rakan di Gua Musang, Pos Simpang, Pos Hau, Pos Gob, seekor ayam di jual hingga RM50. Kalau kita lihat ayam itu sekilo ke sekilo setengah, maksimum pun dua kilo. Manakala harga ayam mencecah hampir RM20 ke RM25, dengan harga pasaran harga runcit dalam RM7.80 sekitar RM6 lebih. Dengan ini, apakah langkah khas yang boleh dibuat oleh kementerian untuk mengawal dan pemantauan harga-harga di luar bandar? Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih. Ini pertama kali Tuan Yang di-Pertua, saya dengar harga ayam sampai RM50. Saya minta maaf, mungkin saya terlepas pandang. Oleh kerana perkara ini sangat spesifik, berlaku pula di pos-pos penempatan Orang Asli di Gua Musang, bagi masa untuk saya minta pegawai-pegawai penguat kuasa saya di Kelantan untuk sampai ke tempat-tempat itu, tengok pula dari mana ayam itu dapat, pembekalnya, peruncit dia siapa. Itu akan lebih adil untuk kita membuat kesimpulan.

Namun, jaminan yang saya bagi tadi ialah kalau pada musim perayaan, amalan peniaga yang menjual lebih harga siling, itu memang dia akan terima Notis 21 Akta Kawalan Harga. Dia kena bagi semua dokumen yang berkaitan, dia kena bagi justifikasi kenapa mesti harga tinggi itu

yang dia kenakan. Kita akan dengar dahulu, bukan terus ambil. Kalau umpamanya penjelasannya tidak munasabah, kita tidak ada pilihan. Kertas siasatan dibuka dan dia akan berakhir kepada pendakwaan.

Jadi kalau berlaku umpamanya di beberapa kawasan di Gua Musang, kenaikan harga yang begitu luar biasa, kerajaan sangat prihatin, Ahli Yang Berhormat boleh memberikan maklumat langsung kepada saya nanti dan saya akan segera. Komitmen yang saya berikan adalah yang disebut tadi Pos Gob dan segala macam itu, saya akan minta pegawai-pegawai saya sampai di situ dalam masa terdekat ini supaya fakta yang lebih tepat dan sahih dapat kita kenal pasti sebelum kita menyusun langkah tindakan selanjutnya. Terima kasih.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, kenaikan harga barang sebenarnya banyak perkara sampingan yang menyebabkan barang keperluan harian naik. Jadi yang kita rakyat bercakap hari ini adalah tentang disabitkan dengan sistem percukaian negara. Baru-baru ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri berkata, "Kerajaan akan memperkenalkan cukai baharu bagi menjana hasil negara". Ini juga melibatkan dengan harga barang, kenaikan ataupun penurunan harga barang. Adakah ini merupakan satu petunjuk bahawasanya kegagalan SST dan adakah kerajaan bercadang untuk kembalikan kepada GST? Itu soalan pertama.

Soalan kedua, apakah indikator yang digunakan untuk ukur dan bezakan harga barang keperluan harian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih sahabat saya dari Terengganu. Saya semalam di Terengganu, Terengganu ini aduan kepada KPDNHEP yang paling sohor adalah harga di kedai makan mahal. Jadi apa yang KPDNHEP buat sekarang adalah bagi setiap lapan kawasan Parlimen, daerah di Terengganu, kita sedang senaraikan kedai makanan dan minuman yang harganya munasabah dan kita akan uar-uarkan. Jadi itu antara ikhtiar sebab Terengganu ini menjadi tumpuan pelancong dan aduan paling tinggi adalah harga makanan mahal di restoran. Itu antaranya.

Saya hendak balik kepada soalan yang pertama. Sistem cukai ada atau tidak mempengaruhi harga runcit? Adapun pengumuman cukai baharu yang disebut itu antara lain termasuklah memang kerajaan bercadang untuk mengenakan cukai bagi minuman yang dipanggil *soda tax* ini, minuman manis dalam tin yang sedia diminum itu. Itu memang telah pun diumumkan oleh Kementerian Kewangan untuk satu tempoh saya tidak ingat Julai atau apa tahun ini, mereka hendak kenakan kutipan cukai bagi minuman manis ini. Itu hikmahnya adalah untuk orang atau rakyat Malaysia ini kurangkan pengambilan makanan manis. Jadi, potensi kena

segala macam penyakit dapat dikurangkan, jadi belanja kerajaan untuk berubat dapat dikurangkan. Itu benar pengumuman cukai baharu itu.

Saya boleh sebut di sini bahawa barangan yang dikenakan SST ini sebenarnya, bila kita tamatkan GST, kemudian tiga bulan tempoh *tax holiday* tidak ada cukai, kemudian kita mulakan SST. Walaupun namanya sistem cukai sekarang ini SST, tetapi barangan pengguna ini banyak yang kita kecualikan daripada SST. Kerajaan tidak kutip pun SST. Lebih banyak barangan yang kerajaan tidak kutip cukai berbanding kerajaan kutip cukai. Misalnya, kalau saya boleh semak di sini. Bilangan item semasa GST ini, makna barangan mengikut kategori barangan kita-lah, makanan dan minuman, minuman alkohol dan tembakau, hiasan, perkakasan, penyelenggaraan rumah, kesihatan, perkhidmatan rekreasi, pelbagai barangan. Apa yang dikenakan SST ini ada tiga peringkat iaitu kosong, 5 peratus dan 10 peratus.

#### ■1030

Jadi, sebenarnya yang tak dikenakan SST ini kan, macam saya bagi contoh senarai yang ada pada saya ini, barangan makanan dan minuman. Dia lengkap ini, 443 termasuk yang popular dan tidak popular. Kalau saya boleh baca dengan pantas. Ikan parang, bawang kecil, ikan pari, ketam, sotong, ikan merah, bawang kecil merah, ikan jenahak, limau nipis, ikan tamban, bawang besar- segalalah. Lengkap ini 443. Kena SST atau tidak?... Kosong. Semua kosong SST. Sebab itu ikan parang yang saya sebut tadi, turunnya 44.25 peratus kerana SST kosong. Ikan merah. Daging lembu import turun 17.93 peratus- kosong SST. Ikan kerapu turun 15 peratus- kosong SST. Kelapa biji yang kita bawa tadi, tak kena SST. Bawang putih import dari China turun 13.7 peratus- kosong SST.

Jadi, ada tak barangan di mana kerajaan tak kutip SST turun? Ada. Sebaliknya, ada tak barangan yang kerajaan tak kutip SST tetapi harga naik? Ada, ada juga. Itu yang saya sebut tadi misalnya bawang besar import dari China, itu naik 24 peratus walaupun kerajaan tak kutip SST. Jadi kalau kerajaan tak kutip SST, bermaksud sepatutnya pengguna menikmati harga rendah. tetapi itu tak berlaku. Sebab itu kita buat analisis rantai bekalan tadi nak tahu puncanya dekat mana.

Sebab kalau tadi saya sebut ada amalan pengimport kaut harga sampai 133 peratus, di situ sahaja yang kerajaan kenakan cukai. Akan tetapi pengimport kepada pemborong, kerajaan tak kutip cukai lagi. Pemborong kepada pengedar, kerajaan tak kutip cukai. Masa GST dulu, kena. Jadi sebab itu di setiap *layer* itu kita nak kesan. Sudah tentulah mustahil untuk kita tengok semua jenis barangan. Pergi satu *hypermarket*, ada 40,000 *stock keeping unit* barangan tetapi yang kita berminat adalah barangan pengguna yang paling kerap dibelanjakan, okey?

Itu berkaitan kesan harga cukai baharu, kenaaan cukai, apakah faktor SST/GST. Buat masa sekarang, keputusan untuk mengekalkan SST itu *remain the same*, dengan izin ya, sama.

Baik, yang ketiga tadi. Ketiga tadi, Yang Berhormat- ingatkan saya balik yang ketiga tadi, yang akhir tadi.

**Datuk Razali bin Idris:** Perkara yang akhir tadi indikator.

**Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail:** Ha, indikator. Tuan Yang di-Pertua, indikator yang kita gunakan sudah tentulah Indeks Harga Pengguna, *Consumer Price Index*. Itu indikator yang kita, kementerian dan *Department of Statistic*, Jabatan Perangkaan akan bagi kerjasama dan setiap bulan dalam pembentangan Nota Jemaah Menteri, menjadi tugas saya untuk memaklumkan kepada Jemaah Menteri kedudukan harga ini. Kayu ukurnya adalah Indeks Harga Pengguna yang ada enam pemberat iaitu makanan, perumahan, *utilities*, pengangkutan, kesihatan dan pendidikan.

Enam pemberat ini bermaksud bila rakyat Malaysia berbelanja, *weightage* atau komitmen kewangan daripada enam perkara inilah yang memberikan Indeks Harga Pengguna itu. Paling tinggi sekali di antara enam ini adalah segmen makanan. *Weightage* atau pemberat yang paling tinggi ini makanan. Dia mencecah sehingga 30 peratus sebab rakyat Malaysia ini lebih rendah pendapatan rakyat, lebih banyak perbelanjaan dia untuk makanan. Okey? Itu satu.

Komponen yang kedua yang kita ukur ini adalah indeks inflasi. Indeks inflasi ini tahun ke tahun. Indeks inflasi itu secara *precise* menentukan kedudukan harga barang bagi sesebuah negara dan juga termasuk Malaysia ya. Sudah tentu kalau berbanding negara ASEAN yang lain, indeks inflasi bacaan tahunan ini di kalangan negara ASEAN, kita rendah. Akan tetapi, saya tak terlalu *obsess* sangat dengan angka. Apa yang kita hendak ialah apakah indeks inflasi yang rendah atau *Consumer Price Index* yang rendah mempengaruhi kehidupan rakyat waktu berbelanja. Itu lebih besar sebenarnya yang kita hendak tengok. Akan tetapi, kita tak boleh abaikan sebab sebahagian daripada sistem bernegara berurusan dalam ekonomi ini, kita perlu bacaan indeks CPI dan juga inflasi sebagai penyukat dalam menentukan kedudukan harga barang dalam negara kita. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Datuk Seri Saifuddin Nasution bin Ismail, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwat Pengguna. Jelas kepada kita dan pihak Dewan berterima kasih kepada Yang Berhormat Menteri sendiri turun jumpa kita di Dewan ini. Terima kasih banyak ya.

Sekarang saya hendak beralih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad bin Mustafa. Silakan.

**2. Tuan Haji Muhamad bin Mustafa** minta Perdana Menteri menyatakan, adakah kerajaan berhasrat untuk meminda RUU 355 yang sebelum ini dibawa secara RUU Persendirian bagi menaikkan had hukuman jenayah mahkamah syariah seterusnya memartabatkan mahkamah syariah setaraf dengan mahkamah sivil dalam bidang jenayah.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Fuziah binti Salleh]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Tuan Haji Muhamad bin Mustafa di atas soalan ini.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan pada hari ini komited di dalam memperkasa mahkamah syariah secara menyeluruh dan komprehensif. Dalam hal ini, menaikkan kadar hukuman atau bidang kuasa mahkamah syariah dalam bentuk jenayah adalah merupakan salah satu aspek penambahbaikan untuk memperkasakan mahkamah syariah.

Kerajaan akur bahawa bidang kuasa mahkamah syariah adalah terbatas dengan peruntukan di bawah Akta Mahkamah Syariah (Bidang Kuasa Jenayah) 1965 [*Akta 355*], dan had hukuman yang diperuntukkan di bawah akta ini juga ada kalanya tidak setimpal dengan kesalahan. Maka kita lihat Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997, atau Akta 559 serta juga Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah di negeri-negeri menggunakan had hukuman ini dan keadaannya juga timbul di mana ada kalanya tidak setimpal dengan jenis kesalahan yang ditetapkan.

Justeru itu, tentu sekali sebagai satu konsep holistik memperkasakan mahkamah syariah, kerajaan berhasrat untuk meminda Akta 355. Walau bagaimanapun, ia tidak boleh dilaksanakan secara berasingan kerana aspek pemerksaan mahkamah syariah terutamanya dalam bidang jenayah bukan sahaja tertumpu terhadap isu bidang kuasa atau had hukuman di bawah Akta 355 semata-mata tetapi ia meliputi pelbagai aspek yang sama penting seperti peningkatan tahap kompetensi hakim, pendakwa syarie dan pegawai penguat kuasa agama, aspek penambahbaikan tadbir urus dan prasarana pihak-pihak yang terlibat.

Kita juga harus melihat kepada penggubalan dan pindaan undang-undang syariah sedia ada serta juga penyeragaman dan penyelarasan undang-undang jenayah yang sekarang ini belum ada lagi penyelarasan di negeri-negeri. Aspek-aspek ini semua penting dalam memartabatkan mahkamah syariah setaraf dengan mahkamah sivil.

Dalam hal ini, kerajaan juga sedang dalam kajian untuk menambah baik hierarki Mahkamah Syariah sama ada empat tingkat mahkamah syariah seperti yang dilaksanakan di Perak atau lima tingkat mahkamah syariah seperti yang dicadangkan oleh Jabatan Peguam Negara.

Sehubungan dengan itu, kerajaan akan meneliti secara lebih mendalam dan holistik Akta 355 dan undang-undang lain yang berkaitan dengannya sebelum sebarang pindaan dan penambahbaikan dibuat terhadap akta tersebut dan undang-undang lain yang berkaitan dengannya bagi memastikan aspek pemerkasaan mahkamah syariah terutama dalam bidang jenayah tercapai seiring dengan aspek-aspek lain yang perlu diberi penekanan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Muhamad bin Mustafa:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri.

Soalan tambahan saya nombor satu ialah berkenaan dengan pindaan kepada had hukuman. Apa yang menjadi masalah sekarang ini ialah undang-undang jenayah syariah di mahkamah syariah itu sendiri, apakah ia menepati *maqasid syariah*? Itu yang paling pokok sekali. Setelah negara kita mencapai kemerdekaan sampai ke hari ini, mahkamah syariah tidak melaksanakan undang-undang syariah mengikut *maqasid syariah* yang benar. Apa yang diamalkan ialah sebagaimana yang disebut dalam satu tesis Prof. Emeritus Dato' Paduka Dr. Mahmood Zuhdi bahawa mahkamah syariah tidak mengamalkan undang-undang jenayah syariah itu sendiri. Namanya mahkamah syariah tetapi undang-undang jenayahnya bercanggah dengan undang-undang jenayah yang berdaulat di negara sekarang.

■1040

Jadi saya ingin tanya Yang Berhormat, bagaimanakah pendekatan yang diambil oleh kerajaan untuk mengatasi undang-undang jenayah syariah yang bercanggah dengan undang-undang warisan penjajah yang diamalkan dan berdaulat di negara ini? Itu yang jadi masalah. Adapun yang lain-lain itu saya rasa mudah untuk dilaksanakan. Apa yang paling payah ialah undang-undang jenayah yang diamalkan di Mahkamah Syariah ini tidak menepati *maqasid syariah*, ia tidak menepati undang-undang jenayah syariah yang benar dan bercanggah dengan undang-undang jenayah yang diamalkan di peringkat nasional. Sekian, terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih di atas soalan tersebut. Cuma saya agak- kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, kalau boleh Yang Berhormat Senator lebih jelaslah. Adakah benar apa yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator ialah mengapa undang-undang hudud tidak dilaksanakan? Adakah itu soalan yang dimaksudkan? Ini kerana apabila dikatakan bahawa kita tidak melaksanakan undang-undang jenayah syariah, saya ingin mengatakan bahawa di negara kita, kita melaksanakan undang-undang takzir di dalam menangani masalah jenayah

syariah. Jadi, bidang kuasa dan had hukuman, ini dua perkara. Satu ialah bidang kuasa yang telah ditentukan dalam Akta 355. Kedua ialah had hukuman.

Tuan Yang di-Pertua, apabila kita bercakap tentang bidang kuasa Akta 355, ia melibatkan seluruh umat Islam dan bukan umat Islam. Apabila kita bercakap tentang had hukuman, kita had hukuman itu dia tertakluk kepada Mahkamah Syariah apabila ia telah kita guna pakai dalam Mahkamah Syariah. Jadi, memang betul kerajaan mengambil kira untuk meneliti semula bidang kuasa serta juga had hukuman.

Akan tetapi, seperti yang saya katakan tadi jenayah syariah kita menggunakan undang-undang takzir dan masalah kita sekarang ini yang lebih utama pada pandangan kerajaan pada hari ini ialah untuk menyeragamkan. Kita tidak ada undang-undang yang seragam di antara negeri-negeri. Jadi, itu juga merupakan keutamaan kita sebab kita tengok dalam negeri, satu negeri dan satu negeri yang lain, kita tidak ada penyeragaman.

Jadi, saya tidak dapat gambaran yang jelas daripada Yang Berhormat tadi, adakah Yang Berhormat bermaksud sama ada kita hendak laksanakan hudud atau tidak. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Muhammad bin Mustafa:** Terima kasih. Tambah sedikit ya. Yang Berhormat kena faham, soal undang-undang jenayah syariah ini ia ada undang-undang yang telah ditetapkan oleh Allah yang tidak boleh dipinda oleh kerajaan. Ia ada di sana hak Allah dan hak kerajaan. Apa yang jadi masalah sekarang ini hak Allah di ceroboh, yang menjadi undang-undang yang menjadi hak Allah juga ditakzirkan, dijadikan takzir.

Padahalnya undang-undang ini mesti dikekalkan sebagaimana biasa. Yang Berhormat sudah tahu benda ini cuma saya rasa dia boleh faham di antara dengan hak Allah dengan hak kerajaan. Apa yang saya sebut sekarang ini ialah hak Allah itu di ceroboh di mana undang-undang jenayah syariah itu di ceroboh lalu diganti dengan undang-undang takzir. Ini satu kesalahan yang besar, bukan main-main ya. Memang hak Allah diceroboh.

Sekarang ini orang *duk* cerita mengenai orang mencerca Nabi, mencerca Yang di-Pertuan Agong dan sebagainya. Sebenarnya kita sudah menghina undang-undang Allah itu sendiri dengan kita menjadikannya sebagai undang-undang takzir, sedangkan ia bukan undang-undang takzir. Itulah apa yang saya dapat faham daripada kajian yang dibuat oleh Profesor Dato' Dr. Mahmood Zuhdi yang mengesahkan bahawa mahkamah syariah tidak menjalankan hak Allah dari segi undang-undangnya. Sekian, terima kasih.

**Puan Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Senator, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Insyah-Allah*, seperti saya katakan tadi memang kerajaan komited untuk mengkaji

dan kita boleh mewujudkan *task force*. Yang Berhormat boleh bersama-sama di dalam *task force* tersebut, kita runding sama-sama. Saya harap perkara ini tidak dipolitikkan sebab sebelum ini ia dibawa dalam perspektif di mana ia menimbulkan kerisauan di kalangan orang ramai di bawah, ia dipolitikkan. Saya komited dan kerajaan pada hari ini komited. Kita bincang sama-sama, boleh kita bincang secara baik di peringkat kerajaan.

Yang Berhormat Senator boleh turut serta dan tidak harus kita- kita harus pisahkan berkenaan dengan masalah menghina agama tadi. Oleh sebab menghina agama boleh kita ambil undang-undang dalam undang-undang sivil. Kalau dalam undang-undang- kalau orang Islam menghina agama Islam boleh kita ambil hukuman di bawah undang-undang jenayah syariah. Cuma had hukuman itu tidak cukup baik, tidak cukup seperti yang saya katakan tadi tetapi boleh juga kita ambilkan hukuman di bawah undang-undang sivil.

Jadi kita pisahkan perkara itu dan kita ambil yang pertama tadi Yang Berhormat kata berkenaan dengan undang-undang. Definisi, definisi undang-undang syariah mengikut apa yang disyarahkan oleh salah seorang daripada ulama. Boleh kita ambil kira semua pandangan dan bukan sahaja satu pandangan. Kita terbuka untuk berbincang dengan baik, kita terbuka demi untuk kebaikan umat Islam, kita bincang secara terbaik dan kita lihat apa yang terbaik. Saya dengan lapang dada akan menerima perbincangan ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada? Oh! Tidak ada. Sekarang kita pergi kepada Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing. Silakan.

**3. Dr. Nuing Jeluing** minta Perdana Menteri menyatakan, apakah pencapaian setakat ini dalam pembaharuan institusi seperti yang dijanjikan dalam Manifesto Pilihan Raya Pakatan Harapan. Jelaskan transformasi yang telah dicapai dan dilaksanakan setakat ini. Apakah yang masih dalam perundingan, di peringkat manakah penubuhan IPMC, SPRM melaporkan terus ke Parlimen dan memisahkan kuasa AG ke dalam Seksyen Peguam Negara dan fungsi pendakwaan.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dr. Nuing. Soalan yang agak- minta maaf Tuan Yang di-Pertua, berhimpun banyak soalan dalam satu soalan ya. Akan tetapi, bagaimanapun saya mengucapkan tahniahlah kepada Yang Berhormat kerana soalan yang agak baik ini.

Kerajaan amat komited dalam memacu reformasi melalui pemeraksanaan governans, integriti dan antirasuah di semua peringkat bagi mengembalikan keyakinan rakyat terhadap pentadbiran kerajaan. Justeru itu, dalam usaha untuk memperkasakan agenda pencegahan

rasuah di negara ini, kerajaan telah menubuhkan Pusat Governans, Integriti dan Anti-Rasuah Nasional (GIACC) yang diberikan mandat antara lain untuk menasihati, merancang, menyelaras dan menilai inisiatif-inisiatif berkaitan governans, integriti dan anti rasuah.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, satu Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti-Rasuah (JKKMAR) yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dianggotai oleh ramai anggota Kabinet yang kanan dan juga *senior civil servant*. Kebetulan saya juga adalah salah seorang anggota jawatankuasa tersebut. Jawatankuasa khas ini telah ditubuhkan bagi menyelaras pelaksanaan, memantau dan menilai keberkesanan semua inisiatif berkaitan governans, integriti dan anti-rasuah di semua sektor sama ada kerajaan mahupun swasta. Usaha ini memerlukan satu rancangan bersepadu dan menyeluruh. Justeru itu, kerajaan telah mewujudkan Pelan Antirasuah Nasional (NACP) bagi menggabungkan semua usaha mengenai governans, integriti dan anti-rasuah di bawah satu pelan bersepadu.

Tuan Yang di-Pertua, antara inisiatif yang telah digariskan dalam NACP termasuklah usaha pembaharuan institusi seperti berikut, antaranya:

- (i) mereformasi sistem perundangan dan pilihan raya;
- (ii) mentransformasikan Suruhanjaya Integriti Agensi Penguatkuasaan (SIAP) kepada Suruhanjaya Bebas Aduan dan Salah Laku Polis (IPCMC) bagi menangani isu integriti dan mengekang salah laku anggota Polis Diraja Malaysia;
- (iii) akauntabiliti SPRM kepada Parlimen; dan
- (iv) menambahbaikkan keberkesanan institusi sistem perundangan dan kehakiman iaitu memastikan pengasingan kuasa yang jelas dalam memartabatkan keadilan iaitu kuasa pendakwa raya hendaklah diasingkan daripada peguam negara.

Bagaimanapun yang ini ya, untuk makluman Yang Berhormat ia memerlukan pindaan kepada undang-undang khususnya Perlembagaan dan memerlukan dua pertiga. Untuk pengasingan pendakwa raya dan peguam negara untuk makluman Yang Berhormat, ia adalah satu *massive exercise*, kalau kita hendak buat ini satu *massive exercise*. Jadi kajian yang menyeluruh perlu dilakukan.

#### ■1050

Sehubungan itu, kajian terperinci sedang dilaksanakan oleh kerajaan sebelum sebarang pembaharuan dibuat terhadap perkara ataupun undang-undang sedia ada bagi tujuan

pembaharuan institusi di atas bagi memastikan prinsip pada atas undang-undang ataupun *rule of law* dan mekanisme pelaksanaan institusi yang berkesan. Sekian, terima kasih.

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya berpendapat, langkah-langkah mentransformasikan institusi-institusi dan badan-badan yang penting akan menambah baik urus tadbir ke arah ketelusan, keadilan dan secara terbuka. Jika semua janji ini dilaksanakan, ia akan terbaik untuk rakyat dan negara kita. Soalan saya, apakah halangan-halangan atau masalah-masalah, dengan izin, *challenges* yang perlu diatasi untuk mengimplementasikan transformasi ini? Kedua, agaknya bilakah jangka masa atau *timeline*, dengan izin, untuk melaksanakan transformasi ini? Sekian, terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Terima kasih kepada soalan tambahan Yang Berhormat. Untuk makluman Yang Berhormat, saya juga bersetuju dengan apa yang Yang Berhormat katakan tadi bahawa segala pelaksanaan Yang Berhormat tanya itu, kalau dapat dilaksanakan, memang ia adalah suatu yang terbaik. Sebab itulah dalam Manifesto Kerajaan Pakatan Harapan, kita meletakkan satu janji-janji yang terbaik. Sebab kita tahu ini adalah satu pendekatan bagi kita membetulkan keadaan yang berlaku, ada kepincangan sana sini.

Untuk makluman Yang Berhormat, semua ini terangkum dalam apa yang kita panggil reformasi institusi- *structural reform* yang mana *structural reform* ini perlu dilakukan. Dengan tanpa adanya reformasi institusi ini Yang Berhormat, nescaya segala *reform* yang kita hendak buat mungkin tidak akan dapat memberikan pulangan yang baik.

Tentang Yang Berhormat mengatakan- ada dua lagi soalan tambahan tadi. Pertama, jangka masa dulu. Jangka masa- *timeline* itu Yang Berhormat, setakat ini kita tidak meletakkan sebarang jangka masa. Ia proses yang berterusan. Untuk makluman, ada sesetengah itu telah pun dilaksanakan, ada sesetengah itu dalam proses kita sedang mengkaji dengan lebih teliti dan ada proses dalam proses penggubalan dan sebagainya. Jadi semua ini Yang Berhormat, kata orang dalam bahasa Inggeris, *in the pipeline*. Cumanya kita tidak memberikan masa tertentu untuk kita melaksanakan itu.

Minta maaf Yang Berhormat, yang satu lagi itu saya- Yang Berhormat boleh ulang balik yang sebelum itu? Minta maaf Yang Berhormat. Saya catat tetapi saya pun sudah...

**Dr. Nuing Jeluing:** Ya, dengan izin.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Boleh ya Tuan Yang di-Pertua?

**Dr. Nuing Jeluing:** Soalan nombor satu ialah apakah halangan-halangan atau masalah, dengan izin, *challenges* yang perlu diatasi...

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Okey, okey. *I got it*, terima kasih.

**Dr. Nuing Jeluing:** Terima kasih.

**Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin:** Halangan-halangan, cabaran. Yang Berhormat, banyaklah. Antaranya cabaran yang besar kalau ia melibatkan contohnya pengasingan kuasa Peguam Negara dan pendakwa raya, cabaran dari segi Perlembagaan. Dari segi Perlembagaan ini, kita Kerajaan Pakatan Harapan tidak ada dua pertiga. Jadi itu antara halangan juga.

Di samping itu juga, halangan kesediaan banyak pihak, *stakeholders* ini ya. Sebab benda yang kita hendak buat ini Yang Berhormat, ia memerlukan kadang-kadang suatu perubahan yang melibatkan- yang besar. Jadi kadang-kadang pihak-pihak yang hendak menerima perubahan itu pun kadang-kadang mereka tidak bersedia lagi. Jadi kita pun perlu *engage* dengan mereka, berbincang dengan mereka. Sebagai contoh IPCMC saya ambil contoh. Memang, kita sekarang ini dalam proses *negotiation* dengan pihak polis sebab IPCMC ini lebih menjurus kepada pihak polis.

Jadi disebabkan itulah pihak polis sebagai *stakeholder* mempunyai hak untuk mereka memberikan pandangan dan sebagainya. Jadi kita akan dapatkan pandangan mereka dan proses itu adalah proses yang berterusan. Jadi itu antara- saya beri contoh halangan-halangan yang kita tidak boleh hendak buat dalam segera. Jadi itu contohlah saya beri.

Di samping itu juga Yang Berhormat, kadang-kadang halangan yang kita dapat juga adalah halangan-halangan daripada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab, yang memberi gambaran salah terhadap apa yang kita buat. Memfitnah dan sebagainya, memberikan gambar-gambar yang tidak betul. Jadi ini semua menyebabkan kadang-kadang usaha-usaha yang kita hendak buat itu, walaupun baik tetapi telah diberi gambaran yang tidak betul kepada rakyat hingga rakyat pun tidak faham dan rakyat semakin dikelirukan. Rakyat asalnya sudah keliru, dikelirukan lagi. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada lagi? Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin dan saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Yang Berhormat.

Sekarang kita pergi kepada Yang Berhormat Senator Datuk Rabyiah binti Ali, dipersilakan.

**Datuk Rabyiah binti Ali:** Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah soalan nombor empat. Sebelum soalan saya dijawab, untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua, mohon kita mengalu-alukan pelawat-pelawat daripada Universiti Malaysia Perlis... [*Tepuk*] Soalan saya soalan nombor empat.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

4. **Datuk Rabiyah binti Ali** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, status terkini pelaksanaan Zon Perdagangan Bebas Digital atau DFTZ dan apakah prospek dan langkah spesifik yang perlu di ambil bagi memastikan momentum pertumbuhan pasaran eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) melalui inisiatif e-dagang rentas sempadan untuk menyumbang kepada ekonomi Malaysia.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dan Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah, inisiatif Zon Perdagangan Bebas Digital atau *Digital Free Trade Zone* (DFTZ), dengan izin, merupakan inisiatif strategik yang bertujuan untuk meningkatkan eksport Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) tempatan ke luar negara serta menjadikan Malaysia sebagai *fulfillment hub* e-dagang serantau.

Sehingga tahun 2018, terdapat lebih 6,000 PKS tempatan yang telah menyertai pelbagai program bagi tujuan menempatkan produk mereka di dalam platform pasaran maya atau *e-marketplaces* serantau dan global. Pertumbuhan nilai pasaran e-dagang global yang pesat berpotensi untuk membuka peluang kepada PKS tempatan untuk meraih peluang pasaran yang lebih besar melalui e-dagang rentas sempadan.

Menurut kajian bertajuk "*e-Conomy SEA 2018*" dengan izin, oleh Google dan Temasek, e-dagang juga merupakan sektor ekonomi internet yang paling pesat berkembang di Asia Tenggara. Pada tahun 2018, nilai pasaran e-dagang yang dicatatkan adalah sejumlah USD23 bilion dalam *gross merchandise value* (GMV) dan nilai ini dijangka mencapai melebihi USD100 bilion menjelang 2025.

Bagi menggalakkan PKS tempatan untuk memanfaatkan teknologi digital dan meraih peluang yang besar dalam e-dagang, usaha-usaha seperti berikut telah dilaksanakan melalui kerjasama yang erat antara MITI, MED, MATRADE dan MDEC:

- (i) mempromosikan manfaat dan potensi e-dagang kepada PKS tempatan untuk mewujudkan kesedaran yang lebih tinggi;
- (ii) memperluaskan akses pasaran PKS tempatan dengan menggalakkan penyertaan mereka ke pelbagai *e-marketplaces* dalam segmen-segmen B2B, B2C dan B2B2C seperti Alibaba.com, Tmall, eBay, *Eraman* dan Qoo10, Commerce.Asia dan lain-lain;
- (iii) meningkatkan keupayaan e-dagang PKS tempatan melalui pelbagai program seperti [www.goecommerce.my](http://www.goecommerce.my), sebuah pusat sumber atas talian yang menyediakan maklumat dan pengetahuan berkenaan e-dagang serta

- program latihan e-dagang yang disediakan dengan kerjasama pelbagai *e-marketplaces*; dan,
- (iv) meningkatkan permintaan produk Malaysia melalui promosi dan kempen yang dianjurkan bersama *e-marketplaces* dengan menghubungkan pembeli luar negara dengan PKS tempatan dan menampilkan produk-produk buatan Malaysia dalam *e-marketplaces* seperti *Malaysia Week* yang diadakan pada Julai 2018.

Itu sahaja.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Soalan tambahan saya. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Terdapat kebimbangan di mana kesukaran perusahaan kecil dan sederhana manfaat ke pasaran baharu bagi *electronic marketplaces* dan juga DFTZ akan melebarkan risiko persaingan SME tempatan dengan global kerana keadaan nilai pasaran kewangan Malaysia kini.

■1100

Soalan saya bagaimana Kementerian Komunikasi dan Multimedia bersama-sama MITI menangani risiko jenayah komersial di bawah inisiatif DMTZ agar kebimbangan peserta SME DFTZ mendapat jaminan integriti keselamatan yang amat berwibawa? Terima kasih.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua soalan itu yang mula-mula tadi kebimbangan di antara PKS tempatan dan yang bersaing di peringkat global tetapi lanjutan daripada itu yang tanya adalah berkenaan kebimbangan dari segi integriti dan juga perkara-perkara yang melibatkan jenayah komersial. Betul ke itu soalnya?

**Datuk Rabiyah binti Ali:** ...Keselamatan.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Yang macam mana? Keselamatan. Dari segi? Baik, kalau dari segi keselamatan ini MDEC dan juga KKMM sentiasa memantau dan meneliti apa juga masalah-masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang terlibat di dalam e-dagang ini khususnya yang bergiat secara aktif di DFTZ. Kita tidak nampak masalah yang dihadapi oleh syarikat-syarikat yang terlibat dalam perniagaan e-dagang ini kerana dari semasa ke semasa kita nampak penglibatan syarikat itu bertambah bahkan jumlah nilai dagangannya pada setiap tahun juga telah meningkat dari semasa ke semasa dan *CyberSecurity* isu yang berkaitan keselamatan. *CyberSecurity* itu adalah fokus utama yang dibuat oleh pihak MDEC untuk memastikan bahawa semua *industry player* dengan izin yang terlibat akan mendapat jaminan keselamatan dan MDEC sentiasa bekerjasama dengan AKSA untuk menangani masalah-masalah yang berkaitan dengan soalan integriti dan keselamatan ini.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Baik, ada soalan?

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri dalam perbahasan Titah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, saya membangkitkan soal kemasukan NPS- *New Psychoactive Substances*, atau dadah jenis baru ini Tuan Yang di-Pertua. Masuk ke negara kita dengan begitu banyak. Baru-baru ini di Vienna telah diumumkan sebanyak 739 jenis NPS ini dan AADK hanya mengenal pasti baru 27. Kemasukan yang begitu banyak ini melalui salah satunya ialah melalui perniagaan atas talian ini Yang Berhormat.

Jadi, soalan saya, apakah MCMC atau bagaimana saringan hendak dibuat oleh MCMC berhubung dengan kemasukan yang begitu banyak ini? Kadang-kadang dalam bentuk *sweet*, dalam bentuk gula-gula. Anak-anak sekolah sekarang boleh beli sudah RM5, RM10, RM15 dan terlalu murah. Ramai yang telah pun membuat kompelin Yang Berhormat Menteri bahawa barang-barang yang masuk melalui talian perniagaan atas talian ini banyaknya tidak dapat di cari bentuk cukainya.

Jadi, dikatakan bahawa hasil kutipan cukai daripada pembelian atau penjualan melalui e-dagang ini tidak dapat dikutip sepenuhnya. Jadi, apakah kementerian bekerjasama dengan Kementerian Kewangan untuk mengutip cukai-cukai ini atau bagaimana hendak mengatasi kebocoran cukai melalui sistem e-dagang ini. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Dengan izin, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan tersebut. Berkenaan urus niaga pembelian jual beli dadah melalui secara *online* ini, ianya berkaitan dengan bidang kuasa tugas yang diberikan kepada *Pharmacy Unit* daripada *CyberSecurity* dan juga MCMC yang sentiasa memantau urusan yang berkaitan dengan perniagaan secara *online* ini.

Walau bagaimanapun, untuk kesalahan-kesalahan ataupun siasatan yang berkaitan dengan kes-kes dadah ini berada di bawah bidang kuasa PDRM ataupun KDN. Manakala urusan transaksi *online* ini juga terletak di bawah bidang kuasa KPDNHEP. Jadi, KKMM kalau menerima aduan yang sedemikian akan bekerjasama dengan pihak Polis dan KPDNHEP untuk mengatasi masalah ini dan memastikan perkara-perkara ataupun kebocoran yang sedemikian tidak akan berlaku dan ini dibuat- pemantau yang sedemikian dibuat dari semasa ke semasa untuk mengelakkan perbuatan jenayah dan tidak bertanggungjawab ini berterusan...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua

**Timbalan Yang di-Pertua:** Dan tak ada dan terima kasih kepada...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua, satu soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada?

**Datuk Razali bin Idris:** Ada.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Kutipan cukai tadi Yang Berhormat.

**Datuk Razali bin Idris:** Yang Berhormat Timbalan Menteri...

**Timbalan Yang di-Pertua:** Nanti kejap Datuk...

**Datuk Razali bin Idris:** Ya, teruskan saya hendak tambah soalan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Datuk Razali bin Idris:** Okey Yang Berhormat Timbalan Menteri, DFTZ sebenarnya diwujudkan oleh kerajaan terdahulu okey. Dalam Bajet 2018, bekas Menteri Kewangan dan juga bekas Perdana Menteri menyatakan fasa pertama DFTZ mensasarkan penyertaan sebanyak 1,500 PKS dalam ekonomi digital dan juga dijangka menarik pelabur sebanyak RM700 juta dan dapat wujudkan peluang pekerjaan sebanyak 2,500.

Untuk tujuan tersebut, RM83.5 juta diperuntukkan untuk membiayai penyediaan infrastruktur fasa 1 DFTZ. Soalan saya apakah yang terjadi dari hasil pelaburan tersebut? Dan yang kedua apakah langkah proaktif kerajaan sama ada jangka pendek atau jangka panjang supaya Zon Perdagangan Bebas Digital betul-betul memperoleh faedah kepada rakyat, pengusaha, dan juga negara. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Terima kasih dan terima kasih kepada Yang Berhormat di atas soalan tambahan dan dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan soalan tersebut Yang Berhormat, itu adalah salah satu daripada matlamat dan sasaran awal penubuhan DFTZ. Akan tetapi kalau kita kaji apakah kejayaan-kejayaan yang terhasil daripada DFTZ ini, kita boleh lihat terdapatnya *transfer of knowledge*, dengan izin, daripada syarikat-syarikat besar berkenaan berkaitan dengan urus niaga e-dagang seperti *eBay*, *Alibaba* dan juga seperti *Lazada* yang juga *transfer of knowledge* ini telah menyebabkan, telah menggalakkan lebih ramai PKS untuk berurusan dengan DFTZ. Kita lihat banyak syarikat-syarikat pasaran baru yang telah diterokai oleh syarikat-syarikat tempatan seperti di Pakistan, Jepun, USA dan juga Hong Kong, Turki serta Saudi.

Ada di antara syarikat-syarikat yang telah berjaya menembusi pasaran ini buat kali yang pertama seperti di *Maldives*, *Singapore*, *Germany*, *Spain* dan juga China. Hasil daripada *transfer of knowledge* yang telah dibuat ini dan dari segi pencapaian lebih 6,000 lebih PKS telah pun menyertai DFTZ. Kerajaan akan meluluskan dan menggalakkan PKS untuk menyertai inisiatif DFTZ. Di antara syarikat-syarikat tempatan ini juga, ada yang telah mendapat peningkatan dari segi jumlah eksport sebanyak lima kali ganda dan peningkatan sebanyak 80 peratus dalam jualan

seperti syarikat seperti Koperasi Usahawan *Groom Big* yang telah memperoleh peningkatan sebanyak 80 peratus. Ada juga syarikat yang sekurang-kurangnya mendapat peningkatan 50 peratus dalam jualan seperti Afi Brake Manufacturing Sdn. Berhad.

■1110

Jadi, hasil-hasil yang diperoleh oleh syarikat-syarikat PKS ini adalah berbaloi berbanding dengan jumlah yang telah dilaburkan oleh kerajaan. Ini menepati sasaran selain daripada sasaran yang telah Yang Berhormat sebutkan sebentar tadi. Saya percaya itu juga merupakan sasaran yang mampu untuk dicapai oleh kerajaan dalam tempoh yang sesuai.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Eddin Syazlee Shith yang telah menjawab dengan baik dan terang. Sekarang saya beralih kepada Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif.

**5. Puan Sopiah binti Sharif** minta Menteri Kesihatan menyatakan, mutakhir ini negara dikejutkan dengan insiden dan sindiket menjual sijil palsu. Adakah kerajaan memantau dan mengenal pasti individu tertentu yang menggunakan sijil dan pengiktirafan amalan palsu dalam memberi rawatan atau nasihat perubatan.

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator.

Pengamal perubatan dikawal selia oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) yang merupakan sebuah badan *regulatory* yang ditubuhkan di bawah Akta Perubatan 1971. Seseorang pengamal perubatan yang ingin mengamal di Malaysia harus memohon untuk berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia selaras dengan Akta Perubatan 1971. Pengamal perubatan berdaftar penuh yang hendak menjalankan amalan sebagai seorang pengamal perubatan harus memohon kepada Pendaftar Majlis Perubatan Malaysia untuk memperoleh Sijil Perakuan Amalan Tahunan ataupun *Annual Practising Certificate* (APC).

Di bawah seksyen 20(7)(a) Akta Perubatan 1971 yang menyatakan seseorang pengamal perubatan berdaftar penuh yang menjalankan amalan perubatan, pembedahan ataupun obstetrik dan ginekologi dan tidak mempunyai perakuan pengamalan tahunan yang berkuat kuasa bagi dirinya melakukan suatu kesalahan terhadap akta ini. Jadi, pengamal perubatan yang mengamalkan tanpa APC yang sah melakukan kesalahan di bawah satu Akta Perubatan 1971.

Pengamal perubatan yang menyediakan kemudahan dan perkhidmatan kesihatan juga mesti mendaftar kemudahan dan perkhidmatan tersebut di bawah Akta 586 iaitu Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998. Jadi, mereka yang

mengamalkan tanpa pendaftaran kemudahan dan perkhidmatan tersebut boleh juga didakwa di bawah Akta 586. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Puan Sopiah binti Sharif:** Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Bilakah Majlis Perubatan Malaysia akan menetapkan satu peraturan penggunaan gelaran doktor (Dr.) hanya kepada doktor pakar perubatan ataupun pergigian yang berpengalaman melebihi 12 tahun selepas memperoleh Sarjana Perubatan yang diiktiraf sahaja? Terlebih dahulu, saya mengucapkan terima kasih kepada Timbalan Menteri yang menjawab begitu memuaskan. Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Ada dua bahagian dalam soalan tersebut. Yang pertama berkenaan dengan gelaran doktor. Gelaran doktor (Dr.) ini cuma boleh diberikan kepada mereka yang berdaftar di bawah Akta Perubatan 1971 iaitu pengamal perubatan yang sah yang berdaftar dengan Majlis Perubatan Malaysia. Jadi, untuk mereka yang pakar, mereka boleh menamakan bahawa mereka sebagai pakar selepas mereka berdaftar dengan *National Specialist Registry*. Jadi, kalau tidak didaftar di bawah *National Specialist Registry*, mereka tidak boleh gelar mereka sebagai doktor pakar. Jadi, dua bahagian- doktor dan doktor pakar. Sekian.

**Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat:** Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, soalan saya adalah mengenai dengan moratorium kerajaan yang dikenakan kepada IPTA terhadap kursus perubatan. Ia telah dikuatkuasakan pada tahun 2011 selama 10 tahun sehingga tahun 2021. Jadi, ini telah membantut perkembangan pendidikan perubatan negara kita.

Soalan saya, adakah kementerian ataupun kerajaan bercadang untuk mengkaji semula penguatkuasaan moratorium tersebut memandangkan nisbah doktor dalam negara kita pada rakyat belum mencapai tahap yang diperlukan oleh *United Nations*? Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih atas soalan tersebut. Walaupun memang dari segi nisbah keperluan untuk kita mencapai nisbah doktor kepada penduduk 1:450 itu masih belum mencapai- setakat ini lebih kurang 1:520. Akan tetapi, kita ada satu *mismatch* dari segi bekalan doktor dan kepakaran mereka.

Jadi, masalah sekarang adalah di mana buat sementara waktu, kita ada terlalu ramai graduan perubatan yang keluar, yang tidak dapat *posting* untuk latihan dalam program pegawai perubatan siswazah, *housemanship training*. Jadi, kita menghadapi masalah kekangan dari segi memberikan mereka peluang untuk latih sebagai *houseman*. Jadi, buat sementara waktu,

moratorium tersebut akan dikekalkan sehingga masalah pembekalan peluang latihan sebagai pegawai perubatan siswazah ini dapat diatasi.

Untuk makluman Dewan ini, bahawa siswazah yang graduan perubatan sekarang masih perlu menunggu lebih kurang lapan bulan untuk mendapat *posting* pertama sebagai *houseman*. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Tuan Yang di-Pertua, minta izin.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Sila.

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, berapa individu setakat hari ini terlibat dengan menggunakan sijil palsu di Kementerian Kesihatan dan adakah ini sangat berleluasa? Sekian, terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Walaupun Majlis Perubatan Malaysia merupakan badan *regulatory* yang keluarkan APC tetapi buat setakat ini, kementerian ataupun Majlis Perubatan Malaysia masih belum menerima sebarang aduan berkenaan dengan APC yang palsu. Majlis Perubatan Malaysia juga tidak berkuasa untuk pergi ke premis untuk memeriksa APC palsu kerana ini adalah di bawah bidang PDRM.

Untuk tahun 2018, ada tiga kes di mana tindakan tatatertib MMC telah dijalankan terhadap pengamal perubatan yang berdaftar sebagai pengamal perubatan di mana pendaftaran pengamal perubatan mereka telah ditarik balik. Ini bukan APC ditarik balik tetapi pendaftaran sebagai *medical practitioner*, pengamal perubatan ditarik balik atas kesalahan-kesalahan yang berkaitan. Terima kasih.

#### ■1120

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh satu soalan? Ringkas sahaja Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan gelaran doktor ini. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, adakah kerajaan bercadang untuk meletakkan *exclusivity* gelaran doktor ini hanya kepada doktor perubatan? Yang mana penggunaannya di hadapan.

Kalau kita tengok dibandingkan dengan di negara-negara luar, penggunaan untuk doktor PhD diletakkan di hujung nama, tidak di hadapan bagi mengelakkan kekeliruan antara doktor perubatan dan juga doktor PhD. Maka, saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan, adakah bercadang untuk menjadikannya sebagai satu *exclusivity for the doctors to use*, dengan izin,

hanya untuk doktor perubatan sahaja dan meletakkan doktor PhD di belakang. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Lee Boon Chye:** Setakat ini tidak ada cadangan tersebut. Mungkin kita boleh lihat tetapi setakat ini mereka yang PhD pun layak sebagai doktor seperti Yang Berhormat Dr. Senator di depan saya, Yang Berhormat Senator Dr. Yaakob bin Sapari, dia pun doktor juga. Jadi, dia PhD doktor. Terima kasih.

**6. Datuk Haji Abidullah bin Salleh** minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menyatakan, langkah terkini yang diambil oleh kementerian dalam meningkatkan lagi mutu penyiaran dan menambah saluran MYTV yang diperkenalkan oleh kerajaan terdahulu. Adakah siaran MYTV akan dihentikan selaras dengan pelan penjimatan dan pengecilan perkhidmatan awam dan status rangkaiannya di negeri Melaka.

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, dalam meningkatkan lagi mutu penyiaran, kementerian telah pun melaksanakan perkhidmatan TV *digital terrestrial* di bawah penjenamaan *myFreeview* yang diberi secara percuma kepada rakyat tanpa sebarang yuran langganan bulanan. Perkhidmatan ini telah disediakan oleh Syarikat MYTV, di mana perkhidmatan siaran *myFreeview* telah pun mencapai liputan sehingga 98 peratus di kawasan berpenduduk, setakat suku pertama tahun 2019. Selain itu, sejumlah 13 lesen baharu telah dikeluarkan kepada penyedia perkhidmatan kandungan dan aplikasi bagi menggalakkan penambahan saluran TV di platform *myFreeview*.

Penyedia perkhidmatan kandungan dan aplikasi baharu ini boleh menyiarkan pelbagai jenis kandungan untuk memenuhi cita rasa semua penonton secara percuma kepada rakyat. Pada masa ini, sebanyak 11 saluran TV dan enam saluran radio sedang bersiaran di platform *myFreeview* untuk dinikmati oleh rakyat. Pihak RTM kini juga sedang menaik taraf saluran TV daripada *standard definition* kepada *high definition*.

Untuk makluman selanjutnya Ahli Yang Berhormat, perkhidmatan siaran *myFreeview* ini telah disediakan dan dikendalikan oleh Syarikat MYTV secara *private sector funding*, di mana kerajaan tidak mengeluarkan sebarang peruntukan bagi menyediakan infrastruktur serta pengendalian perkhidmatan TV digital ini. Langkah ini adalah selari dengan hasrat kerajaan untuk menggalakkan penyertaan syarikat swasta di dalam merencanakan ekonomi serta pertumbuhan

sektor komunikasi dan multimedia. Oleh yang demikian, Syarikat MYTV bertanggungjawab sepenuhnya dalam memastikan penggunaan sumber manusia secara optimum dalam mengurus infrastruktur serta menyediakan perkhidmatan TV digital kepada rakyat.

Untuk makluman, penduduk di negeri Melaka sahaja dapat menerima perkhidmatan siaran *myFreeview* daripada dua pemancar utama iaitu di Gunung Ledang di Johor dan di Bukit Tampin di Negeri Sembilan. Siaran tersebut boleh dinikmati sekiranya penonton memasang peralatan *decoder* dan *aerial Ultra-High Frequency (UHF)* pada set TV sedia ada, atau membeli set TV yang telah dilengkapi dengan peralatan *decoder* yang dikenali sebagai *Integrated Digital Television (IDTV)*. Sekian.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat, sila.

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri di atas jawapan tadi. Jadi, saya mengucapkan terima kasih kepada kementerian kerana masih meneruskan siaran digital kepada siaran analog walaupun syarikat ini telah ditamatkan pada 30 Jun 2018, tetapi mungkin disambung setiap tahun. Jadi, masalahnya sekarang ialah dilaporkan juga sekarang ini kerap berlaku gangguan siaran di sesetengah kawasan terutama di negeri Melaka lah kerana masa dulu syarikat ini telah dapat sambungan, mungkin siarannya tak banyak gangguan. Akan tetapi, mungkin apabila syarikat ini telah ditamatkan kontrak dan mungkin disambung berbulan-bulan ataupun setahun, kemungkinan servisnya kurang.

Jadi, saya hendak tahu daripada kementerian, adakah dengan adanya banyak saingan syarikat lain dengan *decoder* secara *online*, adakah syarikat atau kementerian berhasrat untuk menghentikan syarikat yang beroperasi sekarang? Soalan kedua saya, setakat ini berapa banyak kah *decoder* percuma yang telah dikeluarkan oleh kementerian di negeri Melaka dan juga bagaimana cara kementerian memilih penerima *decoder* secara percuma kepada penerima yang layak? Sekian, terima kasih.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan tambahan. Saya jawab soalan yang kedua. Jumlah khusus *decoder* yang diedarkan di negeri Melaka, kita tidak ada maklumat yang lengkap tetapi saya akan cuba periksa. Akan tetapi, di seluruh negara kita telah edarkan lebih kurang sejumlah 1.6 juta *decoder* yang telah diedarkan, daripada matlamat dua juta untuk diedarkan kepada penerima-penerima yang layak.

Jadi, untuk menentukan penerima-penerima yang layak ini, dulu berdasarkan kepada penerima bantuan BR1M. Sekarang keutamaan diberikan kepada B40 mengikut syarat-syarat

yang tertentu. Baik, berkenaan soalan yang pertama, tidak pernah timbul sebarang persoalan bahawa syarikat tersebut telah pun ditamatkan kontrak. Akan tetapi, kelewatan itu adalah disebabkan oleh masalah-masalah teknikal yang telah menyebabkan proses untuk MYTV ini tergendala sebentar tetapi kemudiannya telah diteruskan. Untuk *decoder* DTT di Melaka, sebanyak 47,092 *decoder* telah diedarkan sehingga ke hari ini.

Berkenaan gangguan siaran ini Yang Berhormat, ini adalah perkara yang menjadi keutamaan MYTV yang sentiasa berusaha untuk memberikan perkhidmatan siaran TV yang terbaik kepada pelanggan-pelanggan ataupun penonton. Cuma perlu kita fahami bahawa, syarikat televisyen berbayar seperti Astro pun mengalami masalah yang sama dan ini cuma syarikat yang memberikan siaran secara percuma, jadi tidak ada bezanya. Tinggal lagi untuk memberikan mutu perkhidmatan yang terbaik itu adalah sebahagian daripada tanggungjawab syarikat MYTV. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ada lagi soalan? Tidak ada, kalau tidak ada saya – ya, Yang Berhormat.

**Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya melihat siaran MYTV ini merangkumi RTM1, RTM2, TV3, NTV7, *blah, blah, blah, CJ Wow Shop* dan TV Okey dan tidak ada satu *channel* pun yang dikhususkan untuk promosi kementerian-kementerian ataupun peranan-peranan yang dimainkan oleh kerajaan. Contohnya, pagi ini kita mendengar Yang Berhormat KPDNHEP menyatakan bahawa kita mengimport begitu banyak sekali cili padi dan cabai Melaka. Jadi, benda-benda begini kalau beritahu kepada orang kampung, mungkin orang kampung pun akan tanam cabai Melaka.

Jadi, Yang Berhormat Menteri, apakah ada tujuan ataupun adakah kerajaan ingin mengambil salah satu daripada saluran ini untuk mempromosikan aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh semua kementerian yang di bawah kerajaan sekarang ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan tersebut. Buat masa ini, perkara-perkara yang melibatkan promosi-promosi kerajaan selalunya disiarkan oleh RTM sebagai lidah rasmi kerajaan tetapi kalau Yang Berhormat mempunyai cadangan yang sedemikian untuk dimasukkan ke dalam rancangan MYTV.

#### ■1130

Ini adalah satu pandangan dan cadangan yang baik dan boleh dipertimbangkan. Akan disediakan juga saluran-saluran melalui *multiplexer* kerajaan untuk tujuan kandungan promosi

seperti yang disebutkan oleh Menteri KPDNHEP sebentar tadi. Kalau ada cadangan-cadangan yang membina seperti ini, saya fikir ini adalah perkara yang perlu dipertimbangkan, diteliti dan seterusnya kalau sesuai perlu dilaksanakan mengikut cadangan dan pandangan yang baik tersebut. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Eddin Syazlee Shith yang telah menjawab dengan panjang lebar dan tepat dan sekarang pukul 11.30 pagi dan saya ingat itulah akhirnya kita buat ucapan dan sila 11.30. Terima kasih.

***[Sesi Pertanyaan-pertanyaan Bagi Jawab Lisan tamat]***

## **USUL**

### **MENJUNJUNG KASIH TITAH SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG**

*Aturan Urusan Mesyuarat* dibaca bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

Bahawa suatu ucapan yang tidak sepertinya dipersembahkan kepada Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, demikian bunyinya;

“Ampun Tuanku,

Patik, Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan Negara di dalam Persidangan Parlimen, memohon ampun mempersembahkan suatu ucapan yang ikhlas daripada Majlis Dewan Negara mengucapkan berbilang-bilang syukur dan menjunjung kasih kerana Titah Tuanku semasa membuka Penggal Kedua Parlimen Yang Keempat Belas.” **[29**

***April 2019]***

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tuan Yang di-Pertua, untuk mencelah. Saya minta petua Tuan Yang di-Pertua, apakah jaminan daripada kerajaan untuk menjawab semua persoalan-persoalan daripada Senator sebab tidak semua jawapan dapat diberikan di sini. Sekurang-kurang jawapan yang tidak dapat dijawab dengan secara lisan dijawab bertulis sebelum tamat Dewan.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ya, nanti akan hantar kepada pihak kementerian berkenaan.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** So, apa jaminan bahawa semua akan dijawab?

**Timbalan Yang di-Pertua:** Itu kita serah kepada kementerian.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Tidak, mengikut peraturan hak dan kebebasan, anggota Dewan berhak untuk dapat jawapan pada semua soalan yang ditimbulkan. Saya minta petua Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Kita akan ikutilah. Pihak kementerian ini dan pihak Parlimen, Dewan Negara akan menyusulkan semua soalan-soalan dan sekarang kita minta Menteri Komunikasi dan Multimedia menjawab.

**11.32 pg.**

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua dan dengan izin, terlebih dahulu bagi pihak Kementerian Komunikasi dan Multimedia (KKMM) saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang prihatin dan telah mengambil bahagian dalam memberikan pandangan serta sasaran yang menyentuh bidang tugas kementerian saya sepanjang sesi perbahasan ke atas Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong semasa Istiadat Pembukaan Penggal Pertama Majlis Parlimen Yang Keempat Belas.

Seramai 12 orang Ahli Yang Berhormat telah membahaskan perkara-perkara yang terletak di bawah tanggungjawab kementerian ini. Penggulungan jawapan saya ini akan menyentuh lima perkara yang penting iaitu:

- (i) penyalahgunaan media sosial;
- (ii) teknologi 5G;
- (iii) ekonomi digital;
- (iv) kandungan penyiaran; dan
- (v) perkhidmatan Internet jalur lebar.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya untuk menyentuh mengenai isu-isu yang dibangkitkan mengenai penyalahgunaan media sosial oleh Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin, Yang Berhormat Senator

Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali , Yang Berhormat Senator Datuk Sr. Haji Hanafi bin Haji Mamat dan Yang Berhormat Senator Datuk Sambanthan a/l Manickam.

Bagi menyentuh isu institusi beraja, perkauman dan agama di media sosial. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pihak Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia bukanlah satu-satunya agensi yang mempunyai kuasa untuk menyiasat aduan berkaitan dengan kandungan di Internet yang boleh menggugat keharmonian negara. Pemberian kandungan di Internet adalah tertakluk kepada semua undang-undang negara yang berkaitan dan laporan aduan boleh dibuat di agensi-agensi penguatkuasaan mengikut bidang kuasa masing-masing.

Peruntukan undang-undang sedia ada seperti Kanun Keseksaan di bawah bidang kuasa Polis Diraja Malaysia (PDRM) adalah antara instrumen perundangan khusus yang diguna pakai oleh pihak kerajaan bagi menangani kesalahan atau penyalahgunaan yang berupa provokasi dan penghinaan terhadap kaum, agama serta institusi diraja. Pendakwaan juga boleh dibuat di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 (AKM 1998) bagi kesalahan penggunaan tidak wajar kemudahan rangkaian dan perkhidmatan rangkaian berasaskan aduan yang diterima daripada masyarakat awam serta daripada pihak yang terkesan.

Walau bagaimanapun kuasa untuk mendakwa dan menentukan pertuduhan adalah berada di bawah bidang kuasa pejabat Peguam Negara. Mengambil serius perkara ini satu jawatankuasa penguatkuasaan bersepadu yang dinamakan sebagai Jawatankuasa Jenayah Siber PDRM-SKMM yang dianggotai oleh Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM dan SKMM telah ditubuhkan bagi menerajui gerak kerja dan tindakan dalam usaha memerangi jenayah siber secara lebih strategik dan tersusun. Termasuklah bagi perkara-perkara yang melibatkan penghinaan terhadap institusi beraja, perkauman dan agama.

Selain itu, pihak kementerian juga menyambut baik pengumuman terbaharu pihak PDRM bahawa semua kes berkaitan dengan isu penghinaan terhadap agama, kaum dan institusi beraja diambil alih serta-merta oleh pasukan Unit Siasatan Jenayah Terkelas (USJT) Bukit Aman untuk siasatan dan pendakwaan segera berkuat kuasa 27 Februari 2019. Langkah pengemaskinian serta penambahbaikan undang-undang akan dijalankan secara berterusan bagi memastikan peruntukan undang-undang terbabit terus kekal relevan selaras peredaran semasa.

Selanjutnya isu penipuan atas talian atau *scam*. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kegiatan penipuan secara amnya tertakluk di bawah Kanun Keseksaan yang mana perkara ini berada di bawah bidang kuasa pihak Polis Diraja Malaysia. Manakala Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) pula bertanggungjawab

terhadap penguatkuasaan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan urusan jual beli dalam talian atau luar talian. Dengan peningkatan urus niaga dalam talian di Malaysia dan pada masa yang sama peningkatan kes penipuan dalam talian, kerajaan telah memantapkan Akta Perlindungan Pengguna 1999 dengan mewartakan Peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012 yang juga diletakkan di bawah bidang kuasa KPDNHEP, berkuat kuasa mulai Julai 2013.

Apabila sesuatu kes itu dirujuk secara bertulis oleh PDRM, Bank Negara Malaysia atau KPDNHEP tindakan menyekat talian telefon dan laman sesawang yang berkaitan akan dibuat. Siasatan teknikal dengan mengenal pasti suspek juga akan dibuat dengan menggunakan alamat dengan izin, *Internet protocol* dan bukti-bukti digital forensik yang ada sebelum hasil siasatan diserahkan untuk tindakan lanjut oleh pihak berkenaan.

Bagi menangani permasalahan penipuan khususnya berkaitan penipuan panggilan, satu *task force* yang dianggotai oleh PDRM, SKMM dan BNM telah ditubuhkan bagi memperkasakan koordinasi serta membolehkan gerak kerja pantas dan bersepadu dalam menangani kes-kes penipuan yang dikesan atau dilaporkan. *Task force* ini turut beroperasi dengan kerjasama pihak penyedia perkhidmatan komunikasi di Malaysia.

Sebelum itu dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukan kedatangan Persatuan Kebajikan Masyarakat India Alor Gajah ke Dewan Negara. Di harap lawatan ini akan memberikan manfaat kepada tetamu yang hadir pada hari ini. Selamat datang.

Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, saya mohon meneruskan.

#### ■1140

**Tuan Yang di-Pertua:** Kepada Bentara-Bentara, apabila Menteri menjawab, tidak payah ganggu dia. Selepas dia jawab, baru bagi dia baca.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mohon meneruskan.

Selain daripada itu, kementerian turut memberi keutamaan terhadap usaha-usaha untuk meningkatkan kesedaran orang ramai berhubung penipuan dalam talian dengan pelaksanaan program-program kesedaran di lokasi pengguna menerusi kempen-kempen kesedaran di seluruh negara serta melalui hebahan media massa bagi memupuk kesedaran dan kewaspadaan orang ramai memandangkan modus operandi *scammers* sentiasa berubah. Mangsa yang disasarkan adalah golongan profesional dan berpendapatan tinggi.

Selain itu, SKMM dan *CyberSecurity* Malaysia turut melaksanakan beberapa program bagi meningkatkan kesedaran terhadap bahaya mengenai jenayah siber, antaranya, "*Klik*

*Dengan Bijak*” dengan mesej tentang penipuan atau *scams* yang dipromosikan melalui iklan akhbar, papan iklan, video dalam talian, iklan digital serta hantaran media sosial melalui *key opinion leaders*, dengan izin. Program CyberSAFE- *Cyber Security Awareness for Everyone*, dengan izin, pula bertujuan untuk memberi kesedaran mengenai kepentingan keselamatan siber; penyebaran maklumat mengenai insiden keselamatan siber masa kini; serta memupuk amalan terbaik dalam kalangan warga digital Malaysia termasuk remaja dan kanak-kanak mengenai penggunaan media sosial secara beretika, bertanggungjawab dan berintegriti.

CSM juga menyediakan perkhidmatan bagi pensijilan termasuklah *Trustmark for private sector*, dengan izin, bagi syarikat-syarikat dalam talian mendapatkan pengiktirafan pengamal e-dagang yang baik berdasarkan skop yang ditentukan oleh *World Trustmark Alliance (WTA)*, dengan izin, dan seterusnya membolehkan logo *Malaysia Trustmark* diletakkan di laman web mereka. Logo ini memudahkan pelanggan mengenal pasti laman web yang diiktiraf dan selamat untuk pembelian dalam talian.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi maklum balas terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah dan Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin berkaitan teknologi 5G. Perkembangan digitalisasi tidak dapat dielakkan dalam evolusi industri komunikasi yang akan sentiasa terus berlaku.

Begitu juga-lah permintaan pengguna dalam negara ini. Bagi menghadapi ledakan perkembangan teknologi 5G, dengan izin, kerajaan telah memulakan kajian rintis teknologi 5G di Putrajaya dan Cyberjaya. Dalam tempoh kajian ini, syarikat telekomunikasi serta pemain industri berkaitan akan mengendalikan ujian teknologi 5G masing-masing dengan dibantu oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia atau pun SKMM.

Untuk maklumat Ahli Yang Berhormat, dakwaan bahawa produk atau 5G keluaran Huawei dan ZTE digunakan untuk aktiviti pengintipan masih belum dapat disahkan secara teknikal. Sehingga kini, tiada sebarang bukti yang boleh mengatakan bahawa Kerajaan China telah menggunakan Huawei untuk menembusi rangkaian keselamatan siber mana-mana negara. Semua peralatan ICT terutamanya peranti mudah alih tidak terhad kepada Huawei dan ZTE, mempunyai tahap risiko tertentu dalam aspek keselamatan siber.

Oleh itu, bagi meningkatkan keyakinan terhadap penggunaan produk ICT, adalah disarankan supaya produk-produk tersebut mendapat penilaian dan pensijilan berdasarkan standard antarabangsa seperti ISO atau IEC 15408. Contohnya seperti pensijilan skim *Malaysian*

*Common Criteria Evaluation and Certification (MyCC)* yang ditawarkan oleh *CyberSecurity Malaysia*.

*Fiber*, gentian optik dan teknologi 5G adalah dua perkara yang berbeza. *Fiber*, gentian optik digunakan dalam sektor komunikasi sebenarnya diperbuat daripada kaca yang disaluti oleh penebat *fiber* optik ini yang menggunakan cahaya untuk menghantar isyarat dan mampu menghantar data pada kadar dan kelajuan yang sangat tinggi, berbeza dengan kabel tembaga yang menggunakan isyarat elektronik. Oleh itu, *fiber*, gentian optik adalah selamat digunakan dan tidak menghasilkan radiasi elektromagnetik.

Manakala teknologi 5G pula adalah sama seperti teknologi komunikasi yang lain seperti 1G, 2G, 3G dan 4G tergolong dalam kategori sinaran tidak mengion iaitu tidak mempunyai tenaga yang mencukupi untuk menyebabkan proses pengionan dan hanya menyebabkan kesan pemanasan. Ia menggunakan spektrum elektromagnetik EMF terendah dalam julat dari 3 kHz (kilohertz) sehingga 300 GHz (GigaHertz).

Lebih 25,000 artikel penyelidikan telah diterbitkan sepanjang tempoh 30 tahun dan merumuskan tiada sebarang impak kesihatan akibat pendedahan kepada EMF berskala rendah. Kajian yang dijalankan juga mendapati pendedahan terhadap frekuensi radio EMF, RF-EMF adalah di bawah had yang disyorkan dalam garis panduan *International Commission on Non-Ionizing Radiation Protection (ICNIRP)*, dengan izin. Sehingga kini, tiada sebarang keputusan penyelidikan konklusif yang membuktikan teknologi ini boleh mengundang kemudaratan kepada kesihatan manusia.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedar akan kebimbangan rakyat berkenaan infrastruktur 5G yang dikatakan boleh membuka ruang kebocoran maklumat dan pengintipan. Soal keselamatan merupakan keutamaan dan pertimbangan utama kerajaan dalam membuat semua keputusan termasuk aspek penggunaan dan pembangunan infrastruktur teknologi baharu. Kerajaan mahu menyediakan infrastruktur yang boleh diakses, berkualiti tinggi, kos yang munasabah, namun pada masa yang sama juga mahu menyediakan infrastruktur yang selamat. Maka dengan sebab itulah, kerajaan mengkaji infrastruktur 5G ini. Kerajaan tidak boleh menolak fakta bahawa dunia kini bergerak ke arah teknologi 5G yang diperakui menawarkan lebih banyak pilihan dalam perkhidmatan yang disediakan.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili berkaitan ekonomi digital. Untuk maklumat Yang Berhormat Senator, Kementerian Komunikasi dan Multimedia...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Saya tidak pasti sudah habis-kah cerita 5G tadi atau ada lagi?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Sudah.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Oleh sebab saya rasa saya hendak bertanya berkenaan- dalam perbahasan saya, saya ada menyentuh tentang pertama, memastikan pelaburan dari segi teknologi 5G ini sebab kita tahu bahawa apabila adanya teknologi 5G ini, maka satu *new base station* kena dibuat. Pertama, saya hendak bertanya sama ada pelaburan ini akan dilakukan oleh pihak kerajaan sebagaimana yang dilaksanakan di dalam HSBB yang diberikan sepenuhnya kepada Telekom yang saya kira sudah lama. Itu lagi satu ceritalah, tetapi pelaburan dari segi itu, adakah kerajaan akan melaburkan 5G ini ataupun ia dilaburkan oleh pemain-pemain telekomunikasi. Maknanya *the telco company*.

Oleh sebab saya bertanya soalan ini kerana apabila sekiranya ia dilaburkan oleh kerajaan, pastinya ia akan memakan pelaburan yang sangat tinggi sebab satu *base station* itu saya dimaklumkan lebih kurang RM10 bilion. Maknanya kalau ada empat- bukan satu *base station*, teknologi 5G ini pelaburannya lebih kurang RM10 bilion untuk membentuk atau membina *base station* ini. Ia memakan belanja yang besar.

#### ■1150

Akan tetapi, sekiranya kalau kerajaan tidak melaksanakan pula, ia dilaburkan oleh pelabur-pelabur syarikat telekomunikasi, ia akan memberi impak kepada jurang digital. Sebab sekarang ini pun walaupun ada HSBB, kemudian ada beberapa *suburban broadband*, tetapi masih lagi ada jurang digital kawasan luar bandar dan bandar.

Apabila ada 5G telekomunikasi Wi-Fi ini pula, yang 4G ini- kita di Malaysia ini sudah ada 4G LTE sudah empat tahun ke lima tahun saya rasa dia punya *route plan* tetapi masih lagi ada kawasan-kawasan yang tidak mendapat liputan 4G ini. Ini sebab apa? Apabila ia dilaburkan oleh *telco*, ia memerlukan *demand and supply*. Ini bermakna kalau ada banyak *subscriber*, barulah syarikat telekomunikasi akan membina infrastruktur. *It is fair because it is economy in this business*.

Akan tetapi, apabila tidak dibuat begitu dan HSBB pun yang sepatutnya dibuat sebahagiannya oleh kerajaan tetapi *rule out*, ini tidak secara menyeluruh, maka akan ada jurang digital dan ada 5G ini pula, ia sebenarnya untuk- salah satu daripada adanya teknologi 5G ini

adalah untuk membangunkan usahawan untuk digunakan teknologi pembangunan IoT dan sebagainya. Maka akan lebih banyak jurang di antara luar bandar dan bandar.

Oleh sebab itu saya hendak bertanya, satu, bagaimanakah kerajaan dari segi pelaburannya?

Keduanya, apakah perancangan kerajaan untuk bagi mengurangkan jurang digital antara bandar dan luar bandar? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Baik, berkenaan persoalan pelaburan, pelaburan 5G ini, untuk makluman Yang Berhormat Senator, akan dibuat secara *private funding* yang mana akan dibelanjakan oleh pihak-pihak *telco* sendiri. Ini merangkumi pembinaan *base station* 5G yang baharu dan perbelanjaan-perbelanjaan yang berkaitan pelaburan 5G ini semuanya dibuat oleh *telco* sendiri.

Berkenaan jurang untuk kawasan pedalaman, pembinaan infrastruktur dan perkhidmatan, kerajaan melalui MCMC telah menggunakan dana USP untuk tujuan pelaburan ini untuk mengurangkan jurang digital antara bandar dan juga luar bandar.

Baik. Saya mohon meneruskan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Berikut adalah antara program dan usaha yang telah dilaksanakan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator Dr. Zaidi Haji Suhaili tadi, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia melalui agensinya MDEC sentiasa berusaha melaksanakan pelbagai inisiatif dalam pembangunan modal insan secara inklusif dan lestari bagi memenuhi keperluan industri pada masa hadapan terutamanya dalam menuju IR4.0 bagi memperhebatkan usaha pembangunan bakat teknologi sebagai komponen utama untuk memacu ekonomi digital. Strategi dan program yang dilaksanakan adalah bermula daripada peringkat sekolah, universiti dan seterusnya ke peringkat profesional agar dapat mentransformasikan belia Malaysia daripada menjadi pengguna kepada pencipta digital.

Berikut adalah antara program dan usaha yang telah dilaksanakan iaitu melalui Program #mydigitalmaker, MDEC telah bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia bagi menerapkan kemahiran berfikir, *computational* dan sains komputer dalam kurikulum sekolah kebangsaan bermula pada tahun 2017 di mana gerakan program ini juga seramai lebih 500,000 murid sekolah telah terlibat dan mengambil bahagian dalam aktiviti-aktiviti pembuatan digital seperti *coding*, penciptaan kandungan- *content creation*, dengan izin, sistem terbenam- *embedded system*, dan robotik.

Dalam usaha untuk melahirkan graduan berkualiti tinggi yang menepati kehendak industri, MDEC juga bekerjasama dengan Kementerian Pendidikan di bawah Jabatan Pengajian Tinggi dalam melaksanakan *Program Premier Digital Tech Universities and Preferred Digital Tech Polytechnics*, dengan izin, yang memberi penarafan kepada institusi pengajian tinggi yang terpilih yang memenuhi kriteria tertentu. Melalui kerjasama dengan pihak universiti dan rakan industri juga, MDEC telah melaksanakan program latihan untuk bidang-bidang teknologi terkini seperti *Big Data Analytics* (BDA), *cyber security* dan e-dagang, dengan izin.

Izinkan saya memberikan maklum balas selanjutnya berkaitan kandungan penyiaran yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin.

Bagi menyentuh isu berkaitan Jabatan Penyiaran Malaysia (RTM), seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, seiring dengan visi Jabatan Penyiaran Malaysia memenangi hati dan pemikiran rakyat melalui pekhidmat-pekhidmatnya, Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia sentiasa menyokong penambahbaikan yang dirancang RTM sama ada dalam aspek kandungan teknikal malah pembangunan. Pelan pembangunan sentiasa dalam perhatian dan perancangan RTM mengikut permohonan dan kesesuaian semasa, bukan sahaja di Terengganu tetapi di semua stesen penyiaran negeri. Pemantauan berterusan daripada semasa ke semasa juga sentiasa diadakan demi memastikan setiap stesen penyiaran dapat memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada khalayak.

Untuk makluman Yang Berhormat, RTM Terengganu ketika ini beroperasi dalam keadaan yang baik. Walau bagaimanapun, seperti negeri-negeri lain, RTM akan menilai permohonan yang dikemukakan bagi pembinaan kompleks penyiaran negeri di Terengganu. Pada masa yang sama, saya difahamkan RTM Terengganu masih boleh beroperasi dengan baik ketika ini dan tahap keselamatannya adalah memuaskan. Ia telah disahkan menerusi laporan yang telah disediakan oleh Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) pada 21 Mac 2019.

Selain di Terengganu, terdapat dua projek pembangunan lain yang sedang dalam perancangan dan pembinaan iaitu di Kompleks Penyiaran Perlis dan Kompleks Penyiaran Bintulu. Kementerian secara umumnya akan membantu RTM melaksanakan setiap permohonan pembangunan dari semasa ke semasa.

Manakala bagi proses peralihan ke sistem digital sepenuhnya, RTM melaksanakan projek berkaitan di seluruh negara secara berperingkat. Sebagai contohnya di Terengganu, dalam masa yang terdekat, RTM akan menaik taraf fasiliti penyiaran beritanya iaitu melibatkan studio pemberitaan TV. Dalam perancangan sedia ada, bagi setiap stesen penyiaran di seluruh negara

pula, RTM sedang dalam proses menggantikan sistem pemancar FM, melaksanakan sistem digital radio dan penggantian pelbagai peralatan penyiaran yang lain.

Pada masa yang sama, Projek Bandar Media atau *Media City* yang...

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Yang Berhormat.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya, silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Saya hendak minta penjelasan disebabkan jawapan Yang Berhormat Menteri kabur berkenaan dengan...

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** RTM atau...

**Datuk Razali bin Idris:** ...Permohonan untuk memindahkan RTM Terengganu. Jadi saya hendak biar jelas sikit. Sama ada RTM Terengganu kena membuat permohonan untuk perpindahan ataupun perpindahan RTM Terengganu sudah ada dalam perancangan kementerian? Terima kasih.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan tersebut. Kerajaan sedia membuat pertimbangan di bawah Rancangan Malaysia- pengurusan RTM diarahkan membuat penilaian kos bangunan dan perolehan tanah. KKMM juga akan menilai cadangan Yang Berhormat Senator dan meneliti semua aspek berkenaan keperluan untuk pemindahan tersebut termasuklah kos operasi dan peralatan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya, saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada dalam pertimbangan?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua:** Maksud sekarang ini tidak ada dalam pertimbanganlah?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya...

**Tuan Yang di-Pertua:** Sedia, tetapi kementerian sedia bertimbang?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya, sedia bertimbang. Belum lagi dipertimbangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Jadi dapat kami berikan jaminan, setakat ini RTM Terengganu masih boleh beroperasi.

#### ■1200

Maksudnya, kita guna apa yang ada dulu sebab masih boleh digunakan. Akan tetapi pada masa yang akan datang, kalau ada keperluan kita akan kaji dan pertimbangkan. Pada masa yang

sama, projek Bandar Media atau Media City yang masih dalam pelaksanaan ketika ini merupakan usaha RTM menyediakan infrastruktur penyiaran berteknologi tinggi selaras dengan perancangan mewujudkan perkhidmatan TV digital sepenuhnya secara keseluruhan. KKMM sentiasa menyokong usaha pembangunan RTM mencakupi penambah baikkan peranan dan capaian di seluruh negara.

Bagi menyentuh isu berkaitan waktu siaran Senator pembangkang di RTM pula, seperti Ahli Yang Berhormat sedia maklum, RTM sentiasa berpegang kepada prinsip bebas tetapi terkawal. Dalam setiap siaran dan penerbitannya di TV dan radio, kod etika penyiaran RTM yang diwujudkan sentiasa dirujuk sebagai panduan kepada penyiaran RTM atau sesiapa sahaja yang terlibat di dalam siarannya. Seiring dengan usaha reformasi Parlimen, RTM turut mendukung aspirasi Parlimen dalam mengukuhkan fungsinya.

Dalam memastikan amalan media bebas terutama penglibatan ahli politik pembangkang dan Senator daripada pihak kerajaan mahupun pembangkang di media massa, RTM telah melaksanakan tanggungjawab dengan menyiarkan siaran secara langsung sesi Parlimen selama 24 jam. Sesi berkenaan boleh diakses menerusi aplikasi MyKlik dan RTM Mobile, ditonton secara *live streaming* tanpa suntingan atau tapisan. Pendapat para Yang Berhormat mengenai reformasi Parlimen dan pelbagai perkara lain boleh diutarakan sepanjang sesi ini.

Manakala, bagi penonton yang tidak dapat menonton secara *live streaming*, sesi Parlimen boleh ditonton menerusi siaran langsung daripada Parlimen di saluran TV1 setiap Isnin hingga Khamis selama dua jam iaitu bermula 10 pagi sehingga 12 tengah hari. Rumusan mengenai sidang harian pula disiarkan menerusi Parlimen 14 pada jam 10.30 malam. Segmen bahas dalam rancangan ini akan memaparkan penyertaan pembangkang dalam pelbagai isu yang diketengahkan. Sekali lagi ianya merupakan satu platform bagi para Yang Berhormat mengutarakan pendapat mengenai reformasi Parlimen.

Di platform radio pula, Radio RTM merangkumi 33 saluran meliputi semua bahasa pertuturan rakyat Malaysia yang turut membawakan berita Parlimen pada setiap jam sewaktu Dewan Rakyat dan Dewan Negara bersidang. Laporan Parlimen juga dibawa setiap hari selama 10 minit pada sebelah malam. Semua usaha ini membuktikan bahawa RTM telah berusaha untuk memberikan liputan yang sewajarnya kepada semua pihak. Ia juga diterima baik oleh khalayak yang dapat menyaksikan secara langsung perdebatan dan perbahasan oleh wakil-wakil mereka di Parlimen.

Berdasarkan data pengukuran penonton 2018, siaran langsung dari Parlimen di TV1 ditonton semakin ramai berbanding awal tahun 2018 iaitu pada April atau sebelum PRU14. Kira-

kira 200,000 hingga 300,000 tontonan dicatat pada setiap sesi. Data berkenaan kemudian meningkat kepada lebih setengah juta tontonan yang tertinggi pada Disember 2018. Begitu juga dengan rancangan Parlimen Ke-14 pada sebelah malam yang ditonton kira-kira 400,000 hingga 500,000 penonton setiap malam.

Bagi menyentuh isu berkaitan penubuhan Majlis Media, seperti Ahli-ahli Yang Berhormat sedia maklum kebebasan media adalah sentiasa menjadi asas utama kerajaan bagi memastikan pengamal media bebas dalam memberikan pendapat, memantau dan menegur kerajaan bagi memastikan segala tindakan kerajaan sentiasa telus dan tulus dalam menjaga kebajikan rakyat. Majlis Media atau *Media Council*, dengan izin, merupakan sebuah badan *self-regulatory* atau kawal sendiri iaitu pihak pengamal media sendiri yang akan mengawasi perjalanan media di negara ini supaya sentiasa telus dalam melaporkan isu-isu rakyat tanpa sebarang prejudis. Akta-akta sedia ada merupakan garis panduan kepada pengamal media untuk sentiasa berintegriti dan bertanggungjawab dengan penulisan mereka.

KKMM melalui jabatan dan agensi di bawahnya sentiasa mengharapkan media mematuhi etika kewartawanan dalam menghasilkan taburan berita. Etika kewartawanan jika dipatuhi, dapat meningkatkan tahap profesionalisme dan mengelakkan kejadian media mengelirukan kenyataan yang dikeluarkan oleh kerajaan dan Menteri. Bagi memastikan penyebaran maklumat yang mengelirukan dan tidak sahih dapat dibendung, pengamal media diseru untuk mengamalkan etika kewartawanan. Etika kewartawanan berteraskan prinsip Rukun Negara yang akan menjadi panduan kepada pihak media untuk melaporkan berita secara benar, adil dan saksama. Di samping mempertahankan nilai-nilai murni masyarakat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberikan maklum balas terhadap perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang...

**Puan Asmak binti Husin:** Mohon pencerahan Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya, sila.

**Puan Asmak binti Husin:** Okey. Berdasarkan penerangan diberikan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, bermaksud bahawa Majlis Media ini telah dimulakan penubuhannya. Jadi, mungkin boleh kami tahu, adakah ia mencapai maksud seperti yang kita bincangkan dalam sidang-sidang yang lepas? Itu pertama.

Kedua, berkenaan dengan ruang kepada Yang Berhormat pembangkang, Senator pembangkang khususnya. Sebenarnya kita tidak membangkitkan tentang ruang khusus untuk perdebatan dan sebagainya. Akan tetapi kami menyentuh khusus tentang jawatankuasa yang kami tubuhkan di Dewan Negara. Di Dewan Negara sekarang kita ada Jawatankuasa Reformasi

Dewan Negara dan salah satu daripada *approach* kami adalah untuk advokasi dan penjenamaan iaitu dengan memohon kepada pihak media untuk sama-sama menyokong kami.

Jadi, apabila kami *approach* kepada RTM khususnya sebab dianggap sebagai media kerajaan. Maka, kita boleh masuk ke Selamat Pagi Malaysia masa itu dan beberapa lagi rancangan khusus untuk bercakap tentang Reformasi Dewan Negara. Akan tetapi kemudiannya, keluar satu arahan tetapi saya tidak tahulah arahan daripada mana. Mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri siasat. Dia kata kami hanya benarkan Yang Berhormat daripada kerajaan sahaja, tidak membenarkan Yang Berhormat pembangkanglah. Akan tetapi media lain seperti Sinar, BERNAMA, semua menyokong kami.

Oleh sebab dalam jawatankuasa kami ini seramai 14 orang, kami adalah *non-partisan*. Diketuai oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Tuan Yusmadi dengan restu Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Yang di-Pertua. Kami semua ini termasuk pembangkang dan kerajaan bekerja bersama-sama untuk melakukan Reformasi Dewan Negara. Saya bersama Yang Berhormat Dato' Sri Ti adalah AJK yang *in charge* untuk media. Jadi, mohon perhatian pihak Yang Berhormat Menteri. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat di atas- lebih kepada cadangan tadi ya. Majlis Media ini yang pertama tadi memang telah dimulakan di peringkat perbincangan. Akan tetapi inilah perkara-perkara yang dipertimbangkan supaya kita mahu mewujudkan satu Majlis Media yang bebas daripada sebarang pengaruh politik.

Berkenaan halangan ataupun kekangan kepada Yang Berhormat Senator bukan kerajaan, pembangkang untuk memasuki RTM. Sebenarnya saya tidak pernah melihat sebarang arahan yang menghalang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator pembangkang untuk masuk ke RTM. Cuma buat masa sekarang ini, kita lihat ada juga syarikat-syarikat penyiaran seperti Astro Awani yang menyiarkan berita-berita berkenaan wakil-wakil rakyat pembangkang ataupun Senator-senator pembangkang.

■1210

Cuma di peringkat RTM ini, buat masa sekarang ini, dalam tempoh 10 ke 11 bulan ini, terlalu banyak isu yang perlu dijawab oleh wakil-wakil rakyat kerajaan ataupun Menteri-menteri dan Timbalan Menteri kerana terlampau banyak isu yang perlu diperjelaskan. Jadi disebabkan kekangan ini, kita masih belum berpeluang untuk membuka sedikit ruang kepada wakil-wakil rakyat ataupun Yang Berhormat Senator pembangkang. Walau bagaimanapun, saya akan beri

perhatian sekiranya Yang Berhormat Senator mempunyai sebarang bukti, arahan itu dikeluarkan, boleh majukan kepada saya untuk saya nilai dan teliti supaya tindakan yang bersesuaian boleh diambil, *insya-Allah*.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya ini secara- saya telah memberitahu kepada kaukus memperkasakan Dewan Negara yang diketuai oleh Yang Berhormat Tuan Mohd Yusmadi supaya kaukus ini diberi pendedahan kepada rakyat umum berkenaan dengan peranan. So, ini bukan pembangkang ataupun kerajaan.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini diketuai oleh parti yang menerajui kerajaan. Saya telah memberitahu kepada parti-parti pembangkang dalam Dewan ini supaya bekerja bersama untuk memastikan bahawa reformasi Parlimen Dewan Negara ini dan diberitahu kepada rakyat umum.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Baik.

**Tuan Yang di-Pertua:** So, saya berharap Yang Berhormat Timbalan Menteri akan membawa ini kepada kementerian supaya diberi ruang, bukan untuk Ahli Parlimen daripada pembangkang tetapi beri ruang kepada Jawatankuasa Reformasi.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Saya akan jemput Ahli-ahli Yang Berhormat berkenaan untuk datang ke pejabat saya untuk membolehkan satu perbincangan terbuka dibuat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** [*Tepuk*] Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kerajaan sentiasa memberikan tumpuan kepada pembangunan infrastruktur komunikasi yang komprehensif merangkumi penyediaan liputan jalur lebar talian tetap dan mudah alih yang dapat memberi perkhidmatan komunikasi yang lebih menyeluruh, stabil dan berkualiti di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar dan pedalaman.

Oleh itu kerajaan memastikan setiap inisiatif yang dilaksanakan seperti projek Jalur Lebar Berkelajuan Tinggi (HSBB) dan Jalur Lebar Untuk Orang Ramai (BBGP), pembinaan menara komunikasi baharu boleh dimanfaatkan oleh mana-mana pemegang lesen melalui konsep akses terbuka.

Oleh yang demikian, dengan terdapatnya projek-projek ini, mana-mana jaringan gantian optik di bawah inisiatif tersebut akan digunakan untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan jalur lebar sedia ada di kawasan berkenaan. Saya juga ada memaklumkan dalam sesi Dewan Rakyat Penggal Pertama Parlimen Keempat Belas berkenaan jalur lebar di kawasan luar bandar. Pihak kerajaan telah dan sedang giat melaksanakan pelbagai inisiatif bagi meningkatkan kadar

penembusan jalur lebar di seluruh negara terutamanya di kawasan luar bandar melalui inisiatif seperti perluasan jalur lebar mudah alih, perluasan jalur lebar talian tetap, perluasan rangkaian teras gentian optik dan rangka pelan gentian optik dan kesalinghubungan negara.

Bagi Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat (USP) yang melibatkan inisiatif infrastruktur komunikasi di kawasan bandar, pelesen-pelesen yang dilantik akan dipantau melalui skop kerja dan garis panduan yang telah ditetapkan di bawah Akta Komunikasi dan Multimedia 1998. Di samping itu, perkhidmatan yang ditawarkan perlu mematuhi garis panduan dan standard mandatori mutu perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kerajaan berusaha menangani isu kekangan dalam penyediaan liputan jalur lebar di kawasan luar bandar kerana lokasinya yang agak terpencil dan tidak mempunyai jaringan infrastruktur asas yang diperlukan rakyat.

Kekangan modal permulaan yang tinggi bagi pihak pemberi perkhidmatan untuk menyediakan sistem yang mampu memberikan perkhidmatan yang setanding seperti di kawasan bandar dengan kemudahan terancang bagi utiliti, telah tersedia. Antaranya ketiadaan jaringan jalan raya yang baik dan bekalan elektrik yang tetap untuk kawasan luar bandar juga masih kekurangan dari segi jaringan, rangkaian teras gentian optik yang diperlukan untuk memberikan liputan jalur lebar yang berkualiti dan berkelajuan tinggi. Pulangan modal yang dijangkakan rendah apabila kawasan luar bandar yang telah disediakan laluan jajaran belum melanggan kemudahan yang tersedia.

Dalam hal ini, liputan di kawasan kebanyakan luar bandar perlu menggunakan teknologi alternatif seperti satelit sebagai *backhaul*, di mana kapasiti yang dapat disediakan adalah terhad dan tidak menjamin kualiti dan keupayaan liputan jalur lebar yang stabil di samping kos operasinya yang tinggi. Contohnya seperti bekalan diesel terhad. Sebagai alternatif, penggunaan set generator perlu digunakan bagi membekalkan kuasa elektrik. Namun di masa yang sama, ia terdedah kepada perbuatan vandalisme dan kecurian yang akhirnya secara tidak langsung memberi kesan kepada kualiti dan ketersediaan perkhidmatan jalur lebar kepada pengguna. Pembinaan infrastruktur komunikasi di kawasan ini akan memerlukan kos yang sangat tinggi untuk kerja-kerja penyenggaraan.

Walau bagaimanapun, kerajaan akan terus mengkaji teknologi yang bersesuaian untuk mengatasi cabaran-cabaran ini, dalam usaha untuk menyediakan perkhidmatan jalur lebar di kawasan-kawasan yang tidak mempunyai prasarana seperti bekalan kuasa elektrik dan kemudahan jalan raya di kawasan-kawasan tersebut.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Tuan Yang di-Pertua, boleh mencelah sedikit?

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya ingin bertanya sedikit berkenaan dengan mengurangkan kos infrastruktur. Oleh sebab dalam jawapan Timbalan Menteri tadi banyak menyebut tentang kos untuk membawa jaringan jalur lebar ini khasnya gentian fiber optik untuk sampai ke kawasan luar bandar. Akan tetapi adakah pihak kementerian membuat alternatif ataupun mengkaji bagaimana kita boleh mengurangkan kos dengan *sharing infrastructure* seperti *TNB line*?

Kadang-kadang kebanyakan kampung-kampung ini sudah ada tiang-tiang TNB. Daripada kita menggunakan ataupun menanam tiang sendiri untuk fiber optik ini, bolehkah kita bekerjasama dengan pihak TNB untuk menggunakan tiang-tiang yang sedia ada supaya mempercepatkan penembusan ini ke luar bandar? Kemudian, adakah kita juga mengambil alternatif untuk bekalan elektrik untuk *base station* ini seperti tenaga solar ataupun alternatif *renewable energy option* yang lainlah untuk memastikan bahawa *base station* yang kita ada di luar bandar ini tidak memerlukan *diesel generators*?

Oleh sebab saya tahu kebanyakan operasi untuk menjalankan *diesel genset* ini sangat mahal. Jadi kita perlu mengkaji ataupun *consider* teknologi yang sedia ada seperti solar untuk kawasan ini. Begitu juga, adakah kita melihat alternatif menggunakan *repeater station* daripada *point to point or monopole repeater station* daripada menggunakan *satellite communication* sebab memang VSAT ini langganannya sangat mahal? Jadi adakah kementerian mengkaji alternatif-alternatif ini? Terima kasih.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Dengan izin Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat di atas soalan tambahan itu. Sebenarnya, kerajaan melalui Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC) sentiasa mengkaji kemungkinan-kemungkinan untuk meneliti dan mencari pilihan-pilihan alternatif yang ada untuk membawa infrastruktur ke pedalaman. Salah satu pendekatan yang dibuat adalah melalui Program NFCP bagi membolehkan masalah-masalah untuk pembangunan infra ke pedalaman ini dapat diselesaikan.

■1220

Ini dibuat juga dengan kerjasama pihak TNB di mana kita menggunakan infra TNB seperti tiang dan *fiber optic* mereka. Ini ada dibuat di Jasin dalam peringkat percubaan. Saya percaya ini adalah perkara-perkara yang sentiasa difikirkan dan diteliti oleh pihak MCMC untuk memastikan sekiranya boleh, kos untuk membawa ataupun membangunkan *infra internet* ini ke luar bandar dapat dibuat dengan kadar yang lebih rendah, lebih mudah, mengikut kesesuaian dan keadaan sekeliling yang ada. Baiklah.

Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengakhiri penggulungan pada hari ini, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua bahawa Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat telah pun dijemput pada Jumaat yang lalu 26 April 2019 menerusi rancangan, "*Bicara Naratif*" di TV1 dan ditemu bual mengenai Reformasi Parlimen. Ia antara usaha RTM untuk membantu Parlimen dalam mempromosi seperti Tuan Yang di-Pertua sebutkan sebentar tadi. Saya akan mengusahakan supaya cadangan-cadangan yang baik tadi dapat kita terus dan kita bawa ke RTM yang mempunyai jumlah penonton yang ramai dan...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, itu berkenaan dengan Reformasi Parlimen Dewan Rakyat. Ini adalah *caucus* untuk Dewan Negara.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, saya tahu yang dulu pun sama di mana pembangkang ini tidak diberi keutamaan, bukan langsung tidak. Itu adalah perkara yang biasa. Manakala yang dalam ini Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan Negara ini tampil ke hadapan untuk menolong kerajaan dalam visi dan misi. Ini perlu diberi perhatian yang khusus.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Saya setuju dengan pandangan tersebut. Kalau perkara itu membawa kebaikan secara bersama, ini adalah perkara yang perlu diteliti dan dipertimbangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Kementerian dengan ini mengucapkan...

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Belum sempat lagi. Okey, silakan.

**Dato' Dr. Ananthan a/l Somasundaram:** Walaupun saya dapat jawapan berkaitan dengan kekecohan di media sosial, tetapi implikasinya- *implementation level* berkaitan dengan apa yang berlaku, ketegangan yang melampau berkaitan dengan hal agama dan juga berkaitan dengan hal antara kaum itu adalah agak menjadi semakin serius. Jadi saya rasa kena ada satu tindakan drastik oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia. Itu yang saya maksudkan semasa saya membuat- hari itu dalam ucapan saya tadi itu. Apakah tindakan drastik yang lebih serius untuk merendahkan ketegangan antara kaum? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** MCMC.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Begini Yang Berhormat Senator. Dulu kita cuba untuk menjadi lebih terbuka dalam banyak perkara tetapi bila kebebasan itu diberikan dan disalahgunakan menyebabkan banyak pihak yang tidak bertanggungjawab, mengambil

kesempatan dan mewujudkan satu suasana yang tidak harmoni di kalangan rakyat di negara ini. Sekarang kelonggaran-kelonggaran itu telah ditarik balik. Saya percaya kita mempunyai peruntukan undang-undang yang cukup di bawah Kanun Keseksaan dan pihak polis sendiri telah memberikan jaminan perkara-perkara yang sensitif sedemikian akan diambil alih dan akan disiasat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat Menteri sudah jawab berkenaan dengan ini, berkenaan dengan ini di bawah kementerian PDRM. Akan tetapi di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah yang boleh dibuat?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Dulu, sebelum ini juga seksyen macam peruntukan seksyen 233 tidak digunakan tetapi sekarang telah pun diguna pakai. Apa yang paling penting di MCMC ini kita membantu pihak polis untuk menyempurnakan siasatan sesegera mungkin dalam banyak isu. Jadi kita membantu pihak polis sebab bidang kuasa yang utama pada PDRM di bawah KDN. Jadi melainkan ada perkara-perkara yang contohnya perkara-perkara yang bersifat jelik yang perlu disiasat di bawah Akta Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia.

**Tuan Yang di-Pertua:** Di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri ini tidak boleh dibuat apa-apa tindakan undang-undang?

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Boleh. Ada-ada, ada peruntukan di bawah seksyen 233. Jawatankuasa Jenayah Siber ditubuhkan dengan kerjasama PDRM dan MCMC. Banyak kes juga yang telah disiasat di bawah Akta MCMC ini yang telah dikenakan dengan hukuman denda dan sebagainya. Akan tetapi peruntukan undang-undang yang lebih meluas ada di bawah pihak polis termasuklah jenayah-jenayah yang melibatkan komputer dan sebagainya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Eddin Syazlee Shith:** Jadi, kementerian sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Ucapan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh mengenai peranan Kementerian Komunikasi dan Multimedia Malaysia. Kementerian mengambil perhatian dan akan mengambil tindakan susulan terhadap isu-isu yang dibangkitkan bagi melakukan penambahbaikan perkhidmatan di bawah bidang kuasa kementerian dengan izin.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****12.26 tgh. hari**

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 11(1) saya mohon mencadangkan bahawa Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya seperti yang tertera di nombor 19 dalam susunan giliran kementerian menjawab ke atas Usul Menjunjung Kasih atas Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10 pagi pada hari Isnin, 6 Mei 2019.”

**Timbalan Menteri Komunikasi dan Multimedia [Tuan Eddin Syazlee Shith]:** Saya sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Dipersilakan Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

**12.28 tgh.**

**Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar [Tuan Sivarasa Rasiah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada sembilan orang Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah sudi untuk berbahas dan membangkitkan perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian Pembangunan Luar Bandar semasa perbahasan Titah Diraja sepanjang empat hari ini. Izinkan saya Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab perkara-perkara yang telah dibangkitkan semasa perbahasan tersebut.

Pertama sekali adalah cadangan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind supaya Kementerian Pembangunan Luar Bandar melakukan perancangan

terperinci bagi tujuan pembangunan fizikal seperti jalan raya, bekalan air terawat dan elektrik yang mesti berjalan seiring dengan usaha untuk meningkatkan ekonomi dan pendekatan penduduk di luar bandar.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pembangunan Luar Bandar setuju dengan pendekatan ini. Inilah yang dilaksanakan oleh kementerian secara - kita melaksanakan pembangunan luar bandar secara menyeluruh dan holistik termasuk pembangunan prasarana, ekonomi dan modal insan. Ini dapat dilihat melalui Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar yang telah dilancarkan pada 29 Oktober 2018 yang bertemakan "*Luar Bandar Sejahtera*". Pelan ini merupakan perancangan dan hala tuju pembangunan luar bandar bagi lima tahun yang akan datang iaitu tahun 2018 sehingga tahun 2023 berdasarkan aspirasi rakyat seperti mana yang terkandung dalam Manifesto Pakatan Harapan.

#### ■1230

Pelan ini, untuk makluman Dewan yang mulia ini, meliputi enam teras iaitu:

- (i) prasarana yang lengkap dan berkualiti;
- (ii) ekonomi luar bandar yang berdaya saing;
- (iii) keusahawanan yang melibatkan pemerksaan usahawan luar bandar dan mewujudkan sumber pendapatan alternatif;
- (iv) modal insan bagi melahirkan masyarakat luar bandar yang berilmu, mahir dan cemerlang;
- (v) memperkasakan wanita luar bandar; dan
- (vi) sistem penyampaian yang mengutamakan keperluan rakyat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, keperincian pelan ini boleh dibaca ataupun didapati di dalam laman web Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Selain itu juga, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian akan melancarkan Dasar Pembangunan Luar Bandar 2030 dalam masa terdekat yang akan menjadi dasar utama pembangunan luar bandar secara holistik yang merangkumi segala aspek kehidupan masyarakat di luar bandar.

Seterusnya, Yang Berhormat Senator juga ada mencadangkan bahawa peruntukan yang lebih besar perlu diberikan kepada negeri Sabah disebabkan Sabah adalah sebuah negeri yang besar dengan kadar kemiskinan yang tinggi, yang memerlukan peruntukan yang lebih besar untuk melaksanakan projek-projek pembangunan fizikal seperti membina dan menaik taraf jalan raya, membekalkan air terawat dan bekalan elektrik kepada penduduk di luar bandar.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sepanjang Rancangan Malaysia Ke-11 dari tahun 2016 sehingga 2019, sebanyak RM4.176 bilion telah diperuntukkan bagi pelaksanaan projek dan program pembangunan luar bandar di negeri Sabah. Untuk perbandingan, untuk negeri Sarawak bagi tempoh yang sama, yang diperuntukkan adalah sebanyak RM4.164 bilion, lebih kurang sama. Untuk Semenanjung secara keseluruhan adalah sebanyak RM8.785 bilion. Jadi, memang hasrat yang disentuh oleh Yang Berhormat Senator telah diambil kira di dalam peruntukan ini.

Saya beralih sekarang, Tuan Yang di-Pertua, kepada Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook yang bertanyakan mengenai pelantikan MPKK kampung-kampung Siam di Kelantan. Yang Berhormat Senator juga bertanya tentang langkah pemantauan yang akan dilakukan oleh kementerian bagi memastikan MPKK yang baharu dapat melaksanakan tugas dan mencapai KPI yang ditetapkan. Tindakan yang dilakukan oleh kementerian untuk menangani isu ketidakpuasan hati MPKK mengenai kadar elaun yang diberikan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini dan juga Yang Berhormat Senator, secara keseluruhan, terdapat 52 buah MPKK di kampung masyarakat Siam yang terletak di negeri Kedah, Kelantan, Perlis dan Perak seperti berikut:

<b>Negeri</b>	<b>Bil. MPKK (buah)</b>
Kedah	33
Perlis	11
Kelantan	5
Perak	3

Manakala dari segi persiapan ataupun latihan untuk mereka, kementerian telah melaksanakan kursus induksi untuk semua pengurus dan setiausaha. Sehingga kini, sebanyak 10 siri kursus induksi telah selesai dilaksanakan termasuk untuk empat negeri yang melibatkan kampung-kampung Siam ini. Tajuk subjek atau mata pelajaran kursus induksi ini adalah untuk memberikan mereka kemahiran yang cukup untuk membantu mereka menguruskan MPKK mereka masing-masing.

Seterusnya, untuk tujuan-tujuan pemantauan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator, pihak kementerian mengadakan mesyuarat secara berkala bersama dengan semua kerajaan negeri selaku pihak berkuasa yang melantik MPKK bagi mendapatkan input serta membincangkan mengenai pencapaian KPI mereka. Selain daripada mendapat bimbingan mengenai tadbir urus kampung menerusi kursus induksi MPKK, kementerian juga telah

mengeluarkan tatacara pengurusan MPKK sebagai panduan mengenai tadbir urus MPKK dan keperincian tugas-tugas mereka. Inilah untuk membantu mereka.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, mengenai isu pemberian elaun kepada MPKK, kerajaan negeri juga boleh menyediakan elaun tambahan sekiranya isu itu berbangkit. Kerajaan negeri boleh menyediakan elaun tambahan kepada peruntukan elaun MPKK yang telah disediakan oleh pihak kementerian. Apa yang disediakan oleh pihak kementerian ialah RM500 untuk pengerusi dan sebagainya. Ini semua ada, kita ketahui.

Selain daripada peruntukan elaun untuk MPKK, kementerian juga menyediakan geran MPKK. Ini kali pertama dilakukan di bawah kerajaan baharu. Geran MPKK sebanyak RM10,000 tertakluk kepada terma dan syarat. Bagi tujuan tersebut, MPKK perlu mengemukakan borang permohonan yang telah dilengkapi berserta dokumen sokongan. Semua MPKK digalakkan memohon serta-merta untuk mendapatkan geran RM10,000 itu untuk membantu kampung-kampung mereka masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, saya pergi sekarang kepada...

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Silakan.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Tadi Yang Berhormat Menteri sebut tentang semua tugas-tugas MPKK dan sebagainya. Saya mahu tanya, adakah MPKK ini ditugaskan juga untuk mengemas kini senarai e-Kasih? Ini kerana kita dapati bahawa banyak jabatan yang menggunakan e-Kasih ini sebagai panduan untuk memberikan bantuan. Selain itu juga, kita dapati bahawa banyak kementerian berebut-rebut untuk menyediakan program untuk menyediakan bantuan kepada B40 yang berpandukan kepada e-Kasih.

Jadi, ada sesetengah orang yang telah termasuk di dalam e-Kasih ini tidak mahu meningkatkan pendapatan mereka kerana dikhuatiri mereka tidak akan dapat bantuan. Jadi, semua berlumba-lumba untuk memberikan bantuan, semua dapat. Akan tetapi malangnya, yang M40 ini, yang lepas sikit daripada B40 ini, mereka menderita kerana semua bayaran perlu dibayar tetapi pendapatan mereka sedikit sahaja lebih daripada B40.

Jadi, apakah kementerian ingin memastikan bahawa senarai e-Kasih ini tidak ada orang-orang yang tidak layak ada di dalam itu dan apakah tindakan untuk membersihkan senarai ini? Terima kasih.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator di atas soalan itu. Pengurusan e-Kasih, Tuan Yang di-Pertua, bukan di bawah bidang kuasa Kementerian

Pembangunan Luar Bandar. Ia terletak di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri. Jadi, mereka iaitu Jabatan Perdana Menteri di bawah arahan Perdana Menteri sendiri adalah bertanggungjawab untuk menentukan ciri-ciri pengurusan e-Kasih. Jadi, saya tidak boleh sentuhlah tentang masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator.

Dari segi sama ada MPKK ditugaskan secara khusus untuk mengemaskinikan senarai e-Kasih dan sebagainya dalam kampung, saya boleh sebutkan di sini secara khusus, itu tidak termasuk di dalam KPI mereka. Tidak termasuk. Kalau mereka buat, itu adalah di atas inisiatif mereka masing-masing.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya teruskan kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator Tuan Manolan bin Mohamad. Yang Berhormat memohon agar Kementerian Pembangunan Luar Bandar melalui MARA membina lot-lot kedai di perkampungan Orang Asli yang memerlukannya. Ini supaya anak-anak muda yang keluar dari kolej dan universiti dapat menjalankan perniagaan secara kecil-kecilan.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, saya diberitahu dan boleh memberitahu Dewan yang mulia ini, MARA telah menyediakan sebanyak 7,081 ruang niaga di kawasan strategik ini di seluruh negara. Termasuk ada yang dekat dengan kawasan perkampungan Orang Asli seperti di Pekan, Pahang dan juga di Bera, Pahang. MARA juga sekarang merancang untuk membuka peluang kepada masyarakat Orang Asli dengan satu ruang niaga yang baharu di Bukit Bunga, Jeli di negeri Kelantan.

Selain itu, penyewaan premis perniagaan MARA adalah terbuka kepada usahawan Bumiputera termasuk juga masyarakat Orang Asli yang memenuhi syarat-syarat asas yang sedia ada.

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Silakan Yang Berhormat Senator.

#### ■1240

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri itu memang bagus dan memang saya akui ada dibuat lot-lot gerai MARA berjumlah 7,000 lebih dan kebanyakannya bukan di perkampungan Orang Asli dengan unit yang terhad dan kebanyakannya yang ada *cable* sahaja yang dapat. Ini masalahnya. Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, Orang Asli ini *cable* kurang sedikit, mereka ini lebih kepada- dia mohon tidak dapat, dia kata... "Tidak apalah, biar lah macam itu."

Jadi, apa yang saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri adalah, untuk dibina lot-lot kedai ini di perkampungan mereka untuk mereka membuat urus niaga atau

berniaga dia antara mereka sebab banyak barang-barang pertanian ini juga yang mereka boleh pasarkan sebenarnya di antara mereka. Untuk juga memudahkan pihak daripada pembeli di luar untuk membeli di pasar-pasar yang mereka boleh sediakan di perkampungan mereka. Itu maksud saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas cadangan itu. Saya mengakui memang jumlah ruang niaga yang diduduki oleh masyarakat Orang Asli memang sangat kecil. Hal itu saya rasa tidak dapat dinafikan dan perlu ditambahkan. Selaras dengan komitmen kerajaan baharu di bawah Kerajaan Pakatan Harapan yang ada di dalam manifesto pada janji ke-38 dan juga ditegaskan baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri dalam ucapan di seminar Orang Asli baru-baru ini. Saya rasa jumlah ini perlu ditambahkan dan cadangan Yang Berhormat Senator tadi akan diambil kira.

Akan tetapi, saya ingin beritahu di Dewan yang mulia ini bahawa tanggungjawab sekarang untuk penilaian JAKOA sebagai agensi yang bertanggungjawab untuk kebajikan masyarakat Orang Asli sekarang telah dipindahkan daripada Kementerian Pembangunan Luar Bandar kepada Jabatan Perdana Menteri sendiri untuk diberikan tumpuan yang lebih khusus. Akan tetapi, Kementerian Pembangunan Luar Bandar sedia pada bila-bila masa untuk bekerjasama atas sebab agensi yang relevan adalah seperti MARA di bawah kementerian kita, buat masa sekarang di bawah kementerian kita. Akan tetapi, dalam keadaan yang baharu sekarang, untuk menangani isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, ini memerlukan penyelarasan dan pihak yang bertanggungjawab sekarang ialah Jabatan Perdana Menteri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan Yang Berhormat Senator kalau tidak silap adalah, perumahan MARA di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri ini. Yang Berhormat Senator tadi minta lebih banyak rumah dibina di kawasan perkampungan Orang Asli.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ya, betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Adakah itu dalam perancangan Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Tuan Yang di-Pertua, fahaman saya tentang pertanyaan tadi adalah tentang ruang niaga. Ruang niaga bukan rumah.

**Tuan Yang di-Pertua:** *Sorry, sorry.*

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ruang niaga.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Memang MARA ada program untuk membina ruang niaga dan telah membina sejumlah 7,000 lebih, itu sekarang. Berapa yang...

**Tuan Yang di-Pertua:** Penambahan...

**Tuan Sivarasa Rasiah:** ...Berapa yang diduduki oleh Orang Asli dan memang jumlah itu kurangnya, betul. Akan tetapi, isu yang perlu juga...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Senator tadi minta ruang niaga di perkampungan Orang Asli?

**Tuan Manolan bin Mohamad:** Ya, ruang niaga.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Itu yang saya faham.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Itu yang saya hendak jawab sekarang. Secara dasarnya, memang cadangan ini bagus tetapi kita ada cabarannya juga. Banyak kawasan Orang Asli adalah dalam kawasan terpencil. Akan tetapi, mesti ada juga yang dekat kepada- di dalam kawasan yang sesuai di mana dibuka ruang niaga supaya pasarannya pun mesti dekat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Boleh dipertimbangkan?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Boleh dipertimbangkan, itu sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Baik, saya teruskan dengan soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Rabiya binti Ali yang bertanyakan mengenai bilangan unjuran kelas-kelas prasekolah dan TASKA bagi tahun 2020 dan sejauh manakah kerajaan komited untuk memastikan bahawa anak-anak kumpulan B40 menikmati perkhidmatan kelas-kelas prasekolah dan juga TASKA secara percuma demi untuk menangani masalah kos sara hidup kumpulan B40 ini.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, perkara yang dimaklumkan ini adalah di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar sahaja dan tidak terlibat dengan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Saya sebut ini sebab apabila ditanyakan dan disebut ketiga-tiga kementerian ini.

Oleh sebab KEMAS, saya akan sentuh khususnya kepada KEMAS. KEMAS adalah di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Di bawah kementerian atau di bawah KPLB bagi tahun 2020, KEMAS menyasarkan untuk membuka sebanyak 34 buah tadika baharu iaitu kita tambahkan daripada sejumlah 10,966 buah yang sekarang ada kepada sejumlah 11,000 buah pada tahun 2020. Bagi TASKA, KEMAS menyasarkan sejumlah 14 buah TASKA baharu akan dibuka di luar bandar pada tahun 2020. Sehingga kini, kita mempunyai sejumlah 519 buah

TASKA dan dengan sasaran pembukaan ini akan menjadikan TASKA KEMAS bertambah kepada sejumlah 523 buah TASKA.

Dari segi bayaran oleh ibu bapa, apa yang berlaku sekarang ialah sistem yang dilaksanakan di KEMAS adalah, ibu bapa tidak dapat perkhidmatan itu secara percuma tetapi kadar bayarannya memang masih rendah, boleh dianggap rendah. Kadar bayaran untuk ibu bapa untuk anak-anak mereka adalah daripada RM5 sehingga RM 25 sebulan.

So, itulah bayarannya. Jumlah itu, katakan ada ibu bapa atau keluarga yang miskin, dia memohon kepada jawatankuasa tadika itu yang akan menentukan, selepas mengambil kira latar belakang keluarga itu, mereka akan menentukan sama ada mereka membayar RM5 ataupun maksimum RM25. Jadi, itulah kedudukan sekarang dari segi bayaran ia yang dianggap oleh kementerian sebagai, walaupun bukan percuma tetapi ialah kadar yang agak munasabah untuk keadaan sekarang, baik.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya pergi kepada soalan yang ditanyakan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad yang mencadangkan supaya diwujudkan Tadika KEMAS di kampung-kampung Orang Asli. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, sehingga kini KEMAS telah mempunyai sebanyak 290 buah kelas tadika di kampung-kampung Orang Asli dengan jumlah kanak-kanak seramai 5,360 orang yang berumur empat tahun hingga enam tahun.

Saya pergi sekarang kepada soalan daripada Yang Berhormat Senator Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin yang membangkitkan isu berkenaan infrastruktur asas seperti bekalan elektrik, air bersih dan sistem jalan raya luar bandar di Sabah yang perlu diberikan perhatian segera bagi memastikan proses pembangunan di negeri ini terus berjalan lancar sekali gus membawa kemakmuran kepada rakyat Sabah.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian sentiasa bekerjasama dengan kerajaan negeri bagi memastikan setiap penduduk mendapat bekalan air terawat dan bekalan elektrik selama 24 jam. Senarai keutamaan bagi pelaksanaan projek pada setiap tahun juga adalah berdasarkan senarai keutamaan yang diberikan oleh kerajaan negeri terlibat, dalam kes ini Kerajaan Negeri Sabah.

Senarai keutamaan ini kemudiannya akan dikemukakan kepada Unit Perancang Ekonomi untuk disemak dan diluluskan. Hanya projek-projek yang telah diperakukan dan diluluskan oleh Unit Perancang Ekonomi sahaja akan dilaksanakan dengan mengambil kira kedudukan kewangan semasa negara kita. Jadi, dalam jawapan sebelum ini saya sudah sebut angka semua dan memang komitmen kementerian ialah untuk membantu negeri Sabah setakat yang boleh, selepas mengambil kira kedudukan kewangan kita.

Saya sekarang teruskan kepada soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang yang mencadangkan supaya kementerian mengadakan satu program komprehensif yang menggabungkan Program Bekalan Air Luar Bandar (BALB), Program Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dan Program Jalan Luar Bandar (JALB) ke dalam satu program. Yang Berhormat Senator juga mencadangkan atau membangkitkan isu supaya kementerian mengadakan program-program alternatif, sebab terdapat projek-projek ini yang dahulunya gagal, ini perkataan yang digunakan oleh Yang Berhormat Senator sebab ketidaksesuaian teknologi.

■1250

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian sentiasa bekerjasama dengan kerajaan negeri dalam memastikan kemudahan asas dapat disediakan kepada penduduk luar bandar. Dalam memastikan pelaksanaan projek infrastruktur di luar bandar lebih terancang dan selaras, projek yang dilaksanakan oleh kementerian adalah berdasarkan senarai keutamaan dan perancangan yang dibuat oleh pihak kerajaan negeri.

Selain itu, kementerian juga telah mengadakan libat urus atau *engagement* dengan izin dengan pihak Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) bagi menyelaraskan dan membuat semak silang senarai projek-projek sebelum ia dimajukan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) untuk kelulusan peruntukan. Untuk makluman Yang Berhormat Senator juga kementerian turut mengambil inisiatif mewujudkan jawatankuasa bersama di antara kementerian dan kerajaan negeri bagi memastikan pelaksanaan projek infrastruktur di luar bandar lebih terancang dan komprehensif.

Berhubung dengan cadangan spesifik daripada Yang Berhormat Senator iaitu cadangan pelaksanaan gabungan ketiga-tiga projek bekalan air, elektrik dan jalan luar bandar secara serentak. Kerajaan terbuka untuk berbincang dengan kerajaan negeri dan agensi pelaksana berkaitan dengan kebolehlaksanaan cadangan ini. Akhirnya kementerian atau KPLB akan bergantung kepada yang spesifik yang datang daripada kerajaan negeri. Akan tetapi memang kita terbuka untuk membincangkan pendekatan ini.

Seterusnya mengenai kaedah alternatif yang dilaksanakan oleh pihak kementerian. Projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) dilaksanakan menggunakan dua kaedah iaitu penyambungan bekalan elektrik secara talian grid dan sistem alternatif seperti solar serta mikro hidro. Itulah dua sistem alternatif yang sekarang dipakai- solar dan mikro hidro. Kaedah alternatif ini digunakan apabila lokasi projek adalah jauh daripada lokasi talian grid dan tidak wajar kita

belanja secara mahal untuk dilaksanakan secara talian grid untuk kawasan-kawasan ini yang terlalu jauh.

Untuk air juga. Sistem alternatif yang sekarang digunakan untuk kawasan-kawasan tertentu yang jauh dan terpencil untuk membekalkan air yang bersih ialah termasuk telaga tiub atau *tube well*, dengan izin, telaga terbuka dan juga sistem air graviti. Memang kita mengakui seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator tadi dalam perbahasan, ada projek-projek yang dilaksanakan dahulu di masa kerajaan lama yang sekarang telah gagal. Gagal maksudnya tidak berfungsi. Akan tetapi saya di sini ingin sebut mungkin Yang Berhormat Senator telah sebut ketidaksesuaian teknologi.

Akan tetapi pada pandangan kementerian masalah di mana projek ini bukan secara terus dikaitkan dengan teknologi yang tidak bersesuaian sebab di mana tempat ini teknologi yang dipakai itu memang yang terbaru. Akan tetapi apa yang berlaku selepas pelaksanaan projek ialah penyelenggaraan yang wajar tidak dibuat. Mana-mana projek termasuk mikro hidro atau solar perlukan penyelenggaraan yang sesuai pada masa ke semasa. Inilah perhatian kita iaitu sebab penyelenggaraan itu tidak dibuat seperti yang dijadualkan atau seperti yang diperlukan memang ada projek yang gagal. Jadi itu yang berlaku di beberapa tempat.

Tuan Yang di-Pertua, saya alih sekarang kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad yang bertanyakan berapakah peruntukan bagi penyelenggaraan jalan luar bandar sedia ada yang diperuntukkan kepada Kelantan pada tahun 2019? Berapakah bilangan projek-projek baru jalan luar bandar di Kelantan yang diluluskan pada tahun ini iaitu tahun 2019?

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, semua projek jalan luar bandar yang telah disiapkan akan diserahkan kepada kerajaan negeri melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi tujuan penyelenggaraan. Seterusnya projek-projek tersebut akan didaftarkan di dalam sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS) dan kerja-kerja penyelenggaraan akan dilaksanakan oleh pihak JKR menggunakan dana yang diperuntukkan oleh Kerajaan Pusat yang disalurkan melalui MARRIS.

Jadi untuk makluman Yang Berhormat Senator juga, kementerian atau KPLB tidak pernah melaksanakan sebarang penyelenggaraan jalan luar bandar yang didaftarkan di bawah jalan negeri. Ini memang selalu berlaku kekeliruan ini. Tanggungjawab KPLB adalah untuk membina jalan baru atau naik taraf jalan yang sedia ada tetapi penyelenggaraan itu diserahkan kepada pihak negeri atau JKR yang melaksanakan melalui dan menggunakan dana daripada dana MARRIS itu.

Jadi, berkaitan dengan soalan yang juga dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tentang projek jalan raya...

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Mohon mencelah.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Selain itu di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan Keempat*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Silakan.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Jalan-jalan MARRIS hanya untuk jalan-jalan yang didaftarkan di bawah MARRIS. Di dalam peruntukan KPLB yang MARRIS tidak boleh digunakan untuk jalan-jalan KPLB yang tidak ada didaftarkan sebagai MARRIS. Apa komen Yang Berhormat?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Terima kasih Yang Berhormat Senator atas pertanyaan itu yang relevan juga. Apa yang saya faham ialah prosedur, selepas KPLB siap sama ada jalan baru atau naik taraf jalan *gravel* kepada jalan konkrit ke jalan *asphalt*. Jalan itu selepas siap pembinaan itu akan diserahkan kepada JKR negeri. Selepas itu tanggungjawab selenggaraan adalah di bawah mereka dan dana bukan lagi daripada KPLB adalah melalui dana MARRIS. Itulah dia. Jadi, *we build the roads and then we handed over*, dengan izin. Selepas itu didaftarkan sebagai jalan negeri.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jalan-jalan yang tidak didaftar di bawah MARRIS adalah jalan-jalan yang belum siap?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Sepatutnya didaftar terus. Maksudnya ialah selepas jalan itu siap dibina, ia perlu didaftarkan selepas ia siap. *It is handed over*, dengan izin. So, tidak patutnya siap dan selepas itu tidak di *handed over*.

**Dr. Yaakob bin Sapari:** Sikit penjelasan. Sebab pengalaman di negeri Selangor banyak jalan-jalan di luar bandar, saya rasa banyak juga di kawasan-kawasan lain di Sabah dan Sarawak. Jalan-jalan ini di luar bandar yang tidak didaftarkan di bawah MARRIS.

Jadi peruntukan MARRIS tidak boleh digunakan untuk jalan-jalan ini. Ini menjadi penghalang kepada pembangunan luar bandar sebab peruntukan MARRIS tidak boleh digunakan untuk jalan-jalan lain yang tidak berdaftar dengan MARRIS.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Memang, apa yang disebut oleh Yang Berhormat...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat saya pun keliru. Dengan izin, jalan-jalan *gravel* dan sebagainya adalah di bawah kementerian Yang Berhormat Timbalan Menteri. Selepas jalan itu dibuat konkrit ataupun tar diserahkan di bawah MARRIS.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Ya. Maksud saya Tuan Yang di-Pertua dan kepada Yang Berhormat tadi. Kita ada contoh dua kategori, kita buat jalan baru selaras dengan spesifikasi daripada JKR, sama ada R1, R2, R3 ataupun kadang-kadang kita ada situasi di mana kita buat penambahan, kita naik taraf jalan itu. Saya *just* baca apa yang...

Okey, untuk kita bezakan apa yang saya sebut tadi. Jalan luar bandar selepas di siap bina atau siap naik taraf perlu diserahkan kepada JKR dan mesti didaftarkan. Kategori jalan-jalan yang saya diberitahu bukan didaftarkan di bawah MARRIS ialah kategori jalan perhubungan desa. Itu jalan-jalan kampung.

Di bawah kita ada dua kategori. Jalan luar bandar yang lebih besar dan jalan perhubungan desa. Jalan luar bandar itu lain. Itu yang diserahkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jalan kampung.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Jalan kampung ialah dalam kategori jalan perhubungan desa. Itu memang masih di bawah bidang kuasa KPLB dan selenggaranya ialah memang tanggungjawab kita. Itu untuk membezakan. Diselenggarakan oleh KPLB dengan kerjasama biasanya daripada pejabat daerah. Jadi itulah kedudukannya.

Balik kepada soalan tadi Yang Berhormat Senator...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri panjang lagi?

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Seminit sahaja. Saya sudah habis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** So, memang akan habis dalam...

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak apa, silakan.

**Tuan Sivarasa Rasiah:** Sebanyak tiga projek baru telah diluluskan untuk negeri Kelantan dengan anggaran kos RM143.6 juta dan projek-projek tersebut sedang dalam fasa kajian dan reka bentuk awalan oleh pihak JKR. Oleh sebab itulah pertanyaan daripada Senator apakah status projek-projek itu.

Akhir sekali, saya sudah sampai ke soalan yang terakhir yang datang daripada Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat yang membangkitkan mengenai lawatan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan Luar Bandar ke kawasan pembangunan industri Lembah Chuping hujung Februari yang lalu di mana Yang Berhormat Menteri telah meluluskan projek itu dan sekarang Yang Berhormat Senator ingin mengetahui status terkini berhubung dengan perkara itu.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pada tahun 2019 kerajaan telah meluluskan projek Universiti Kuala Lumpur- *Asia Sustainable Transportation Institute* (UniKL-ASTI) di

Lembah Chuping, Perlis dengan kos keseluruhan RM196.9 juta. Bagi tahun 2019 sejumlah RM3 juta telah diperuntukkan sebagai kos awalan projek ini. Tempoh pelaksanaan projek ini akan bergantung pada persetujuan kerajaan negeri untuk membangunkan projek Inland Port, di Chuping. Jadi sekarang kita sudah mula dengan kos awalan tapi tempoh akan ditentukan nanti.

Jadi sebagai rumusan Tuan Yang di-Pertua, sebagai penutup ingin saya tegaskan bahawa Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa peka dan prihatin dengan keperluan rakyat di luar bandar dan akan meneruskan pelaksanaan projek-projek pembangunan luar bandar selaras dengan harapan pembangunan luar bandar yang bertemakan Luar Bandar Sejahtera.

Dengan ini saya sekali lagi ingin ucapkan ribuan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah berbahas mengenai isu-isu di bawah Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat walaupun masa sudah dua minit lebih. Ini memberi ruang kepada pegawai-pegawai kerajaan supaya balik ke kementerian, tidak payah tunggu dekat Parlimen sebelah petang. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan akan ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang.

**[Mesyuarat ditempohkan pada pukul 1.03 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**Timbalan Yang di-Pertua:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Ahli Yang Berhormat, kita sambung kita punya kementerian-kementerian dan kita mula petang ini dengan Kementerian Kesihatan. Dipersilakan.

**2.33 ptg.**

**Timbalan Menteri Kesihatan [Dr. Lee Boon Chye]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertama sekali saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat di Dewan Negara ini yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia berkenaan dengan isu-isu utama seperti berikut.

Isu penutupan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia di Kuala Terengganu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Isu berkenaan dengan kesediaan yang menangani kes demam campak atau *measles* yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai. Isu berkenaan dengan isu buli di kalangan pelatih doktor dan masalah tempat letak kereta di fasiliti Kementerian Kesihatan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid.

Isu berkenaan dengan pembinaan hospital di Padang Besar, Perlis yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun. Isu pembinaan hospital di Penampang, Sabah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose dan isu berkenaan dengan pewartaan kawasan larangan merokok yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad, Yang Berhormat Senator Puan Raj Munni binti Sabu dan juga Yang Berhormat Senator Dato' Zahari bin Sarip.

Jadi, saya mula dengan isu penutupan Institut Latihan Kementerian Kesihatan Malaysia di Kuala Terengganu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris. Tuan Yang di-Pertua, Bahagian Pengurusan Latihan Kementerian Kesihatan sedang melaksanakan pelan integrasi dan pengukuhan tadbir urus ILKKM melalui penyusunan semula 33 ILKKM kepada 14 ILKKM secara berfasa mulai tahun 2019 sehingga tahun 2021. Objektif utama pelaksanaan integrasi ini adalah untuk mengoptimumkan tadbir urus di ILKKM serta memperkasakan sistem pembelajaran dan pengajaran di ILKKM dengan memberi tumpuan kepada peningkatan dan pembangunan skil kemahiran anggota kesihatan sedia ada. ILKKM akan lebih memfokuskan kepada program-program kursus jangka pendek dan program lanjutan untuk meningkatkan kemahiran kepada anggota kesihatan di sektor awam, swasta dan badan berkanun.

Melalui pelaksanaan integrasi ini, ILKKM Kubang Kerian akan dikekalkan sebagai *center of excellence* bagi zon Pantai Timur. Manakala, ILKKM Batu Rakit dan ILKKM Kuala Terengganu akan ditukar fungsi pada tahun 2019 dan tahun 2020. ILKKM Kuala Terengganu akan menjadi kampus cawangan kepada ILKKM Kubang Kerian dan memberi fokus kepada penawaran program lanjutan bagi anggota kesihatan di sektor awam, swasta dan badan berkanun. Kursus-kursus berkenaan yang akan ditawarkan di ILKKM Kuala Terengganu termasuklah Diploma Lanjutan Kebidanan, Diploma Lanjutan Penjagaan Kecemasan dan Sijil Perawatan Neonatal.

Selain itu, sebahagian ILKKM Batu Rakit akan dijadikan pusat latihan amali. Cadangan integrasi ini membolehkan perancangan penggunaan ILKKM untuk keperluan fasiliti KKM yang lain. Penawaran lebih banyak program lanjutan akan memberi peluang kepada pelatih paramedik

menjalani latihan yang lebih berkualiti dan melahirkan lebih ramai anggota kesihatan yang berkepakaran.

Ini berkaitan dengan isu ILKKM..., silakan.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Apabila ia ditukar fungsi Yang Berhormat Timbalan Menteri, apakah yang akan berlaku kepada *staff* ataupun penjawat awam yang sedia ada? Apakah mereka diberhentikan ataupun apakah mereka akan dipindah ke luar negeri Terengganu ataupun apakah mereka semua dikekalkan seperti mana yang sedia ada pada hari ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Senator dan yang pasti tidak ada sesiapa yang akan dipecat. Mereka akan di-*redeployed* dalam penyusunan semula ILKKM yang berkenaan. Oleh sebab kita menghargai sumbangan mereka dan akan terus kita *reorganize* dari segi fungsi dan sebagainya.

**Datuk Razali bin Idris:** Satu lagi berkenaan dengan ILKKM Kuala Terengganu. Yang Berhormat Timbalan Menteri, institut ini berada dalam hospital besar negeri Terengganu dan ada kebarangkalian tempat ini akan diroboh dan diguna pakai oleh hospital besar. Apakah perancangan ataupun apakah akan berlaku perpindahan dalam kawasan Hospital Kuala Terengganu ke tempat lain ataupun di kekalkan di dalam Hospital Kuala Terengganu? Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih berkenaan dengan ILKKM Kuala Terengganu, kita tidak akan tutup ILKKM tersebut. Kita akan membangunkan ini, bertukar fungsi sebagai kampus cawangan kepada ILKKM untuk pantai timur yang berpusat di Kubang Kerian.

#### ■1440

Memang kita sedang mengkaji dua model di mana ILKKM yang tersendiri yang luar daripada hospital di mana mereka ada ruang yang lebih untuk berkembang pada masa hadapan. Untuk ILKKM yang dekat hospital, secara prinsipnya ada kala kita mungkin terpaksa untuk dikeluarkan daripada kalangan hospital sebab kemungkinan hospital tersebut memerlukan tanah tersebut. Akan tetapi untuk ILKKM Kuala Terengganu, kita akan kekalkan sebagai kampus cawangan kepada ILKKM Kubang Kerian.

Jadi, saya teruskan dengan isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai berkenaan dengan kes *measles*. Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 2018, sebanyak 1,958 kes *measles* dicatatkan iaitu peningkatan sebanyak 15 peratus berbanding 1,709 kes pada tahun 2017. Bagi kes sepanjang tahun 2018 tersebut, sebanyak 77 peratus kes *measles*

berkenaan adalah daripada kes kanak-kanak yang tidak divaksin dan 65 peratus kes *measles* berlaku di kalangan kanak-kanak berumur bawah tujuh tahun.

Sebanyak enam kematian kes *measles* yang dilaporkan pada tahun 2018 berbanding dua kes kematian pada tahun 2017. Kesemua kes kematian *measles* adalah melibatkan kanak-kanak yang tidak divaksin serta berumur bawah lima tahun. Bagi tahun 2019 sehingga 31 Mac 2019, Malaysia mencatatkan sebanyak 254 kes *measles* iaitu penurunan sebanyak 148 kes bagi tempoh sama pada tahun 2018. Hanya enam kes *measles* yang merupakan jangkitan yang dibawa masuk dari negara lain pada tahun 2018.

Peningkatan kes *measles* pada tahun 2018 disumbangkan oleh liputan imunisasi *measles* yang tidak mencapai tahap 95 peratus. Untuk makluman, tahun 2017, peratusan imunisasi adalah 88.8 peratus manakala untuk tahun 2018, liputan tersebut meningkat kepada 90.1 peratus. Untuk tahun 2018, peningkatan ini disumbangkan oleh kempen mengenai kepentingan imunisasi.

Pada tahun 2018, Kementerian Kesihatan telah melaksanakan beberapa aktiviti imunisasi tambahan bagi penyakit *measles* yang mana pelalian imunisasi *measles* tambahan diberi di beberapa buah negeri yang mengalami peningkatan kes *measles*. Negeri-negeri yang menjalankan aktiviti tersebut adalah Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan Putrajaya, Terengganu dan Sarawak. Aktiviti ini telah menampakkan penurunan kes-kes *measles* pada tahun 2019 di negeri-negeri tersebut sekali gus menyebabkan pengurangan kes bagi tiga bulan pertama tahun ini.

Bagi mengekang penyebaran kes *measles* di negara ini, aktiviti kawalan dan pencegahan perebakan penyakit tersebut dilakukan secara menyeluruh seperti semua kes yang disyaki *measles* hendaklah dinotifikasikan dan dilaporkan segera kepada pejabat kesihatan daerah yang terdekat yang mana kes-kes tersebut akan disiasat oleh pegawai dari pejabat kesihatan daerah dalam masa 48 jam notifikasi diterima. Semua kes yang disyaki tersebut akan diambil ujian darah untuk pengesahan kes *measles*. Kesemua kontak bagi kes akan diperiksa dan disiasat bagi mengelakkan penyebaran penyakit berlaku.

Siasatan juga di lapangan melibatkan komuniti dalam lingkungan satu kilometer dari rumah kes itu dilakukan bagi mengesan sebarang kes-kes lain dan semua kanak-kanak yang dikesan akan diperiksa status imunisasi mereka dan diberikan imunisasi sekiranya didapati tercicir dari imunisasi bagi memberi perlindungan terhadap penyakit *measles*.

Kempen mengenai kepentingan imunisasi juga turut dijalankan bagi memastikan liputan imunisasi kanak-kanak berjaya mencapai liputan tinggi melebihi 95 peratus. Kempen ini dijalankan menggunakan pelbagai saluran media termasuk media massa, media sosial dan

sebagainya. Usaha ini bagi memastikan maklumat yang tepat, jelas dan sahih diberikan kepada masyarakat agar mereka tidak terpedaya dengan dakwa palsu yang disebarkan oleh golongan yang anti-vaksin di Malaysia. Ini berkenaan dengan *measles* dan vaksin.

Kalau tidak ada soalan, saya terus kepada isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran bin Abd Hamid. Ada di situ, kawan lama.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Ada soalan?... Tidak ada. Sila.

**Dr. Lee Boon Chye:** Tuan Yang di-Pertua, ini berkenaan dengan isu buli di kalangan pelatih dan juga tempat letak kereta di fasiliti kementerian. Kerajaan prihatin terhadap laporan masalah buli di antara pegawai perubatan siswazah dengan anggota kesihatan. Buat masa ini, aduan buli yang diterima adalah tidak kerap. Namun, sekiranya jika terdapat kes-kes buli, ia akan ditangani mengikut prosedur yang sepatutnya. Kementerian telah menyediakan pelbagai saluran bagi PPS *houseman* untuk mengemukakan masalah termasuk isu buli melalui program:

- (i) *mentor-mentee*;
- (ii) sesi kaunseling; dan
- (iii) *open door policy* oleh pengarah hospital dan pegawai juga dibenarkan untuk memohon pertukaran penempatan hospital sekiranya perlu.

Mana-mana anggota kesihatan dikenal pasti sebagai pembuli akan diambil tindakan yang serius. Kementerian akan sentiasa melakukan pemantauan berterusan dan menyiasat sebarang aduan termasuk menyediakan badan penyiasat bebas untuk menyiasat kesahihan aduan tersebut.

Sehubungan ini juga, sebagai langkah pencegahan masalah ini, pihak JKN dan hospital disarankan menerapkan nilai-nilai murni, *soft skills* dan komunikasi yang berkesan di kalangan anggota kesihatan bagi memastikan suasana pembelajaran adalah kondusif dan harmoni. Ini berkenaan dengan *houseman*. Silakan.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri, bolehkah saya dapat maklumat sedikit? Adakah kes ini pernah berlaku dan di manakah ia berlaku? Sekerap mana ia dilaporkan kepada pihak kementerian? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Lee Boon Chye:** Secara umum saya boleh pastikan bahawa memang ada berlaku, ada yang pernah dilaporkan dan memang ada tindakan yang tegas telah dilakukan sehingga ada seorang konsultan pernah diberhentikan kerja. Cuma, secara spesifik saya tidak boleh berikan di sini. Jadi, terima kasih atas soalan tersebut.

Mengenai kekurangan tempat letak kereta, Kementerian Kesihatan Malaysia menyedari bahawa wujud isu berhubung kekurangan petak tempat letak kereta di kebanyakan fasiliti kesihatan kerajaan milik Kementerian Kesihatan Malaysia khususnya di fasiliti kesihatan yang terletak di kawasan penduduk yang berkepadatan tinggi. Hal ini timbul berikutan penambahan pengunjung yang mendapat rawatan di fasiliti-fasiliti tersebut.

Kementerian Kesihatan telah pun memulakan perancangan untuk melaksanakan projek pembinaan tempat letak kereta bertingkat secara kerjasama awam-swasta melalui kaedah *build-operate-transfer* yang mana kerajaan akan memberikan peluang kepada pihak luar untuk menambah bilangan tempat letak kereta bagi menjamin keselesaan pengunjung ke hospital dan seterusnya mengoperasikan ruang tempat letak kereta sedia ada di hospital-hospital yang terlibat.

#### ■1450

Projek ini bertujuan untuk meningkatkan keberkesanan pengoperasian perkhidmatan hospital di samping membantu melicinkan lagi aliran trafik di sekitar kawasan hospital. Walau bagaimanapun, terdapat implikasi sekiranya projek ini dilaksanakan di mana syarikat yang dilantik mengoperasikan perkhidmatan tempat letak kereta tersebut akan mengenakan caj kepada orang ramai dan juga kakitangan di hospital. Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan perlu berunding dengan syarikat yang dilantik bagi memastikan caj yang bakal dikenakan tidak membebankan orang ramai. Kementerian juga perlu mengenal pasti lokasi yang berpotensi di dalam kawasan hospital untuk membina kompleks tempat letak kereta itu supaya ia tidak menjadi sukar terutama sekali bagi fasiliti-fasiliti kesihatan yang telah memaksimumkan penggunaan tanah di lokasi masing-masing.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua dan Dewan ini, kementerian kini dalam proses untuk merintis pelaksanaan projek ini terlebih dahulu di dua buah hospital kerajaan yang mengalami masalah kesesakan dan kekurangan tempat letak kereta yang kritikal bagi memastikan projek tersebut berdaya saing. Sekiranya projek ini berjaya, pelaksanaan projek akan diperluaskan ke lain-lain hospital yang mengalami masalah kekurangan tempat letak kereta. Antara usaha lain yang kita uruskan adalah melalui perkhidmatan *shuttle bus*, ada ruang yang disediakan. Misalannya oleh majlis PBT ataupun seperti di Hospital Serdang di MAEPS di mana kita sediakan *parking* dan sediakan *shuttle bus* untuk mereka yang menggunakan tempat letak kereta yang sedikit luar daripada kawasan hospital berkenaan...

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** [Bangun]

**Dr. Lee Boon Chye:** Silakan.

**Laksamana Pertama Haji Mohamad Imran (B) bin Abd. Hamid:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas maklumat yang diberi oleh Yang Berhormat Menteri. Saya tidak fikir cadangan untuk *joint venture* atau menswastakan tempat *parking* kereta di hospital oleh sebab *return of investment*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua. Mungkin terlalu lama jika pihak swasta menanam modal untuk membuat parkir bertingkat. Apa pun saya rasa kerajaan kena ambil langkah-langkah pembaikan tersebut.

Saya setuju kalau ia dikenakan caj supaya tidak menggalakkan pelawat-pelawat ini datang kadang-kadang seorang satu kereta, dua orang satu kereta. Dengan dikenakan caj ini, mungkin boleh mendidik pelawat-pelawat kita supaya mengikut waktu dan memahami keadaan parkir hospital.

Cuma saya lihat di dalam tahun ini, kementerian diperuntukkan dengan RM28.6 bilion dan RM16 bilion digunakan untuk perkhidmatan dan bekalan. Saya cuma mohon- sebenarnya saya hendak tujukan kepada parkir di Hospital Manjung tetapi saya sentuh semua hospital. Saya lihat Hospital Tengku Ampuan Rahimah, Klang mereka telah meningkatkan tahap parkir dia dengan menurap semua kawasan yang ada kawasan lapang, mereka turap dan jadikan tempat parkir. Maka sebab itu saya mohon Yang Berhormat Menteri tengok sedikit di Hospital Manjung, bagi peruntukkan sedikit untuk diturap kawasan-kawasan yang masih ada lagi yang boleh diturap dan dijadikan tempat parkir. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Laksamana. Memang kita pandang serius berkenaan dengan cadangan untuk caj pelanggan yang gunakan tempat letak kereta di hospital. Akan tetapi itu juga terpulang kepada penerimaan daripada kalangan penduduk setempat. Untuk penggunaan tempat lapang sebagai *parking* memang kita perlu kaji dalam setiap satu *case-by-case* sebab ada sesetengah tempat itu kita *reserve* untuk pembangunan akan datang. Jadi tidaklah sesuai untuk dibangunkan sebagai tempat *parking*.

Berkenaan dengan *public-private partnership* dengan pembinaan tempat letak kereta tersebut, kita mempelawa daripada pihak- terima tawaran daripada pihak swasta secara sukarela, tidak ada paksaan. Mereka akan kemukakan cadangan dan pasti mereka akan kira dari segi *return on investment* dan sebagainya. Pasti projek-projek yang mereka cadangkan itu haruslah *financially viable* supaya mereka boleh lakukan projek. Jadi bukanlah masalah untuk kita pertimbangkan dari segi kebolehlaksanaan projek tersebut. Jadi kita biar swasta yang kemukakan cadangan.

Jadi ini berkenaan dengan *parking* dan saya beralih kepada masalah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Kamarudin bin Abdun berkenaan dengan pembinaan hospital di Padang Besar. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan sedia maklum akan keperluan untuk membina sebuah hospital baharu di Perlis bagi membantu mengatasi masalah kesesakan di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar. Kementerian Kesihatan sentiasa berusaha menambah baik capaian sistem perkhidmatan kesihatan demi kesejahteraan rakyat Malaysia termasuk di Perlis.

Sehubungan dengan ini, cadangan pembinaan Hospital Padang Besar telah dikenal pasti bagi tujuan memenuhi keperluan tersebut. Kementerian Kesihatan Malaysia akan kemukakan semula permohonan cadangan pembangunan Hospital Padang Besar di dalam Rancangan Malaysia Kedua Belas yang akan datang.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Kesihatan telah meluluskan Klinik Kesihatan Jenis 3 di Padang Besar dan tender telah dibuat pada bulan November 2018 dan SST akan dikeluarkan pada 15 Mei ini. Kos projek untuk Klinik Kesihatan Jenis 3 ini adalah sebanyak RM30 juta Ringgit.

Buat sementara waktu, pesakit-pesakit dari Padang Besar masih boleh menggunakan perkhidmatan yang sedia ada di Hospital Tuanku Fauziah, Kangar yang kebetulan lebih kurang 37 kilometer daripada Padang Besar dan dari segi perjalanan 35 minit. Ini berkenaan dengan Hospital Padang Besar.

Kalau tidak ada soalan saya beralih kepada isu yang seterusnya iaitu pembinaan hospital di Penampang, Sabah yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose. Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini di Kota Kinabalu dan daerah Penampang terdapat tiga buah hospital Kementerian Kesihatan Malaysia iaitu Hospital Queen Elizabeth 1, Hospital Queen Elizabeth II dan Hospital Wanita dan Kanak-kanak Sabah di Likas. Kebetulan ketiga-tiga hospital ini adalah antara 11 hingga 18 kilometer daripada Penampang. *Bed occupancy rate* (BOR) bagi ketiga-tiga hospital ini adalah di antara 65 peratus hingga 75 peratus dan masih dapat memberi perkhidmatan yang berkualiti kepada penduduk di Kota Kinabalu dan juga daerah Penampang.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan berpandangan bahawa belum ada keperluan mendesak bagi pembinaan sebuah hospital baharu di kawasan Penampang. Sungguhpun begitu, kementerian telah merancang satu projek pembinaan Klinik Kesihatan Jenis 3 Penampang yang merupakan projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dan melibatkan dua fasa iaitu fasa satu kerja-kerja rawatan tanah dan fasa dua pembinaan bangunan.

Fasa satu telah pun selesai pada tahun 2015. Fasa dua projek itu iaitu pembinaan bangunan yang telah mendapat kelulusan peruntukkan telah ditangguhkan seketika disebabkan oleh isu kelulusan *development plan* oleh Majlis Daerah Penampang.

■1500

Penerusan fasa 2 projek ini akan dipohon semula di dalam *Rolling Plan* Keempat, dengan izin, dan akan diteruskan selepas mendapat kelulusan EPU. Kementerian juga telah mengambil inisiatif untuk menetapkan pakar-pakar kesihatan keluarga di klinik-klinik kesihatan di seluruh negara termasuklah di Klinik Kesihatan Jenis 3.

Sehubungan itu, projek Klinik Kesihatan Penampang yang dirancang sebagai Klinik Kesihatan Jenis 3 juga akan ditempatkan dengan pakar perubatan kesihatan keluarga untuk memantapkan perkhidmatan kesihatan primer di kawasan Penampang apabila klinik tersebut telah siap dan beroperasi kelak. Ini berkenaan dengan Hospital Penampang. Kalau tidak ada masalah, saya terus kepada isu terakhir iaitu isu pewartaan kawasan larangan merokok yang dibangkitkan oleh tiga orang Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, terdapat dua kaedah berhenti merokok iaitu berhenti secara serta-merta ataupun *cold turkey*, dengan izin, ataupun secara beransur-ansur. Kadar kejayaan untuk berhenti merokok bagi kedua-kedua kaedah ini adalah bergantung kepada tahap kesungguhan dan ketagihan individu tersebut. Setiap individu boleh memilih cara yang terbaik mengikut kesesuaian individu.

Dakwaannya yang mengatakan jika seseorang perokok berhenti merokok secara serta-merta boleh menyebabkan jantung terhenti adalah tidak benar. Tidak benar ya. Berhenti rokok, jantung tidak berhenti ya. Sebaliknya kesan-kesan yang dialami oleh perokok apabila di dalam proses berhenti merokok adalah kesan yang dinamakan *withdrawal symptoms* yang mana adalah bersifat sementara dan akan hilang dalam tempoh 14 hari hingga 30 hari. Oleh kerana itulah Kementerian Kesihatan menawarkan rawatan berhenti merokok yang berstruktur bagi membantu perokok berhenti merokok supaya dapat mengatasi kesan *withdrawal symptoms* dan meningkatkan kejayaan berhenti merokok.

Kajian secara saintifik juga telah membuktikan terdapat banyak faedah kesihatan yang diperolehi oleh perokok yang berjaya berhenti seperti pemulihan fungsi paru-paru seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad. Sekarang boleh main golf 36 lubang, berbanding dulu 18 lubang. Tahniah. Dari segi fungsi jantung dan deria rasa.

Pewartaan kawasan larangan merokok adalah bertujuan untuk melindungi golongan yang ramai terutama golongan bukan perokok daripada terdedah kepada bahaya asap rokok dan

membudayakan amalan tidak merokok dalam kalangan masyarakat Malaysia dengan menghadkan kawasan yang dibenarkan merokok terutamanya di kawasan tumpuan orang awam...

**Seorang Ahli:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dr. Lee Boon Chye:** *[Ketawa]* Okey.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, saya mencelah boleh?

**Dr. Lee Boon Chye:** Boleh, boleh.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat, bila saya kata jantung berhenti itu bukanlah betul. Itu kerana kita hendak hidupkan suasana mengantuk di dalam Dewan *[Ketawa]* Selepas itu saya sebut 36 lubang itu, betul. Tidak 37 lubang, 36 lubang saja.

Sebab bila saya berhenti merokok, tanpa mengambil kira apa yang kementerian suruh. Saya berhenti atas, dengan izin, *own free will*. Dengan *will* yang ada, saya berhenti selepas 45 tahun merokok. Akan tetapi saya boleh buat dan saya rasa ramai boleh ikut saya. Cuma saya tegur, saya tidak kata berhenti merokok ini tidak betul, tidak. Kalau boleh semua jangan merokok, lebih baik. Akan tetapi kalau kita fikir fasal asap, asap bas, asap lori lagi sakit kepala. Kalau fikir fasal asaplah. Jadi kita hendak berkuat kuasa ini, kita kena berkuat kuasa benda-benda yang ini. Asap kilang semua sakit kepala, semua sakit. Lagi sakit daripada asap yang kita hidu asap rokok yang sikit, yang terbang-terbang ini.

Hendak hentikan merokok boleh. Tiga meter pun boleh ataupun 10 meter pun tidak apa. Saya katakan, kita berlaku adillah kepada mereka ini juga. Kalau tidak, *the cigarette butt* itu Yang Berhormat Menteri, *cigarette butt*- puntung rokok itu, dengan izin ya, puntung rokok itu ditabur merata-rata, lagi mudah bagi mereka mengutip puntung rokok untuk *recycle*, buat rokok, jual. Rokok yang dijual yang *recycle* ini, yang ini boleh mengakibatkan orang lebih sakit. Lagi banyak hospital kena dibangunkan. Bukan saja di Padang Besar, di tempat lain pun kena bangunkan hospital lagi sebab banyak sangat pesakit *dok* hisap rokok *recycle*. Itu maksud saya. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Sebenarnya saya hendak ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Senator. Kalau boleh Yang Berhormat Senator jadi ikon lah untuk mereka yang berjaya berhenti merokok walaupun selepas 45 tahun boleh berhenti rokok. Tahniah saya ucapkan. Saya akan isu berkenaan dengan puntung-puntung dan sebagainya. Jadi saya...

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Mencelah sikit.

**Dr. Lee Boon Chye:** Berkenaan dengan- ya?

**Dato' Kesavadas A. Achyuthan Nair:** Yang Berhormat Menteri, buat masa ini, sekarang tempat larangan merokok adalah di restoran-restoran, tempat awam, bangunan kerajaan dan tempat berhawa dingin. Adakah cadangan untuk meluaskan tempat larangan ini kepada pub-pub dan bistro sebab buat masa ini, *pub and bistro does not come under this category?* Jadi minta penjelasan ini.

**Dr. Lee Boon Chye:** Okey memang betul, ada beberapa premis yang *special* yang tidak termasuk dalam larangan merokok. Misalannya pub, *night club*, kasino. Ini memang tidak- *bar* pun tidak dalam kawasan larangan merokok. Memang dalam rancangan masa yang panjang, kita akan perluaskan kawasan larangan merokok secara berperingkat. Kita boleh ambil contoh di mana di *Singapore*, misalannya seluruh *Orchard Road*, kawasan larangan merokok. Mereka yang mahu rokok cuma kawasan yang terhad dalam kotak kuning tersebut. Jadi seluruh kawasan, semua, cuma 10 peratus daripada kawasan tersebut boleh merokok di kawasan kotak kuning tersebut. Jadi ini memang rancangan masa panjang. Akan tetapi buat sementara waktu, kita akan berterusan secara berperingkat.

Tadi Yang Berhormat Senator tadi ada bangkitkan soal tiga meter.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, mohon mencelah. Kita dapati bahawa tempoh *educating the public* itu, dengan izin, untuk kawasan larangan merokok ini telah dilanjutkan sehingga hujung tahun.

Jadi, apakah sebab, mengapa kita lanjutkan lagi? Adakah tempoh enam bulan pertama itu tidak cukup ilmu untuk *educate* orang ramai? Apakah jaminan bahawa selepas kita lanjut sampai hujung tahun itu, mereka akan menjadi lebih *educate*, dengan izin? So saya khuatir nanti sebab Malaysia ini dia punya terkenal dengan lanjut, lanjut, lanjut banyak kali. Jadi adakah lanjutan ini sampai hujung tahun nanti dia akan hilang begitu saja dan penguatkuasaan kita tidak cukup kuat, larangan merokok ini akan jadi kenang-kenangan saja? Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih atas pandangan tersebut. Kalau kita lihat sejarah kementerian laksanakan larangan merokok ini telah berjalan lebih kurang 15 tahun sejak 2004. Kalau kita banding pelaksanaan mulai 2004, tidak banyak, ramai di kalangan masyarakat yang berbincang soal kawasan soal larangan merokok dan di mana boleh merokok, di mana tidak boleh merokok. Akan tetapi kalau kita lihat sejak kebelakangan ini dalam masa enam bulan yang kita mula cadangkan peluasan larangan merokok, kita lihat begitu hangat perbincangan sama ada di masyarakat ataupun di media sosial. Ini satu peningkatan dari segi kesedaran masyarakat terhadap kawasan larangan merokok tersebut.

## ■1510

Walau bagaimanapun, kita juga ambil perhatian bahawa masih ada di kalangan masyarakat yang masih tidak begitu faham soal kenapa kita perlukan perluasan larangan merokok tersebut. Jadi kita memberikan ruang yang lebih untuk kita terangkan dasar tersebut, untuk kita sampaikan mesej khususnya di kawasan-kawasan di luar bandar dan pinggiran bandar. Jadi...

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Mohon mencelah.

**Dr. Lee Boon Chye:** Okey.

**Dato' Haji Mohd. Suhaimi bin Abdullah:** Bila Yang Berhormat Menteri menyebut dasar, saya terpanggil untuk menceritakan beberapa cerita semasa menegur rakan-rakan yang merokok di restoran-restoran kerana mengganggu kita. Pernah satu ketika, saya memberitahu kepada mereka, jangan merokok tetapi mereka menjawab kepada saya balik, tidak ada undang-undang, tidak di bentang kepada Kabinet, tidak dibawa ke Parlimen dan berbagai-bagai alasan. Mungkin mereka nak merokok tetapi saya nak tanya Yang Berhormat, ada kebetulan tak *accusation* yang mereka ini lontarkan kepada saya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dr. Lee Boon Chye:** Kita lihat kepada proses penguatkuasaan larangan merokok. Yang pertama, kuasa yang diberikan melalui Akta Makanan. Di bawah Akta Makanan yang diluluskan di Parlimen dan seterusnya Akta Makanan memberi kuasa kepada Yang Berhormat Menteri untuk buat peraturan-peraturan untuk kawalan tembakau dan hasil tembakau dan peraturan tersebut yang pertama sejak tahun 2004. Jadi untuk perluaskan kawasan larangan merokok ini, memang kuasa Yang Berhormat Menteri di mana Yang Berhormat Menteri boleh menambah kawasan larangan merokok.

Jadi, ini jawapan saya berkenaan dengan bidang kuasa. Memang kita telah menguatkuasakan walaupun buat sementara waktu untuk restoran ataupun premis makanan yang tidak ber'*aircond*'. Walaupun kita katakan penguatkuasaan pendidikan, ini tidak bermaksud bahawa kita tidak boleh terus saman mereka yang mencabar peraturan tersebut. Kita mula dengan nasihat, sekiranya mereka akur kepada nasihat penguat kuasa, jadi itu sahaja. Kalau mereka masih degil dan tidak mengikut nasihat tersebut, pegawai masih boleh saman terus. Jadi untuk menjawab beberapa isu, biar saya habiskan dulu.

Kajian berkenaan dengan tiga meter itu. Kajian menunjukkan impak bahaya asap rokok kepada perokok pasif adalah paling tinggi pada jarak tiga meter dan boleh menjangkau sehingga sembilan meter daripada sumber asap rokok. Di Malaysia, sempadan tiga meter telah diaplikasikan untuk tempat-tempat larangan merokok yang lain sejak tahun 2013. Bagi larangan

merokok di tempat makan yang berkuat kuasa pada 1 Januari 2019, pihak Kementerian Kesihatan mengambil pendekatan *soft approach* seperti mana yang saya terangkan, yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, dengan memulakan aktiviti penguatkuasaan pendidikan bagi memberi peluang segenap lapisan masyarakat mengubah tabiat merokok sebagaimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Semua negeri telah melaksanakan penguatkuasaan pendidikan yang merangkumi aktiviti pemakluman berkenaan tempat-tempat larangan merokok melalui edaran risalah dan sebagainya. Selain daripada edaran risalah dan maklumat individu, mereka yang masih merokok di tempat larangan juga diberikan amaran secara bertulis. Jadi, mengikut aktiviti yang kita jalankan setakat ini, sehingga Mac 2019, sebanyak 90,087 premis telah diperiksa dan 25,791 amaran bertulis telah dikeluarkan. Majoriti iaitu 23,721 ataupun 92 peratus amaran kepada tuan punya premis yang gagal meletakkan tanda amaran merokok dan selebihnya iaitu lapan peratus amaran kepada individu yang masih merokok di tempat makan.

Mengenai cadangan menyediakan bilik merokok atau ruang khas untuk perokok. Perkara ini tidak dapat menjamin perlindungan malah masih membahayakan orang awam di sekeliling yang terdedah kepada asap rokok. Namun begitu, Kementerian Kesihatan akan mengambil perhatian terhadap cadangan ini dan seterusnya mengambil pandangan daripada pelbagai pihak berkepentingan sebelum keputusan muktamad dibuat.

Peranan Kementerian Kesihatan adalah untuk menjaga kesihatan rakyat Malaysia dan tidak menggalakkan amalan merokok. Untuk pandangan daripada premis makanan khususnya, kita sarankan bahawa memandangkan kebanyakan penduduk Malaysia itu adalah di kalangan tidak merokok, yang merokok itu 23 peratus, yang tidak merokok hampir 80 peratus. Ada kebijaksanaan supaya pengusaha premis makanan supaya tumpu kepada menarik pelanggan-pelanggan daripada kalangan yang tidak merokok daripada tumpu kepada mereka yang merokok.

Berkenaan dengan masalah puntung rokok yang merata-rata. Pihak kementerian juga telah menjalankan perbincangan bersama pihak berkuasa tempatan dan juga telah menjalankan tinjauan di 173 tempat makan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Putrajaya yang mendapat aduan orang merokok paling tinggi. Semasa perbincangan tersebut, perkara yang dibincangkan adalah mengenai pihak yang bertanggungjawab untuk membersihkan kawasan merokok. Pihak PBT telah bersetuju untuk menguatkuasakan enakmen berkenaan pembuangan sampah rokok termasuk puntung rokok malahan beberapa PBT seperti Dewan Bandaraya Kuala

Lumpur, Dewan Bandaraya Kuching Utara, Majlis Daerah Kemaman dan Lembaga Kemajuan Bintulu telah pun melaksanakannya.

Berkenaan dengan penggunaan rokok elektronik atau *vape* di kawasan larangan merokok, rokok elektronik yang mengandungi cecair nikotin juga adalah dilarang. Pada ketika ini, kementerian sedang membangunkan akta baharu yang akan menggantikan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau yang akan mengawal penggunaan hasil tembakau dan bahan-bahan lain berkaitan rokok. Akta baharu ini juga akan merangkumi kawal selia terhadap rokok elektronik serta produk-produk yang lain seperti kawalan terhadap penjualan, promosi, penajaan dan pelabelan yang berkaitan kesihatan bagi cecair rokok elektronik tanpa nikotin dan kawalan terhadap larangan penggunaan rokok elektronik di kawasan larangan merokok serta larangan penggunaan rokok elektronik bagi orang di bawah umur.

Kementerian tidak akan membiarkan para perokok begitu sahaja malah kementerian komited untuk membantu mereka berhenti merokok melalui perkhidmatan Berhenti Merokok-MQuit. Sehingga kini, perkhidmatan MQuit ini ditawarkan di 731 klinik kesihatan, 46 hospital kerajaan dan 164 fasiliti swasta yang diberikan akreditasi.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, minta laluan.

**Dr. Lee Boon Chye:** Biar saya teruskan dahulu. Kementerian percaya pewartaan tempat makan sebagai tempat larangan merokok adalah satu langkah yang positif bagi meningkatkan tahap kesihatan seluruh rakyat Malaysia. Bagi perokok, peluasan kawasan larangan merokok ini boleh menimbulkan rasa untuk berhenti merokok dan seterusnya membantu mereka untuk terus berhenti merokok.

Untuk makluman Dewan ini, sejak pelaksanaan Program MQuit ini mulai tahun 2012 hingga 2018, seramai 16,930 orang perokok telah berjaya berhenti merokok. Ya, silakan Yang Berhormat Senator.

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Yang Berhormat Menteri, saya berterima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, adakah kalau saya berhentilah sekarang ini, selepas 45 tahun, saya rasa paru-paru saya dah jadi macam arang.

■1520

Kalau saya berhenti ini, paru-paru saya boleh tukar balik jadi macam asal ataupun ia tetap macam arang? Kalau dengar sesetengah kawan-kawan doktor kata, ia tidak akan tukarlah. Kalau dia keras, keras macam itulah. Saya berhenti merokok, bagus tetapi paru-paru tetap begitu.

Saya telah pun diberi hadiah oleh Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara, bentuk macam *chewing gum*, nikotin dengan plaster. Dia beli di London. Dia bagi dekat saya untuk saya berhenti merokok tetapi saya tidak pakai pun benda itu. Apa benda ini, saya pakai nikotin ini, makan ia, adakah menggantikan dan tidak mengganggu paru-paru saya?

Kemudian yang terakhir yang ingin saya nyatakan di sini, tidak guna kita buat iklan dengan buang duit dengan *signboard-signboard*, *billboard-billboard* yang besar-besar untuk berhenti merokok. Apa yang paling bagus sekali kalau boleh kita beritahu dekat anak-anak kita ini, yang sekolah ini, suruh dia balik beritahu dekat keluarga, dekat ibu bapa dia yang merokok supaya berhenti merokok, kalau hendak merokok pergi keluar. Itu lebih baik. Kempen kepada anak-anak sekolah supaya mereka beritahu kepada bapa mereka jangan merokok di dalam rumah, pergi merokok dekat luar. Jangan bunuh kami yang ada di dalam rumah. Itu lebih baik daripada buat poster besar-besar. Jadi, kita mulakan didikan di sekolah-sekolah. Sekian, terima kasih.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Wah, dahulu tidak ingat... [Dewan ketawa] Tuan Yang di-Pertua, ini saya mohon supaya Yang Berhormat Dato' Sri Khairudin Samad tarik balik sebab 45 tahun dia hisap, dia tidak ada masalah. Hari ini dia suruh perokok-perokok yang ada hari ini dihalau keluar daripada rumah. Jadi, yang ini adalah berlaku ketidakadilan kepada orang yang masih lagi merokok... [Dewan ketawa]

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Tuan Yang di-Pertua, saya bukan suruh halau. Saya kata kempen yang lebih baik ialah mendidik anak-anak sekolah. Daripada buat *signboard*, membazir duit sahaja, duit kerajaan habis, duit rakyat, lebih baik mendidik.

Tuan Yang di-Pertua, daripada tanggal 16 hari bulan saya berhenti apabila saya cukup umur 25 tahun...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Nampak?

**Dato' Sri Khairudin Samad:** Selama 25 tahun?... Oh, 65 tahun. Minta maaf, tersalah angka. Saya berhenti sampai hari ini, 30 hari bulan ini, sudah 15 hari. Pagi ini saya terpaksa masuk ke klinik untuk pakai *nebulizer* sebab ini gangguan-gangguan selepas kita berhenti. Bukan mudah saya hendak melalui pemberhentian merokok ini. Saya terpaksa pergi *nebulizer* di klinik tadi sebab saya punya *phlegm* sudah *accumulate* terlampau banyak, ia *wheezing*, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ia *wheezing*. Saya pun lari tetapi tidak apa, saya pun sabar, saya mendoakan agar saya sihat dan terus tidak merokok. Kalau adinda saya Yang Berhormat Datuk Megat hendak ikut saya, *alhamdulillah*. Terima kasih.

**Puan Asmak binti Husin:** Saya mencelah sedikit ya. Saya mendoakanlah semoga Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad, *insya-Allah*, selamat.

Cuma, satu sahaja. Saya sebagai wanita kadang-kadang bergaduh dengan orang lelaki ini kan, payah hendak tinggal rokok. Cuma, saya hendak sebutkan satu. Segala yang kita alami, *effect* daripada kita tinggal itu, itu satu jihad sebab mengikut Fatwa Kebangsaan, merokok ini haram. Jadi, siapa hisap rokok- tidak tahulah, sebab dia lawan fatwa kan... [*Dewan ketawa*]  
[*Dewan riuh*]

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih atas pandangan tersebut. Memang saya haraplah menjelang bulan Ramadhan ini, gunakan kesempatan yang terbaik untuk berhenti merokok... [*Dewan ketawa*] [*Tepuk*]

Tadi saya rasa kita perlu berlaku adil kepada Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad juga. Kalau pada saat beliau mula merokok, masa itu kita masih tidak ada maklumat berkenaan dengan kesan kesihatan rokok. *Forty-five years ago*, kita tidak tahu kesan merokok. Akan tetapi sekarang kita sudah ada bukti-bukti saintifik yang menunjukkan bahawa merokok ini membawa kemudaratan kepada kesihatan mereka yang merokok dan juga kepada yang tidak merokok yang terdedah kepada asap rokok. Jadi, ini ada fakta saintifik yang mendorong supaya kita teruskan untuk berhenti merokok.

Kita juga tahu bahawa kesan tersebut ada dua aspek. Satu, aspek nikotin dan satu aspek daripada bahan-bahan kimia dalam asap tersebut. Jadi, penggunaan nikotin *chewing gum* adalah merupakan satu transisi *period*, perantaraan untuk kita berhenti merokok. Oleh sebab tabiat merokok ini satu komponen adalah ketagihan terhadap nikotin, nikotin *chewing gum* ini membantu untuk kita berhenti merokok. Jadi, ada kebaikan. Dan tahniah. Kalau Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad tidak berhenti merokok, pasti *wheezing* dia akan jauh lebih teruk kalau berbanding semasa beliau merokok.

Saya juga pandang serius berkenaan dengan cadangan khususnya untuk kalangan kanak-kanak, budak sekolah dan sebagainya. Kita ada program-program dalam kurikulum dalam sekolah rendah dan menengah berkenaan dengan masalah merokok dan ada juga aktiviti-aktiviti kementerian menggalakkan tertubuhnya Kelab Doktor Muda dan sebagainya supaya murid di sekolah mengamalkan cara hidup sihat, bebas daripada rokok.

Untuk kesan sampingan selepas berhenti merokok, tidak ada kesan sampingan selain daripada *withdrawal symptoms*. Apa yang kita tahu juga, mereka yang ada sakit jantung- sebab kalau mereka berhenti merokok, risiko untuk serangan jantung yang akan datang akan kurang. Risiko untuk sakit paru-paru akan juga kurang dan risiko untuk dapat kanser juga akan kurang. Jadi, kesemua ada baik untuk kita berhenti merokok. Walaupun ada sakit, tidak ada sakit, lebih baik jauh daripada merokok.

Jadi, ini sahaja isu-isu yang telah dibangkitkan dan...

**Datuk Razali bin Idris:** Saya hendak mencelah sedikit sebelum bergerak kepada perkara lain. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Saya pun tegar merokok suatu ketika dahulu. Sekarang sudah berhenti, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, kerajaan sedaya-upaya untuk mencuba supaya rakyat Malaysia tidak merokok. Akan tetapi di sini, rokok makin banyak, macam-macam rokok. Kalau rokok *Dunhill* itu sekarang ini, harga dia berapa?... Harga RM19, tetapi sekarang ini rokok yang berharga RM4, RM2, yang ini masih lagi tidak terkawal.

Apakah kaedah kerajaan menghalang rakyat Malaysia merokok tetapi menghalalkan kemasukan rokok-rokok daripada negara sebelah sahaja, negara jiran kita? Macam-macam rokok harga RM2. Jadi, saya rasa kerajaan perlu mengambil perhatian yang berat tentang kehadiran rokok-rokok daripada negara jiran. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih.

**Dr. Lee Boon Chye:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Berkenaan dengan harga rokok. Harga rokok sebenarnya dikawal di bawah Akta Makanan dan Peraturan-peraturan Kawalan Hasil Tembakau, di mana kementerian telah menetapkan harga minimum untuk rokok yang boleh dijual di pasaran Malaysia. Jadi sebenarnya, tidak ada rokok yang boleh dijual kurang daripada RM10 di pasaran. Apa yang Yang Berhormat nampak yang RM2, RM4, itu adalah rokok-rokok yang secara haram diseludupkan tanpa bayaran cukai dan sebagainya. Jadi, bidang kuasa untuk kawalan tersebut adalah di bawah Kementerian Kewangan, Kastam yang penguatkuasaan penyeludupan sedemikian.

Jadi, setakat itu penggulungan saya dan saya...

**Puan Asmak binti Husin:** Minta maaf, ada satu soalan saya yang tertinggal iaitu mengenai ancaman LGBT dari sudut kesihatan. Oleh sebab didapati ada peningkatan HIV disebabkan oleh kegiatan homoseksual, lalu saya bertanya, apakah langkah Kementerian Kesihatan?

■1530

Yang kedua, apakah penyelarasan Kementerian Kesihatan dengan kementerian yang lain seperti kementerian yang berkaitan dengan agama seperti Menteri di Jabatan Perdana Menteri. Hal ini kerana kebanyakan pesakit HIV ini ataupun pengamal homo ini dia akan merujuk kepada psikiatri ataupun bahagian pegawai kesihatan HIV untuk menyelesaikan masalah mereka. Okey, itu sahaja soalan saya.

**Dr. Lee Boon Chye:** Kalau kita lihat dari segi statistik berkenaan dengan HIV di kalangan masyarakat Malaysia, 10 tahun sebelum ini kebanyakan pesakit HIV adalah di kalangan penagih dadah yang menggunakan *injection*. Jadi, oleh sebab kejayaan program-program yang dilakukan melalui *Methadone Replacement Therapy* jadi HIV di kalangan penagih dadah kurang. Apabila nisbah itu kurang, nampaknya sekarang 80 hingga 90 peratus adalah di kalangan sama ada heteroseksual ataupun homoseksual.

Jadi, kementerian tidak- tumpuan kita lebih kepada pengamalan seks yang tidak selamat, sama ada dengan *multi-partners* ataupun yang tidak *protected*. Ini tumpuan kepada usaha daripada kerajaan. Jadi, kebetulan kita tidak menganggap homoseksual ini sebagai penyakit. So, itu jawapan saya. Jadi...

**Puan Asmak binti Husin:** Saya kurang faham. Maksudnya, pengamal homoseksual ini tidak dianggap sebagai pesakit ataupun penyakit? Dua itu berbeza. Oleh sebab, kalau pesakit mereka akan pergi kepada wad psikiatri untuk rawatan. Lepas itu yang kedua, saya melihat dalam *Public Order 10(2)(c)*, dalam Perlembagaan Malaysia memang disebutkan kalau ada sesuatu yang mengancam kesihatan awam itu dianggap sebagai menyentuh Perlembagaan Malaysia. Kesihatan awam ini antaranya, adalah kita menganggap sekarang kegiatan homoseksual ini telah menyebabkan ancaman kepada kesihatan awam di Malaysia dan ini bertentangan dengan Perlembagaan Malaysia. Jadi, pandangan daripada kementerian sendiri?

**Dr. Lee Boon Chye:** Yang pertama, kita tidak menganggap homoseksual ini sebagai penyakit dan mereka bukan pesakit. Kedua, berkenaan ancaman kepada kesihatan awam. Apa yang saya sebut, bukan kerana mereka heteroseksual kah atau homoseksual. Kita anggap pengamalan seks yang tidak selamat, ini yang menjadi risiko. Bukan kerana homoseksual kah atau heteroseksual.

Masalahnya adalah pengamalan seks yang tidak selamat. Ini yang menjadi masalah, *multiple partners* dan *unprotected sex*, ini yang menjadi masalah. Bukan kerana mereka homoseksual ataupun heteroseksual. Jadi, kita harus tumpu kepada pendidikan dari segi pelaksanaan ataupun pengamalan seks yang selamat, *faithful to your partners and protected sex*. Ini sepatutnya menjadi amalan yang kita harus didik.

**Puan Asmak binti Husin:** Cuma saya hendak sentuh tentang- minta maaf ya Tuan Yang di-Pertua. Tentang penyelarasan antara Kementerian Kesihatan ataupun kerjasama antara Kementerian Kesihatan dengan Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu kementerian yang berkaitan dengan agama, JAKIM contohnya. Oleh sebab, saya pun terlibat dengan mereka, bukan sebagai pengamal, maksudnya sebagai kaunselor [*Ketawa*]

Gelak dia, besar, rupanya dia masuk. Maknanya, oleh sebab saya juga terlibat sebagai kaunselor agama. So, kami dapat banyak kes daripada bahagian rawatan psikiatri. Maknanya, kadang-kadang pakar yang terlibat itu mereka tidak ada kemahiran dari sudut keagamaan tetapi ada kemahiran dari sudut kesihatan. Namun begitu, pengamal ini dia akan pergi ke bahagian psikiatri untuk mendapatkan rawatan. Akan tetapi, kalau kementerian menganggapnya ia bukan sebagai pesakit atau penyakit, jadi bagaimana kita hendak rawat ini? Sebab ia berkaitan dengan kesihatan awam dan juga satu lagi juga berkaitan dengan agama. Saya rasa mana-mana agama pun menolak LGBT ini.

**Dr. Lee Boon Chye:** Saya menghormati kepercayaan agama masing-masing. Mereka yang perlukan kaunseling ataupun memberi kaunseling kepada mereka, boleh teruskan. Cuma sebagai doktor, dari pihak kementerian kita tidak anggap mereka sebagai pesakit atau penyakit walaupun menghadapi penyakit. Akan tetapi, kita akan terus memberi nasihat dari segi amalan cara hidup yang sihat dan sebagainya. Jadi, ini usaha bagi pihak kementerian.

Kalau tidak ada soalan lain, akhir sekali saya ingin rakamkan sekali lagi ucapan terima kasih kepada mereka yang terlibat dalam perbincangan yang meliputi bidang kuasa Kementerian Kesihatan Malaysia dan juga kakitangan yang terlibat untuk membantu saya dalam penggulungan ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Lee Boon Chye yang telah menerangkan dengan panjang tentang kesihatan dan juga jangan menghisap rokok. Saya hendak ceritakan bahawa masa saya dahulu, sebelum tua, saya suka pada sukan dan saya belajar juga silat. Guru saya bernama Datuk Megat, dia ada di sini. Dia beritahu saya, "Cikgu, jangan hisap rokok lah."...

**Seorang Ahli:** Betul.

**Timbalan Yang di-Pertua:** "Eh! Saya tak pernah hisap rokok pun sebab bibir saya merah" saya kata. Datang Dato' Khairudin pula jumpa saya. "Hisaplah, jangan sorok-sorok." Dia kata. *[Ketawa]* Pandai-pandai lah." Itu saya teringat.

*Jadi jangan sekali-kali hisap rokok;  
Hisaplah jangan sorok-sorok;  
Hisap lebih batuk teruk;  
Batuk terkokol tangan habis dicucuk... [Dewan tepuk]*

Ha! Itu dia. Jadi dia kata. Itulah dia ya pandangan saya. Ada baik kalau tak hisap rokok itu, Datuk ya? Ini ada tokoh yang ajar saya. Terima kasih banyak.

Dan saya minta sekarang kepada Kementerian Belia dan Sukan, dipersilakan.

**3.57 ptg.**

**Timbalan Menteri Belia dan Sukan [Tuan Sim Chee Keong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan semua Ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Sebelum saya memulakan ucapan saya, saya ingin mengumumkan beberapa pencapaian skuad atlet negara terutamanya dalam temasya-temasya penting untuk seminggu yang lepas.

Skuad tenpin boling negara kita dalam kejohanan *the 20th Youth Asian Tenpin Bowling Championship* di Kuching, Sarawak telah memenangi satu pingat emas, tiga pingat perak dan satu gangsa... [*Tepuk*] Manakala, bagi sukan renang dalam sukan temasya *62nd MILO/PRAM Malaysia Open* di Pusat Akuatik Nasional Kuala Lumpur, kita telah berjaya memenangi 10 pingat emas, 22 perak dan 15 gangsa termasuk dengan atlet-atlet kita memecah tiga rekod nasional yang baharu.

Manakala, yang terakhir dalam sukan karate di *ASIAN Karate Federation Cadet, Junior & U21 Championships* di Kota Kinabalu, Sabah. Atlet negara kita telah berjaya meraih tiga pingat emas, dua pingat perak dan lima pingat gangsa. Syabas diucapkan kepada semua wira-wira negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Yang Berhormat dalam Dewan *Senate* ini di atas segala pandangan, pertanyaan dan cadangan yang telah dikemukakan terutamanya tentang Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dalam sesi Dewan Negara kali ini. Izinkan saya memberikan ulasan dan pandangan terhadap perkara-perkara yang telah dibangkitkan sebagaimana berikut.

Pertama sekali, saya ingin mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada Ahli Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif, Yang Berhormat Senator Dr. Zaiedi Haji Suhaili dan juga Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin di atas keprihatinan Ahli-ahli Yang Berhormat terhadap isu dasar, perancangan dan hala tuju kementerian dalam memacukan pembangunan belia dan sukan negara. Izinkan saya menjawab soalan Ahli-ahli Yang Berhormat tersebut tadi secara bersekali, memandangkan ketiga-tiga Ahli Yang Berhormat Senator tersebut bertanya tentang perkara yang sama iaitu tentang Program Transformasi Nasional (TN50).

**■1540**

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Belia dan Sukan (KBS) telah diberi mandat pada tahun 2017 di bawah kerajaan yang lama untuk mendapat dan mengumpul aspirasi daripada golongan belia kerana golongan ini lah yang akan menjadi pemimpin pada tahun 2050 nanti.

Justeru itu, sepanjang tahun 2017, KBS telah melaksanakan pelbagai siri *engagement*, dengan izin, di seluruh negara untuk mengumpul 62,000 aspirasi, pandangan serta maklum balas daripada 1.7 juta anak muda daripada kalangan belia di Malaysia ini sebagai persiapan untuk menghadapi tahun 2050.

Aspirasi yang telah dikumpulkan daripada pelbagai lapisan belia di seluruh negara ini di cerakin dan di analisa dengan teliti dan di terjemah dalam laporan yang disebut Belia TN50. Dengan keterangan yang saya sebut tadi, ia jelas menggambarkan peranan kementerian ketika itu adalah untuk mendapatkan maklumat-maklumat yang akan digubal untuk membentuk dasar nasional secara pendekatan *bottom up*, dengan izin.

Sebagaimana Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum, bersesuaian dengan manifesto dan janji yang telah dibuat oleh kerajaan masa kini, pihak KBS akan meneruskan segala inisiatif yang baik dan bermanfaat untuk rakyat waima inisiatif tersebut berasal ataupun berkisar daripada kerajaan yang terdahulu. Sehubungan dengan itu, KBS berpandangan bahawa input TN50 sebelum ini yang diperolehi daripada pelbagai sesi *engagement* yang dilaksanakan oleh kementerian-kementerian dan agensi-agensi kerajaan serta pihak swasta akan dan boleh diguna pakai sebagai rujukan kepada pelan dan perancangan pembangunan belia dan sukan khususnya dan pembangunan negara secara amnya. Oleh yang demikian, aspirasi rakyat yang terkumpul sebelum ini tidak akan dipersiapkan sebaliknya dijadikan panduan dalam perancangan kerajaan.

Bagi menjawab persoalan yang dibangkitkan terutamanya oleh Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif. Hala tuju kementerian dalam merangka pembangunan belia negara adalah berpandu dan kepada dokumen Dasar Belia Malaysia (DBM). Dasar Belia Malaysia adalah satu perancangan dan pelaksanaan pembangunan belia bagi tempoh 20 tahun yang akan datang sehingga ke tahun 2035. Strategi pelaksanaan DBM bagi setiap lima tahun adalah selari dengan Rancangan Malaysia lima tahun bermula daripada RMKe-11 sehingga RMKe-14.

Dasar Belia Malaysia ini juga telah menetapkan sembilan bidang keutamaan belia yang dijadikan panduan kepada semua pemegang taruh dalam mengarahkan pelaksanaan program-program pembangunan belia. Tambahan pula, Dasar Belia Malaysia ini juga telah menggariskan

lapan kumpulan sasaran belia yang memudahkan kumpulan pelaksanaan membuat perancangan dan pelaksanaan pembangunan belia yang lebih strategik.

Dari segi pembangunan sukan negara pula, Dasar Sukan Negara 2019 kini menjadi panduan kementerian bagi merencanakan dan melaksanakan pembangunan sukan di setiap peringkat sama ada sukan untuk semua ataupun sukan berprestasi tinggi ataupun cabang yang ketiga sukan sebagai industri. Kerajaan sedar bahawa sukan merupakan platform yang boleh menyumbang kepada gaya hidup sihat dan perpaduan di kalangan masyarakat.

Untuk makluman Dewan yang berhormat ini, pada masa kini kementerian sedang dalam proses untuk melihat semula dan, dengan izin, *update* Dasar Sukan Negara yang kini sudah berusia 10 tahun bagi memastikan agar Dasar Sukan Negara kekal relevan dan bersifat sejagat selaras dengan peredaran masa, zaman dan juga situasi global pada hari ini. Dari segi perancangan pembangunan belia dan sukan negara untuk jangka masa sederhana, KBS juga telah menyediakan Kajian Separuh Penggal Pelan Strategik KBS 2016 hingga 2020 yang meliputi empat teras strategik baru iaitu:

- (i) pemerksaan anak muda;
- (ii) kualiti kesejahteraan hidup;
- (iii) penciptaan pekerjaan; dan
- (iv) memperkasa tadbir urus.

Kajian Separuh Penggal Strategik KBS 2016-2020 ini mengandungi tujuh tindakan strategik, 20 bidang fokus baharu dan sebanyak 161 program belia dan sukan yang dirancang bagi pelaksanaan tahun 2019 sehingga tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati...

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sim Chee Keong:** Boleh, silakan.

**Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri, Tuan Yang di-Pertua. Saya terutamanya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana ada satu program baru yang dilancarkan- diperkenalkan 1S1U1C iaitu untuk mengadakan di setiap negeri satu universiti yang akan membawa budaya sukan. Saya difahamkan juga telah pun diadakan menandatangani persefahaman antara kedua-dua kementerian. Cuma persoalannya bagaimana pelaksanaannya selepas ini dapat diteruskan dan kerisauannya adalah di peringkat universiti sendiri adakah mempunyai prasarana-prasarana dan kemudahan yang pastinya boleh membawa pembangunan sukan khususnya akan lebih baik dalam negara ini.

Saya juga secara peribadi hendak mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana saya difahamkan melalui sumber-sumber yang boleh dipercayai dan tepat bahawasanya Yang Berhormat Menteri telah pun berusaha bersungguh-sungguh untuk membantu bekas-bekas atlet negara di bawah YAKEP bagi mendapatkan mereka ditempatkan di kelas dua hospital. Pada saya ini satu pencapaian yang boleh kita banggakan dan tahniah kerana atlet-atlet ini adalah mereka yang banyak jasanya kepada negara Malaysia yang tercinta.

Akhir sekali ialah juga untuk makluman kerana mungkin pertandingan ini baru selesai semalam. Saya juga hendak maklumkan bahawa Pasukan Silat Negara berada di Belgium sekarang dalam perjalanan pulang esok telah berjaya mencapai lima pingat emas, dua pingat perak dan tiga pingat gangsa di Belgium... [*Tepuk*] Satu kejuaraan yang setiap tahun dihantar oleh KBS dan pastinya terima kasih kepada Majlis Sukan Negara yang menjadi rakan tetap dan rakan yang bekerjasama. Jadi, tahniahlah kepada Yang Berhormat Menteri atas program-program yang telah pun dilancarkan oleh Kementerian Belia dan Sukan oleh kedua-dua Menteri dan Timbalan Menteri.

Akan tetapi yang YAKEP ini saya hendak ucap terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri yang telah berusaha bersungguh-sungguh bagi mendapatkan pembelaan kepada bekas-bekas atlet kita terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain juga tahniah kepada Pasukan Silat Negara yang sememangnya merupakan antara pasukan ataupun kontinjen atlet negara yang telah banyak membawa kebanggaan kepada sukan di negara kita. Untuk makluman Dewan yang Mulia ini, Yang Berhormat Senator juga antara pemimpin dalam Persatuan Silat Kebangsaan, jadi tahniah kepada kepimpinan Persatuan Silat Kebangsaan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, program *1State 1University 1Center* ini pada masa kini telah berjaya melibatkan 21 buah institusi pengajian tinggi di seluruh Malaysia dan tujuan dan objektif utama program ini adalah untuk membolehkan para atlet kita yang sedang dan masih dalam perkhidmatan bidang sukan di negara ini untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat yang tertinggi. Kita sedia maklum bahawa kursus-kursus biasa dan program-program di universiti-universiti yang biasa tidak dapat memenuhi jadual latihan yang sibuk bagi para atlet kita.

Jadi untuk melalui program *1State 1University 1Center* ini, kementerian telah mengadakan persefahaman dengan universiti-universiti yang terlibat dan juga Kementerian Pendidikan bagi mewujudkan program-program pendidikan ataupun kursus-kursus ijazah yang

bersifat fleksibel bagi membolehkan penerimaan para atlet kita ke dalam kursus-kursus di peringkat universiti.

Kita masih lagi dalam keadaan melihat dan memperhalus serta memperbaiki apa-apa kekurangan dan kelemahan yang terdapat dalam program ini dan nescaya dengan penglibatan 21 buah universiti di seluruh negara, atlet-atlet kita akan berpeluang untuk juga melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat tertinggi dan dalam masa yang sama pengalaman yang kita kecapai akan digunakan sebagai input atau maklum balas untuk menambah baik program ini pada masa yang akan datang.

Saya teruskan kepada ucapan saya iaitu tentang pembangunan ekonomi bagi belia luar bandar.

#### ■1550

Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang daripada Sabah telah membangkitkan tentang program-program pembudayaan belia di kawasan luar bandar agar belia-belia tidak perlu lagi ataupun jika mereka memilih, tidak perlu untuk pergi ke bandar untuk mencari peluang pekerjaan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KBS sememangnya prihatin dalam memastikan pembangunan ekonomi belia luar bandar sejajar dengan arus perubahan semasa. KBS telah merancang banyak program pembangunan usahawan belia, termasuklah pembangunan belia di kawasan luar bandar.

Seperti mana yang Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang sedia maklum, konsep perniagaan pada masa kini tidak lagi terbatas dalam kerangka perniagaan konvensional iaitu dengan membuka kedai ataupun menyewa premis perniagaan semata-mata. Kini, perniagaan telah berkembang ke alam digital secara atas talian dan telah sedikit sebanyak menjadikan faktor jarak antara bandar dan luar bandar semakin kurang signifikan.

Menyedari hal ini, kementerian telah merancang dan melaksanakan program pembangunan usahawan digital ataupun dengan izin, "*Young Heroes*" bertujuan untuk memberikan pendedahan dan latihan secara intensif tentang potensi perniagaan atas talian ataupun, dengan izin, *online business*. Peserta "*Young Heroes*" ini akan didedahkan dengan pelbagai teknik pemasaran dan strategi jualan dengan menggunakan medium atas talian. Platform yang digunakan adalah meliputi pelbagai instrumen ataupun pelbagai teknologi dalam bidang teknologi maklumat termasuklah *social media*, aplikasi komunikasi dan juga laman-laman web *e-commerce* serta strategi tentang produk yang diperkenalkan oleh mereka.

Selain itu, KBS turut melaksanakan program-program seperti *Youth Business Expo*; *Youth Career*; Kursus Teknikal Belia Tani; Program Keusahawanan Belia Bestari; serta kursus teknologi reka bentuk pembungkusan, penjenamaan dan peningkatan kualiti produk. Kursus-kursus ini bertujuan membantu usahawan muda di kawasan luar bandar mengembangkan potensi, seterusnya meningkatkan hasil jualan mereka.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, bagi membolehkan usaha yang dilaksanakan oleh KBS memberikan impak yang maksimum terhadap pembangunan belia di luar bandar, Kementerian Belia dan Sukan telah bekerjasama dengan kementerian-kementerian dan agensi-agensinya yang lain dengan menyediakan portal *Youth Entrepreneurial Network* (YEN) yang merangkumi maklumat-maklumat tentang contohnya, geran-geran perniagaan dan juga peluang-peluang latihan kepada anak muda yang disediakan oleh Kerajaan Pusat Malaysia.

Portal ini diwujudkan bertujuan membolehkan usahawan muda mendapatkan kemudahan latihan dan dana pembiayaan untuk memulakan perniagaan mereka. Antara kementerian dan agensi yang menjadi rakan strategik KBS dalam pengendalian portal ini termasuklah Kementerian Pembangunan Usahawan (MED), Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Perbadanan Usahawan Nasional Berhad (PUNB) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN Nasional).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KBS juga tidak lupa untuk memberikan perhatian kepada golongan belia berisiko seperti contohnya, belia yang berada di bawah pengawasan, belia yang telah dikenakan tindakan undang-undang dan belia yang tercicir dalam pelajaran peringkat menengah. Bagi memastikan pembangunan belia yang berada dalam kategori ini tidak terabai, kementerian telah merangka satu program baharu yang dinamakan *Skill Training At Risk @ Youth* (Star@U). Program ini dijangka akan memberikan impak seperti berikut:

- (i) memberikan ruang dan peluang kepada lebih ramai belia mendapatkan kemahiran;
- (ii) mengurangkan gejala sosial negatif di kalangan belia berisiko, belia minoriti dan belia terpinggir serta belia-belia di kawasan luar bandar;
- (iii) memperkenalkan kursus-kursus yang ditawarkan di Institut Latihan Kemahiran Belia dan Sukan (ILKBS) dan meningkatkan minat belia mendapatkan peluang belajar sepenuh masa;
- (iv) meningkatkan peluang belia menceburi bidang keusahawanan; dan
- (v) memberi peluang belia masa sambung pelajaran dan mendapat Sijil Kemahiran Malaysia menerusi kaedah pengiktirafan pencapaian terdahulu.

Bagi tahun 2019, sebanyak empat program *MyFuture Youth*, satu Program Reben Kuning dan 70 program *MyFuture Youth Plus* akan melibatkan 21 ILKBS. Seramai 820 orang belia akan terlibat melibatkan 13 bidang kemahiran. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, Kementerian Belia dan Sukan mengawal selia 22 ILKBS yang terdiri daripada Institut Kemahiran Tinggi Belia Negara (IKTBN), Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan Akademi Kemahiran Belia Golf (AKBG).

ILKBS ini menawarkan latihan kemahiran sepenuh masa dari Tahap 1 hingga Tahap 5 menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia, Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia serta pensijilan profesional yang melibatkan 13 bidang utama, contohnya mekanikal, *electrical*, *electronic*, teknologi awam, hospitaliti, teknologi sukan, fotografi, personel, automatif, tekstil, teknologi maklumat, teknologi marin dan *oil and gas* dengan izin.

Selain isu pembangunan belia luar bandar, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang turut mencadangkan supaya sebuah kompleks sukan mini dibina di kawasan luar bandar. Saya bagi pihak Kementerian Belia dan Sukan ingin menyatakan komitmen kementerian untuk terus menyediakan platform dan infrastruktur bagi menggalakkan gaya hidup aktif dan sihat serta aktiviti-aktiviti yang mampu menyatupadukan rakyat di seluruh negara. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, terdapat sebanyak 29 kemudahan sukan di Keningau.

Daripada jumlah ini, terdapat beberapa gelanggang futsal yang telah dibina berhampiran pekan Sook iaitu di pekan Sook sendiri, di Kampung Tulid Station; Kampung Mansiat, bukan *maksiat*, Mansiat; Kampung Menawo Ulu; Kampung Bomboi; Kampung Magatang dan lain-lain lagi. Jumlah gelanggang futsal yang telah dibina oleh Kementerian Belia dan Sukan adalah sebanyak enam buah di kawasan tersebut.

Untuk cadangan membina kompleks sukan mini bagi kegunaan rakyat, KBS akan melihat kepada keperluan dan juga kepada keadaan kemudahan sedia ada sebelum membuat sebarang keputusan. Kementerian berpandangan bahawa sekiranya kemudahan sedia ada hanya perlu dinaik taraf dan dibaik pulih, maka ia adalah lebih afdal jika kita melakukan kerja-kerja baik pulih tersebut berbanding dengan pembinaan ataupun menjalankan projek pembinaan yang baharu.

Selain itu, kementerian akan memastikan pengagihan pembinaan fasiliti dan kemudahan sukan ini dibuat secara menyeluruh terutamanya di kawasan yang langsung tiada kemudahan dan fasiliti sukan. Saya juga sedia maklum bahawa terdapat dua buah kompleks sukan yang telah dibina oleh kerajaan negeri di Sabah iaitu Kompleks Sukan Keningau yang terletak kira-kira 45 kilometer dan Mini Kompleks Sukan Nabawan yang terletak lebih kurang 30 kilometer dari pekan Sook.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, KBS sedang dalam proses untuk merangka satu dokumen yang dipanggil Kerangka Kemudahan Sukan Nasional bagi memastikan setiap kemudahan sukan yang dibina oleh kerajaan menepati keperluan rakyat setempat dan didirikan secara strategik serta objektif. Ini bagi memastikan tiada kemudahan yang terbina menjadi “*gajah putih*” atau dengan izin, “*white elephant*” kerana mempunyai penggunaan yang rendah setelah dibina menggunakan wang rakyat.

Selain itu, kementerian berpandangan bahawa tanggungjawab membina kemudahan sukan bukan sahaja terletak di bawah Kementerian Belia dan Sukan semata-mata. Justeru itu, Kementerian Belia dan Sukan mengalu-alukan kerjasama dari pelbagai pihak termasuk pihak berkuasa negeri dan pihak berkuasa tempatan serta syarikat-syarikat swasta dan pertubuhan bukan kerajaan dalam proses menyediakan serta menyelenggarakan kemudahan-kemudahan sukan di negara kita.

Setakat itu sahaja jawapan daripada pihak saya mengenai soalan-soalan yang dikemukakan...

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya minta sedikit penjelasan? Menteri, tahniah di atas cadangan untuk menilai kemudahan-kemudahan sukan yang boleh ditambah baik, malah ditambah nilai mengikut kesesuaian. Mohon perhatian dan penjelasan Menteri terutama sekali kemudahan sukan di desa.

Saya melihat contoh macam di kawasan saya di Balik Pulau itu ada kompleks sukan, tetapi kurang mendapat tarikan dalam keadaan tertentu. Kita tahu bahawa di bandar, perkara-perkara baharu banyak berlaku. Ada *coworking space*, ada perkara-perkara yang bersifat *integrated*. Maksudnya dia di situ boleh bersukan, boleh ber-*internet* dan malah ada sesetengah itu boleh ada kursus-kursus sampingan.

Saya melihat perkara itu agak berjaya Menteri dan Menteri saya rasa maklum perkara-perkara begini. So saya rasa mungkin Menteri tadi dalam konteks memasukkan elemen digital di peringkat awal penjelasan tadi, saya rasa mungkin Menteri boleh melihat kewujudan *coworking space* dan sebagainya ini, *civic tech hub* kemungkinan, saya pernah terlibat buat di Myanmar pun mendapat sambutan.

#### ■1600

Sebab saya tengok- satu lagi, Menteri, aspek yang boleh dipertimbangkan ialah mewujudkan satu ekosistem sebab untuk mewujudkan suasana digital di desa ini, Tuan Yang Dipertua, agak sukar terutama untuk tujuan-tujuan positif. Kerja-kerja digital selalu digunakan- ya, *handphone* semua ada tetapi untuk nak dibuat, dengan izin, *digital for social good* ini, saya rasa

Menteri mungkin boleh mengadakan satu cadangan yang lebih strategik untuk membantu terutama rakan-rakan kita di desa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih rakan lama saya, rakan baik saya Yang Berhormat Senator Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff daripada Pulau Pinang. Saya menerima baik cadangan beliau dan juga pandangan beliau terutamanya tentang adanya wujud kemudahan-kemudahan sukan yang mungkin bukan terbengkalai tetapi mempunyai penggunaan yang agak rendah.

Itulah antara sebabnya mengapa kementerian pada hari ini dalam proses untuk menyiapkan Kerangka Kemudahan Sukan Nasional ini bagi memastikan agar selepas ini apa-apa cadangan untuk membina kompleks ataupun kemudahan sukan, infrastruktur sukan akan dikaji dan dinilai secara objektif dan bukan sahaja menurut cita rasa politik ataupun suara-suara politik semata-mata. Kita ingin melihat kepada keperluan di kawasan setempat tersebut serta bagaimana kemudahan sukan atau infrastruktur sukan yang bakal dibina itu mampu untuk menggembelng semua aktiviti sukan dan aktiviti-aktiviti komuniti di kawasan tersebut.

Dalam satu lagi aspek, Kementerian Belia dan Sukan juga dalam proses untuk menggalakkan para pegawai belia dan sukan kita terutamanya di peringkat daerah untuk mengambil pendekatan pelbagai peranan ataupun *multirole approach* dalam mengendalikan tugas-tugas mereka. Maksud saya ialah contohnya jikalau pegawai tersebut bertanggungjawab sebagai pegawai belia dan sukan di kawasan setempat tersebut ataupun bertanggungjawab untuk menguruskan kemudahan sukan tersebut, beliau bukan sahaja menghadkan tugasnya sebagai pengurus kompleks, malah jika boleh turut berfungsi ataupun memainkan peranan sebagai *programmer* ataupun juruacara yang mampu untuk menganjurkan program-program. Contohnya aktiviti-aktiviti digital seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Senator di kawasan tersebut atau menggunakan kemudahan tersebut bagi menarik lebih banyak lagi penggunaan fasiliti kita.

Jadi dengan itu, saya mengucapkan...

**Datuk Haji Abidullah bin Salleh:** Minta laluan sikit, Menteri. Ini Melaka, Melaka. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini satu, pendek sahaja soalnya.

Di negeri Melaka di Ayer Keroh, ada satu bangunan kompleks majlis sukan negeri. Mungkin peruntukan itu daripada KBS. Jadi boleh memuatkan empat gelanggang badminton dan juga sepak takraw atau pelbagai guna sukan boleh digunakan tetapi saya ingat dah lebih 10 tahun bangunan itu. Kerana di Melaka ini tidak ada stadium tertutup, saya pun tidak tahulah mengapa.

Entah KBS tak bagi duit kah, MSN tak bagi duit kah atau tidak berbincang dengan Kerajaan Negeri Melaka.

Jadi sekarang kita tahu keadaan cuaca memang begitu panas di negara kita. Kalau duduk di stadium itu atau di kompleks itu, tak sampai 15 minit saya ingat dah macam kita masuk sauna. Jadi kalau program-program atau kejohanan yang nak dibuat di Melaka memang payah nak dapatkan stadium tertutup. Jadi apa salahnya KBS dan Majlis Sukan Negara dapat melihat ini supaya diadakan penghawa dingin di bangunan tersebut? Sekian, terima kasih.

**Tuan Sim Chee Keong:** Terima kasih Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh, Ahli Yang Berhormat daripada Melaka. Kita menerima pandangan dan juga cadangan daripada Yang Berhormat Senator. Saya percaya pegawai kita daripada KBS akan meneliti cadangan tersebut dan mungkin menghubungi kerajaan negeri bagi membincangkan keperluan-keperluan di kompleks sukan Ayer Keroh tersebut.

Jadi dengan itu, saya mengucapkan terima kasih sekali lagi kepada semua Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini serta Tuan Yang di-Pertua Dewan Negara bagi peluang kepada saya untuk menjawab soalan-soalan yang telah dibangkitkan dalam perbahasan kali ini. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Sim Chee Keong, Timbalan Menteri Belia dan Sukan yang telah menyampaikan segala hujah yang baik dan teratur dan terang.

Sekarang saya jemput pula Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim. Dipersilakan.

**4.05 ptg.**

**Timbalan Menteri Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim [Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam Usul Menjunjung Kasih perbahasan Titah Diraja bagi Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas, yang telah membangkitkan isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim.

Untuk isu rebat elektrik kepada golongan B40, Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Puan Raj Murni binti Sabu yang telah membangkitkan isu berkaitan rebat elektrik dan menyeru agar kerajaan memastikan

pemberian insentif iaitu rebat bil elektrik sebanyak RM20 harus sampai kepada golongan sasaran iaitu miskin dan miskin tegar.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, di antara penambahbaikan terhadap program rebat bil elektrik yang dilaksanakan sekarang adalah rebat yang diberikan telah dinaikkan daripada RM20 kepada RM40 dan pelaksanaannya adalah secara bersasar. Pelaksanaan program rebat RM40 telah bermula pada Januari 2019 yang lalu dan dibuat secara bersasar iaitu kepada ketua isi rumah (KIR) miskin dan miskin tegar yang berdaftar dengan sistem eKasih Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri (ICU JPM).

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Haji Megat Zulkarnain bin Tan Sri Wira Haji Omardin- baru keluar saya fikir. Boleh saya teruskan jawapan mungkin kepada mereka yang berada di Dewan ini?

Izinkan saya beralih kepada perkara-perkara yang menyentuh isu alam sekitar dan perubahan iklim yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad, Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung, Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim, Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen, Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong dan Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif.

Yang Berhormat Senator Dato' Sri Khairudin Samad, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali, Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen telah membangkitkan mengenai penggunaan plastik. Saya ingin mengulas mengenai isu larangan- sebentar ya. Saya terus pergi kepada isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen mengenai keupayaan penguatkuasaan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Jabatan Alam Sekitar terhadap kilang-kilang kitar semula plastik haram yang telah dibangkitkan.

Jabatan Alam Sekitar telah menubuhkan *task force* di peringkat negeri dan dipengerusikan oleh Exco Alam Sekitar Negeri. *Task force* di peringkat negeri diurus setiakan oleh Jabatan Alam Sekitar negeri dan dianggotai oleh pihak berkuasa tempatan atau ringkasnya PBT, pejabat tanah, PDRM, Imigresen, Kastam, TNB dan bekalan air dan lain-lain agensi yang berkaitan. Melalui *task force* yang ditubuhkan, Jabatan Alam Sekitar negeri akan melaksanakan penguatkuasaan bersepadu dengan agensi-agensi yang berkaitan ke atas kilang-kilang kitar semula sisa plastik haram.

Saya ingin juga sentuh di sini, walaupun mungkin Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali tidak ada di sini, sehingga setakat 11 April 2019, melalui penguatkuasaan bersepadu yang dilaksanakan oleh Jabatan Alam Sekitar bersama dengan agensi-agensi yang berkaitan, didapati bahawa daripada 300 buah kilang kitar semula sisa plastik yang diperiksa di seluruh Malaysia, sebanyak 111 premis beroperasi secara sah, 112 buah kilang adalah beroperasi tanpa lesen dan kita juga telah menahan dan menghentikan operasi ke atas 148 buah kilang ya sehingga 11 April 2019.

■1610

Tuan Yang di-Pertua, kementerian juga sentiasa mengambil perhatian yang serius dengan isu pencemaran alam sekitar serta memperkukuh perundangan berkaitan alam sekitar seperti yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim dan Yang Berhormat Senator Datuk Teo Eng Tee.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kementerian sedang merangka Rang Undang-undang Alam Sekitar yang baharu bagi menggantikan akta sedia ada, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974. Rang undang-undang ini akan dibentangkan di Parlimen selepas ia disiapkan sepenuhnya. Ini bertujuan untuk memperkukuh, memantapkan dan pelaksanaan kerja penguatkuasaan lebih efektif dan relevan dengan keadaan semasa dan akan datang. Antara perkara baharu dalam penggubalan ini adalah seperti yang berikut:

- (i) perkenalan konsep baharu seperti *environment protection, precautionary approach, sustainability, the user pays principle, cradle to cradle*;

Kalau dahulu barangkali kita selalu menggunakan *terms cradle to grave*, hari ini kita memperkenalkan *cradle to cradle* dan *extended producer responsibility*, dengan izin;

- (ii) pelaksanaan amalan industri hijau bertujuan sebagai preventif, mengambil kira pengurusan alam sekitar yang dinamik, perubahan iklim dan kehendak sosial dalam pengoperasian industri;
- (iii) peruntukan denda yang tinggi. Mewujudkan denda minimum dan menaikkan nilai tawaran kompaun bagi menunjukkan kesalahan mencemarkan alam sekitar adalah kesalahan yang serius;
- (iv) pengurusan *household e-waste*;
- (v) pelaksanaan pendekatan *guided self-regulation*; dan

- (vi) pelaksanaan amalan teknologi terbaik atau *best available technology* dan amalan pengurusan terbaik, *best management practice*, selaras dengan obligasi antarabangsa ke atas perlindungan alam sekitar.

Untuk kes pencemaran kimia di Sungai Kim Kim. Langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan ialah meningkatkan penguatkuasaan, melaksanakan operasi bersepadu bersama agensi berkaitan, memperkasakan SOP bagi mengatasi bencana sisa bahan berbahaya yang mana kementerian akan mengadakan perbincangan dengan pihak Majlis Keselamatan Negara bagi memperkemaskan pengurusan dan pelaksanaan perkara ini dan meningkatkan kesedaran alam sekitar mengenai pengurusan sisa bahan berbahaya.

Untuk menjawab pertanyaan Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim, berhubung mengadakan kawasan khas untuk pembuangan sisa toksik di negeri Johor, kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar telah melesenkan sebanyak 35 kemudahan perolehan kembali luar tapak di negeri Johor untuk menerima buangan terjadual bahan berbahaya daripada industri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor bersama-sama dengan agensi penguat kuasa yang lain seperti pihak berkuasa tempatan, pejabat daerah dan tanah, Jabatan Imigresen Malaysia dan PDRM sentiasa membuat penguatkuasaan ke atas kilang-kilang haram di Johor. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, sistem penguatkuasaan Jabatan Alam Sekitar dijalankan berdasarkan dua prinsip utama iaitu pemeriksaan di tapak, *command and control* serta penerapan elemen pematuhan sendiri, *self-regulation* yang masih memerlukan verifikasi di pihak Jabatan Alam Sekitar.

Pemantauan pula dilakukan melalui pelbagai platform digital antaranya sistem pelaporan dalam talian seperti *Electronic Scheduled Waste Information System* (eSWIS) dan *Online Environmental Reporting* (OER), sistem pemantauan pelepasan seperti *Continuous Emission Monitoring System* (CEMS) serta sistem pemantauan kualiti air dan udara ataupun *Environmental Quality Monitoring Program* (EQMP) juga.

Dalam kes Sungai Kim Kim ini Jabatan Alam Sekitar mendapati pencemaran bau adalah berpunca daripada bahan seperti minyak berwarna hitam yang dibuang ke dalam Sungai Kim Kim. Siasatan juga mendapati bahan buangan bukan berpunca daripada pelepasan kilang atau industri berhampiran.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, tunggu sekejap.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Sambung Yang Berhormat Menteri.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Saya sambung. Pasukan HAZMAT telah menjalankan pensampelan *in-situ* dan keputusan pensampelan mendapati bahawa bahan kimia adalah *methane, hydrogen chloride, acrylonitrile, acrolein dan benzene*. Manakala keputusan analisa kimia bagi sampel yang diambil oleh Jabatan Alam Sekitar dari Sungai Kim Kim menunjukkan kesemua sampel mengandungi pelarut organik, *organic solvent, benzene, toluene, xylene, ethylbenzene dan limonene*.

*D-limonene* bahan kimia kebiasaannya adalah hasil daripada proses *pyrolysis* tayar. Bahan-bahan kimia telah dikenal pasti oleh Jabatan Kimia Malaysia dan akan digunakan di dalam mahkamah sebagai bukti kerana berpotensi menjejaskan kesihatan orang ramai.

Seterusnya, berhubung dengan cadangan penubuhan Jawatankuasa Penilaian Pencemaran dan kajian semula prosedur operasi standard (SOP) yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen. Saya ingin memaklumkan bahawa kementerian telah menubuhkan Jawatankuasa Kebangsaan Mengenai Pengurusan dan Pengawalseliaan Bahan Berbahaya bagi menilai dan memantau kawasan zon perindustrian seluruh negara. Melalui jawatankuasa di atas, kementerian akan mengkaji semua SOP yang berkaitan dan menambah baik termasuk mengesyorkan penambahbaikan SOP menghadapi bencana industri yang sedang diguna pakai oleh Agensi Pengurusan Bencana Negara. Tuan Yang di-Pertua, saya...

**Datuk Lim Pay Hen:** Mohon mencelah Yang Berhormat. Di sini saya ingin bertanya tentang status kilang kelapa sawit yang terletak di Jalan Muar, Segamat yang mana kalau mengikut Yang Berhormat Ahli Parlimen Segamat satu jawatankuasa telah ditubuhkan untuk mengawal tentang bau yang dikeluarkan oleh kilang tersebut. Baru-baru ini, saya menerima aduan daripada penduduk di persekitaran bahawa bau memang teruk sangatlah dan saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, apakah status dan langkah-langkah yang diambil oleh pihak kementerian tentang kilang kelapa sawit ini?

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat yang bertanyakan soalan mengenai satu kilang kelapa sawit di Segamat. Walau bagaimanapun, buat masa ini saya tidak ada maklumat tentang itu. Saya akan bagi jawapan bertulis pada Yang Berhormat dengan lebih terperinci tentang perkara ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, ada dalam perbahasan Yang Berhormat ada namakan kilang tersebut?

**Datuk Lim Pay Hen:** ...Tidak. Saya tentang pencemaran udara.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ia secara...

**Datuk Lim Pay Hen:** *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Ini kerana kalau hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri kilang mana pun susah ini, dia tidak ada maklumat. Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Puan Isnaraissah Munirah binti Majilis @ Fakharudy:** Jadi saya teruskan. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menarik perhatian Dewan ini berhubung isu kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Theodore Douglas Lind dan Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat pelbagai program telah dilaksanakan oleh kerajaan bagi memupuk kesedaran masyarakat terhadap alam sekitar. Menyasarkan pelbagai kumpulan masyarakat iaitu pemimpin masyarakat, komuniti setempat, pengajar tadika kanak-kanak, pelajar sekolah rendah dan menengah, pelajar institut pengajian tinggi, industri, pemaju projek, pihak swasta dan juga orang awam.

Antara program pendidikan dan kempen kesedaran alam sekitar utama yang dijalankan adalah berbentuk pameran, sambutan Hari Bumi, Hari Alam Sekitar Sedunia dan Hari Alam Sekitar Negara setiap tahun, Program Rakan Alam Sekitar dan penerbitan Laporan Kualiti Alam Sekeliling dan laporan tahunan. Pelbagai saluran, kaedah dan pendekatan juga digunakan bagi mencapai golongan sasaran termasuklah meningkatkan penggunaan media sosial seperti *Facebook, Twitter, YouTube* dan *Instagram* untuk menyebarkan maklumat dan aktiviti kesedaran alam sekitar.

MESTECC juga mengambil maklum mengenai bilangan kakitangan di Jabatan Alam Sekitar cawangan Miri, Sarawak yang tidak mencukupi untuk melaksanakan operasi penguatkuasaan bagi seluruh kawasan utara Sarawak yang meliputi daerah Miri, Lawas dan Limbang yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Alan Ling Sie Kiong.

#### ■1620

Namun begitu, Jabatan Alam Sekitar Cawangan Miri telah bekerjasama dengan Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar (NREB) cawangan Miri dan Limbang di dalam menguatkuasakan kes pembakaran terbuka. Ketika ini bilangan kakitangan di NREB cawangan Miri adalah seramai 10 orang manakala di cawangan Limbang adalah seramai enam orang.

Di Sarawak, pelaksanaan penguatkuasaan ke atas kes-kes pembakaran terbuka, khususnya berkaitan aktiviti perladangan dan pertanian adalah di bawah bidang kuasa NREB yang mana boleh mengambil tindakan lebih berkesan ke atas tuan punya tanah yang melakukan pembakaran terbuka.

Yang Berhormat Senator Puan Sopiah binti Sharif- oh, okey. Terima kasih kerana telah membangkitkan mengenai isu kesan alam sekitar susulan pelaksanaan projek pembinaan terowong dasar laut Pulau Pinang. Untuk makluman Yang Berhormat, Laporan *Environmental Impact Assessment (EIA)*, dengan izin, Projek Terowong Dasar Laut Pulau Pinang disediakan oleh juru perunding EIA yang berdaftar dengan Jabatan Alam Sekitar.

Laporan ini telah mengambil kira impak ketara yang mungkin berlaku dan mencadangkan langkah-langkah yang akan mengurangkan impak negatif berkenaan. Apabila Laporan EIA dikemukakan, Jabatan Alam Sekitar akan menubuhkan *EIA Technical Review Committee* yang terdiri daripada agensi kerajaan yang mempunyai kepakaran dalam bidang masing-masing untuk menilai laporan EIA berkenaan.

Langkah-langkah kawalan tersebut diteliti sama ada wajar dan bersesuaian untuk diamalkan semasa pelaksanaan dan operasi projek serta dapat mengurangkan kesan negatif kepada persekitaran. Perunding yang dilantik akan menyediakan laporan dan mengkaji serta mencadangkan langkah-langkah kawalan yang terbaik untuk dilaksanakan bagi mengurangkan kesan terhadap alam sekitar.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang dan Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung telah membangkitkan mengenai pembangunan mapan dan komitmen Malaysia dalam Perjanjian Paris atau *Paris Agreement*, dengan izin, berhubung pelepasan karbon. Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, di bawah UNFCCC dan *Paris Agreement*, Malaysia mempunyai komitmen untuk menyediakan dan mengemukakan sasaran pengurangan pelepasan gas rumah kaca, *greenhouse gases* yang dikenali sebagai *Nationally Determined Contributions* setiap lima tahun sekali.

Menurut NDC tersebut, Malaysia memberi komitmen untuk mengurangkan intensiti pelepasan GHG berdasarkan Keluaran Dalam Negara Kasar (GDP) sebanyak 45 peratus berbanding intensiti pelepasan pada tahun 2005 menjelang tahun 2030. Daripada keseluruhan sasaran pengurangan ini, 35 peratus akan dilaksanakan tanpa syarat, *unconditional* manakala baki 10 peratus lagi adalah bersyarat atau *conditional* iaitu tertakluk kepada penerimaan peruntukan kewangan, pemindahan teknologi dan pembangunan kapasiti daripada negara maju.

Bagi mencapai sasaran NDC tersebut, Malaysia telah melaksanakan pelbagai tindakan mitigasi pengurangan pelepasan GHG yang merangkumi pelbagai sektor penting seperti sektor tenaga, pengangkutan, sisa pepejal, proses industri dan pertanian. Dalam masa yang sama, negara juga telah mengenal pasti tindakan-tindakan mitigasi pengurangan pelepasan GHG baru yang berpotensi untuk dilaksanakan pada masa hadapan.

Pelaksanaan tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim negara, juga tidak akan dapat dilaksanakan dengan berkesan tanpa kerangka perundangan dan kerangka institusi yang sesuai. Bagi tujuan ini, kementerian ini berhasrat untuk menggubal akta yang khusus bagi perubahan iklim ataupun *National Climate Change Act* untuk negara serta memperkukuhkan kerangka institusi dengan membangunkan *National Climate Change Centre* sebagai entiti utama yang akan memantau, menyelaraskan dan menguatkuasakan pelaksanaan tindakan mitigasi dan adaptasi perubahan iklim selaras dengan komitmen negara di bawah *Paris Agreement* dan UNFCCC.

Dari sudut peruntukan, memandangkan isu perubahan iklim adalah merentas pelbagai sektor, kementerian ini melaksanakan tindakan dan inisiatif yang berkaitan dengan bidang kuasanya melalui peruntukan pembangunan Rancangan Malaysia (RMK) dan pembiayaan luar yang diterima melalui kerjasama pelbagai hala dan dua hala.

Setakat ini sekian sahaja maklum balas saya tentang isu-isu di bawah bidang kuasa MESTECC yang dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dalam perbahasan Titah Diraja, Mesyuarat Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas 2019 dan saya sekali lagi mengucapkan ribuan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan yang menyentuh bidang kuasa MESTECC. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Silakan Yang Berhormat Menteri dari Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

**4.25 ptg.**

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu izinkan saya merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas keprihatinan semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah membahaskan isu-isu di bawah Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sepanjang tempoh Usul Menjunjung Kasih dan perbahasan Titah Diraja dalam sesi sidang Parlimen Dewan Negara pada kali ini.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, seramai 10 Ahli Yang Berhormat Senator telah membahaskan pelbagai isu yang berkaitan dengan Kementerian KATS, kementerian kami.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi ulasan dan pandangan terhadap isu-isu utama yang dibangkitkan pada sesi perbahasan kali ini.

Pertama daripada Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai, ada?... Saya jawab bertulis ya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita ada banyak masa.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Macam mana?

**Tuan Yang di-Pertua:** Kita ada banyak masa. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ini ada kerja di luar yang telah diberi kelonggaran untuk menjawab kepada Ahli Yang Berhormat yang tidak ada dalam Dewan. Kalau Yang Berhormat boleh menjawab semua.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Ya saya akan jawab semua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai pohon kerajaan menerangkan bilakah kerajaan akan menyiapkan baki kerja ukur sempadan maritim sebanyak 31 peratus selepas menyiapkan kerja ukur sepanjang 3,990 kilometer yakni 69 peratus daripada 5,749 kilometer.

Soalan yang kedua, apakah cabaran yang dihadapi Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia dalam usaha mengukur sempadan tersebut memandangkan kemungkinan besar kawasan itu kaya dengan petroleum dan gas asli.

Tuan Yang di-Pertua, baki jarak 31 peratus bagi sempadan maritim yang belum diukur, yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Paul Igai adalah jarak sempadan tuntutan sepihak oleh Malaysia seperti mana ditunjukkan dia atas peta baru Malaysia 1979 yang belum mempunyai triti perjanjian dan memorandum dan ia merupakan tuntutan bertindih di antara Malaysia dengan negara-negara jiran seperti Indonesia, Singapura, Vietnam, Thailand dan Filipina.

Jarak sempadan maritim ini akan dimuktamadkan apabila proses rundingan dengan negara yang terlibat dapat diselesaikan ke atas semua sempadan maritim yang bertindih ini dan seterusnya pemeteraian perjanjian. Sehubungan itu, tempoh masa penyiapan jarak tersebut sukar ditentukan kerana bergantung kepada proses dan hasil rundingan dengan negara jiran-jiran yang terbabit.

Untuk rekod, *Treaty of Paris between USA dan Spain* pada tahun 1989 untuk sekitar perairan Sabah merupakan perjanjian yang paling terawal dan persetujuan yang paling terkini adalah *Exchange of Letters* Malaysia dengan Brunei pada tahun 2009. Dalam hubungan ini, urusan perundingan berkaitan penentuan sempadan maritim antarabangsa Malaysia dengan negara-negara jiran yang belum dimuktamadkan adalah diterajui oleh Kementerian Luar Negeri yang mengetuai pelbagai jawatankuasa yang ditubuhkan bagi urusan pembatasan sempadan maritim dengan negara-negara jiran bertanggungjawab dalam merangka strategi perundingan demi memastikan kedaulatan negara terpelihara.

Manakala Jabatan Ukur dan Pemetaan KATS merupakan salah satu daripada agensi yang menganggotai pelbagai jawatankuasa tersebut dan berperanan memberi khidmat nasihat dan input teknikal serta menjalankan kajian-kajian teknikal sahaja dalam menentukan sempadan maritim dengan negara-negara jiran.

Antara cabaran-cabaran yang dihadapi oleh JUPEM dari aspek teknikal adalah setiap negara jiran mempunyai prosedur dan metodologi yang berbeza serta membuat interpretasi aspek-aspek teknikal dan perundangan yang berbeza ke atas dokumen, konvensyen, panduan dan prosedur yang diterbitkan oleh pihak-pihak berautoriti dan organisasi antarabangsa.

■1630

Sehubungan itu, JUPEM perlu memastikan perkara-perkara yang melibatkan perbezaan pandangan ke atas tuntutan bertindih sempadan maritim tidak menjejaskan strategi pihak Malaysia di dalam proses perundingan.

Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung memohon kerajaan menerangkan bilakah Muzium Alam Semulajadi pertama negara kita akan dibina? Soalan yang kedua adakah kerajaan bersedia memberikan peruntukan kepada agensi seperti Jabatan Muzium Negara untuk mempercepatkan proses pembinaan muzium ini? Soalan yang ketiga, cadangan supaya muzium tersebut dibina di Sabah ataupun di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli masih mengkaji cadangan pembinaan Muzium Alam Semulajadi Negara (NHM). Usaha penubuhan NHM telah dipergiatkan mulai tahun 2016 melalui penubuhan Pusat Biodiversiti Kebangsaan- *Malaysian Biodiversity Center*, di mana *statement of need NHM* telah disediakan. Selain itu, kerjasama strategi antara pusat-pusat koleksi di seluruh negara termasuk di Sabah dan Sarawak telah dilaksanakan untuk meningkatkan pengurusan koleksi saintifik biodiversiti, beberapa aktiviti penandaarasan, dengan izin, *benchmarking* dengan NHM luar negara sedang dilakukan di mana KATS akan bekerjasama dengan beberapa NHM bagi mendapatkan nasihat teknikal dan meningkatkan kapasiti negara untuk menubuhkan NHM.

Pada masa yang sama, struktur organisasi MBC yang dipertanggungjawabkan dalam pembangunan dan pengurusan NHM akan diperkukuhkan. Dengan peruntukan kerajaan yang terhad, KATS telah merangka cadangan untuk membangunkan NHM secara kerjasama awam, swasta bagi merealisasikan penubuhan NHM di Malaysia, KATS akan memberikan tumpuan kepada komponen penyelidikan saintifik dan akan bekerjasama dengan Jabatan Muzium Negara bagi komponen pameran.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, buat masa ini, tiada rancangan dari Kerajaan Pusat dan Kerajaan Persekutuan untuk membina muzium tersebut di Sabah dan Sarawak.

Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah memohon kerajaan menerangkan apakah tindakan kerajaan dalam melindungi flora dan fauna khususnya memberikan maklumat-maklumat ataupun pengajaran kepada anak-anak kita supaya mereka ini lebih menyayangi habitat-habitat yang ada?

Tuan Yang di-Pertua, usaha untuk meningkatkan kesedaran masyarakat termasuk golongan muda dan kanak-kanak untuk menyayangi spesies flora dan fauna serta habitat merupakan salah satu matlamat utama Dasar Kepelbagaian Biologi Kebangsaan 2016-2025. Bagi tujuan ini, pelbagai aktiviti komunikasi, pendidikan dan kesedaran awam telah dilaksanakan dengan kerjasama pelbagai pihak Badan Bukan Kerajaan.

Antara aktiviti yang dilaksanakan termasuklah pembangunan silibus, Kempen Menanam Pokok, Kempen Selamatkan Harimau Malaya dan *citizen science* yang menggalakkan penglibatan masyarakat secara langsung dalam melindungi dan menjaga khazanah biodiversiti negara yang tidak ternilai.

KATS melalui jabatan-jabatan di bawahnya, telah mengambil inisiatif meningkatkan kesedaran mengenai kepentingan pelbagai biodiversiti termasuk konservasi flora, fauna dan habitatnya. Beberapa pendekatan yang telah dijalankan adalah seperti berikut:

- (i) mengadakan kerjasama dengan Kementerian Pendidikan bagi memasukkan silibus biodiversiti di dalam subjek Geografi yang telah mula dipelajari oleh pelajar-pelajar sekolah menengah Tingkatan 3 tahun ini;
- (ii) menjalankan Program Pendidikan Biodiversiti untuk pelajar sekolah rendah dan sekolah menengah yang terpilih. Program ini juga dijalankan sejak tahun 1986 dengan kerjasama Kementerian Pendidikan;
- (iii) mengadakan pameran kesedaran mengenai kepentingan hidupan liar dan habitat di sekolah-sekolah dan universiti-universiti; dan
- (iv) mengadakan Kempen Selamatkan Harimau Malaya yang sedang berlangsung dari tahun 2019 sehingga tahun 2020. Kempen ini telah dilancarkan pada 17 Mac 2019 lepas. Pengisian kepada kempen ini termasuklah memberikan kesedaran kepada orang ramai melalui pameran, publisiti, promosi mengenai usaha oleh pihak kerajaan mengenai kepentingan menyelamatkan hidupan liar dan habitatnya terutama spesies Harimau Malaya.

Isu seterusnya adalah isu banjir yang dikemukakan Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook memohon kerajaan menyatakan status Projek Rancangan Tebatan Banjir Sungai Golok yang mengambil kira masalah dan kebajikan dihadapi oleh penduduk kampung-kampung orang Siam misalnya di Kampung Mentua dan Teresek. Susulan daripada perjumpaan dan perbincangan yang telah diadakan dengan wakil penduduk Kampung Mentua dan Kampung Teresek, Kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah mengemukakan cadangan reka bentuk baharu kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk dipertimbangkan.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri kali yang ke 6/2019 yang telah bersidang pada 13 Mac 2019 telah bersetuju dengan cadangan reka bentuk baru yang telah dikemukakan oleh JPS Kelantan di mana jajaran baru akan mengurangkan pengambilan tanah di Kampung Mentua. Selain daripada itu, Kerajaan Negeri Kelantan juga bersetuju dengan pengambilan tanah yang mengecualikan pengambilan tanah pada satu lot di Wat Uttamaram.

Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin memohon kerajaan menangani isu banjir yang kerap berlaku di Rantau Panjang, Kelantan susulan pembinaan benteng tebatan banjir di tebing Sungai Golok oleh negara Thailand. Tuan Yang di-Pertua, bagi mengurangkan risiko banjir di lembangan Sungai Golok, kementerian melalui Jabatan Pengairan dan Saliran sedang melaksanakan Projek Tebatan Banjir bagi dikenali sebagai Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok. Projek ini akan dilaksanakan dalam masa tiga fasa.

Pembinaan ban di sebelah Malaysia akan dilaksanakan di bawah projek ini bagi mengatasi masalah banjir yang disebabkan oleh limpahan air sungai. Reka bentuk ban telah mengambil kira keadaan di tapak serta keadaan paras banjir di sebelah Malaysia. Bagi fasa pertama, kerajaan telah meluluskan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok Fasa Satu dengan siling kos projek sebanyak RM300 juta. Projek PLSB Sungai Golok fasa ini, telah bermula pada 23 April 2018 dan dijangka siap pada tahun 2022 yang melibatkan Jajahan Tumpat dan Jajahan Pasir Mas. Bagi kawasan Rantau Panjang, pelaksanaan projek dijangka akan dilaksanakan dalam fasa PLSB Sungai Golok yang seterusnya. Ini fasa dua dan fasa tiga.

Tuan Yang di-Pertua, isu terakhir yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator adalah isu air. Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyyah binti Ali memohon kerajaan supaya dapat mengimbangi kenaikan tarif air dengan memperkenalkan harga siling air terawat bagi kumpulan B40 agar kumpulan ini tidak terkesan dengan kenaikan takrif dan menyatakan apakah peranan yang dapat dimainkan oleh kerajaan dan Pengurusan Aset Air Berhad agar beban syarikat

pembekalan air terawat dapat diminimumkan dengan melaksanakan lebih banyak projek NRW agar tahap NRW mencapai bawah 25 peratus menjelang tahun 2020.

Tuan Yang di-Pertua, cadangan Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), untuk melaksanakan Mekanisme Penetapan Tarif Air atau ringkasannya TSM adalah untuk bertujuan untuk mewujudkan Mekanisme Penetapan Tarif Air yang sistematik, telus serta adil bagi manfaat kita semua. TSM merupakan dua ciri penting di mana ciri pertama ialah penyeragaman struktur tarif sedia ada dan ciri kedua ialah penyelarasan tarif sedia ada agar ia tidak terlalu jauh berbanding dengan kos sebenar penyediaan perkhidmatan bekalan air.

#### ■1640

Industri perkhidmatan bekalan air dikawal oleh SPAN. Kerajaan tidak menetapkan apa-apa dasar atau polisi untuk menetapkan harga siling bagi golongan isi rumah berpendapatan rendah B40.

Walau bagaimanapun, kadar tarif air di bawah TSM telah mengambil kira kepentingan golongan berpendapatan rendah terhadap akses kepada bekalan air. Penyelarasan tarif yang dicadangkan adalah minimum iaitu melibatkan kenaikan antara 6 sen hingga 71 sen bagi setiap 1,000 liter penggunaan. Kadar ini secara umumnya jauh lebih rendah jika dibandingkan dengan bayaran utiliti lain seperti elektrik, gas dan komunikasi. Kerajaan akan memastikan kenaikan minimum dilakukan kepada jalur penggunaan antara kosong hingga 20 meter padu di mana mewakili 47.8 peratus penggunaan domestik di Malaysia.

Dalam pada itu, cadangan TSM ini juga mengambil kira keperluan untuk mendidik pengguna agar menggunakan air secara berhemah dan penjagaan alam sekitar. Oleh itu, adalah adil sekiranya kadar tarif yang lebih tinggi dikenakan bagi julat penggunaan air yang lebih tinggi yakni 35 meter padu ke atas dan bagi penggunaan komersial.

Peranan Pengurusan Aset Air Berhad (PAAB) dalam industri bekalan air di Malaysia adalah sebagai agensi pelaksana menyediakan perbelanjaan modal iaitu CAPEX untuk pembangunan projek bekalan air kepada operator yang telah memuktamadkan penstrukturan semula industri perkhidmatan air. Bagi negeri-negeri yang telah memuktamadkan penstrukturan semula industri bekalan air, Program NRW merupakan salah satu *program* CAPEX yang dibiayai oleh PAAB. Sehingga tahun 2018, PAAB telah meluluskan peruntukan sebanyak RM1.1 bilion dalam Program NRW dan penggantian paip bagi lima negeri yang telah berpindah ke rejim ini iaitu Negeri Sembilan, Melaka, Johor, Kelantan dan Perak.

Dalam hubungan itu juga, Kerajaan Persekutuan telah membantu penyediaan dana melalui Program NRW Nasional Pendekatan 1, dan Pendekatan 2, tahun 2019 hingga 2020

berjumlah RM1.906 bilion. Penyediaan dana Kerajaan Persekutuan dan PAAB berhubungan NRW adalah untuk mencapai sasaran NRW Kebangsaan yang telah disasarkan iaitu bagi tahun 2020 ialah 31 peratus dan sasaran bagi tahun 2025 ialah 25 peratus.

Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad memohon kerajaan menyatakan sehingga April 2019, berapakah peruntukan penggantian paip-paip uzur di seluruh jajahan di negeri Kelantan, bagaimanakah PAAB membantu Air Kelantan Sdn Bhd dalam memastikan kadar NRW berada pada sasaran 30 peratus.

Tuan Yang di-Pertua, sehingga April 2019, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM295.16 juta bagi program penukaran penggantian paip-paip uzur dan lama bagi negeri Kelantan yang datangnya dari dua sumber utama. Pertama, PAAB telah meluluskan peruntukan sebanyak RM225.21 juta di bawah perbelanjaan modal. Bagi projek penggantian paip itu, 10 projek di bawah projek minor dengan peruntukan RM215.04 juta dan 14 projek di bawah projek mini melibatkan peruntukan berjumlah RM10.17 juta.

Sementara itu, kerajaan memperuntukkan geran berjumlah RM69.95 juta di bawah Program Pengurusan NRW Kebangsaan yang lain turut melibatkan komponen penukaran paip lama. Bantuan kewangan daripada PAAB terutamanya bagi kerja-kerja penukaran paip lama serta pemasangan paip baharu menyumbangkan secara langsung kepada penurunan kadar NRW di Kelantan serta sasaran kebangsaan iaitu 31 peratus menjelang tahun 2020. Melalui cara ini juga, pendapatan Air Kelantan Sdn. Berhad juga dijangka meningkat memandangkan lebih banyak air dapat diagihkan kepada pengguna serta mengurangkan gangguan bekalan air.

Yang Berhormat Senator Datuk Lim Pay Hen dan Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah pohon kerajaan menerangkan berapakah cadangan tarif air baharu yang akan ditetapkan memandangkan kerajaan tidak pernah meletakkan konsistensi terhadap nilai sebenar yang ingin ditetapkan kepada Singapura dan sejauh manakah kerajaan menilai pembabitan secara menyeluruh Syarikat Air Johor yang bukan di bawah kerajaan negeri dalam rundingan semakan semula harga air yang terbaharu.

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, *Johor-Singapura Water Agreement 1962* telah ditandatangani oleh Kerajaan Negeri Johor dan Singapura pada 29 September 1962. Dalam perjanjian ini, Singapura berhak mengekstrak sehingga 250 juta gelen sehari air mentah dari sungai Johor pada kadar 3 sen untuk setiap 1,000 gelen. Manakala Johor berhak untuk membeli dua peratus air terawat daripada 250 juta gelen daripada Singapura pada kadar 50 sen untuk setiap 1,000 gelen.

Berdasarkan *clause* 14 perjanjian tersebut, kadar harga jualan air adalah tertakluk kepada semakan semula selepas tamat tempoh 25 tahun daripada tarikh perjanjian. Semakan semula harga air perlu mengambil kira faktor *raise or fall in the purchasing power of money or any raise and fall in the cost of labour, power and materials for the purpose of supplying the water*.

Dalam hal ini, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli sedang dalam proses untuk membuat kajian menentukan *justification of price*, dengan izin, harga air mentah yang akan dijual kepada Singapura dengan mengambil kira aspek terutamanya perundangan, ekonomi, teknikal dan impak sosial. Kerajaan sentiasa mengambil kira kepentingan kesemua pemegang taruh dalam penetapan air mentah baharu kepada Singapura melibatkan Kementerian Luar Negeri, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli, Jabatan Peguam Negara, Kerajaan Negeri Johor dan Ranhill SAJ Sdn. Berhad.

Yang Berhormat Senator Datuk John Ambrose pohon kerajaan menerangkan perancangan dan tindakan kerajaan dalam memastikan bekalan air bersih bagi negeri Sabah dan Sarawak tidak ketinggalan jauh dari negeri-negeri di Semenanjung Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, sejajar dengan sasaran yang telah ditetapkan dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesebelas di bawah Tonggak III iaitu menuju ke arah pembangunan wilayah yang seimbang dan Tonggak IV iaitu memperkukuhkan pertumbuhan ekonomi, Kerajaan Persekutuan komited untuk membantu Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak dalam menyediakan bekalan air terawat yang bermutu dan terjamin kepada penduduk negeri Sabah dan Sarawak.

Ingin saya jelaskan juga bahawa tanggungjawab Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli hanya kepada bekalan air bandar, manakala bekalan air luar bandar berada di bawah tanggungjawab Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Sehubungan itu, Kerajaan Persekutuan melalui kementerian ini telah menyediakan peruntukan pinjaman di bawah RMKe-11 bagi pelaksanaan projek bekalan air masing-masing berjumlah RM2.03 bilion kepada Sabah dan RM1.75 bilion kepada negeri Sarawak. Manakala peruntukan tahun 2019 berjumlah RM76 juta diberikan kepada negeri Sabah dan RM81 juta diberikan kepada negeri Sarawak bagi pelaksanaan projek bekalan air bersih.

Sukacita saya ingin memaklumkan Dewan yang mulia ini bahawa hasil pelaburan yang besar yang disediakan oleh Kerajaan Persekutuan telah membantu peningkatan liputan bekalan air secara purata di Sabah dan Sarawak iaitu 89 peratus di Sabah dan 90 peratus di Sarawak pada tahun 2017.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahajalah penjelasan-penjelasan yang dapat saya berikan mengenai isu-isu yang telah dibangkitkan sepanjang tempoh perbahasan Titah Diraja pada Mesyuarat Pertama ini. Saya berharap daripada penjelasan tersebut, ia telah dapat menjawab semua soalan-soalan yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat. Sekali lagi saya mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat Senator yang telah mengemukakan pertanyaan dan membangkitkan isu-isu berkaitan dengan Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli.

■1650

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum Yang Berhormat Timbalan Menteri akhirkannya. Satu soalan pendek ya, tentang isu banjir di Kampung Mentua dan Kampung Tereseck.

Berdasarkan pelan yang telah dipersetujui oleh Exco, adakah pelan tersebut telah mendapat pandangan ataupun persetujuan daripada penduduk setempat? Maksud saya, di kedua-dua tempat di Kampung Mentua dan Kampung Tereseck. Terima kasih.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat Senator. Setakat maklumat yang saya terima di sini, memang telah dipersetujuilah. Jadi, reka bentuk baharu pun telah dibuat. Maknanya kita kena tunggu reka bentuk baharu. Itu sahaja, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selesai?

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya rasa setakat itu sahaja daripada kementerian kami. Terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada semua Ahli Dewan kerana memberi kerjasama. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tengku Zulpuri Shah.

Dipersilakan Kementerian Kerja Raya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

4.51 ptg.

**Timbalan Menteri Kerja Raya [Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan Ahli-ahli Dewan yang mulia, terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang menyentuh isu-isu di bawah bidang kuasa Kementerian Kerja Raya. Segala cadangan, pandangan dan teguran mengenai isu-isu yang dibangkitkan itu amat dihargai dan akan diberikan perhatian oleh kementerian kami.

Saya juga ingin mengucapkan terima kasih di atas ucapan penghargaan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat akan usaha Kementerian Kerja Raya di lapangan. Ini semua adalah hasil maklum balas yang diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat semua, namun banyak lagi usaha yang perlu kita laksanakan bagi memberikan khidmat terbaik kepada rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya menjawab mengikut isi-isi utama yang telah dibangkitkan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator yang merangkumi:

- (i) kontraktor bumiputera;
- (ii) Lebuhraya *Pan Borneo*;
- (iii) isu-isu lebuhraya bertol;
- (iv) isu penyelenggaraan Jalan Persekutuan; dan
- (v) isu-isu lain berkaitan kementerian.

Tuan Yang di-Pertua, kontraktor bumiputera. Izinkan saya memulakan penggulungan dengan menyentuh isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Razali bin Idris dan Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim, berkaitan kontraktor bumiputera.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, pendaftaran kontraktor dengan CIDB terdiri daripada tujuh gred pendaftaran iaitu, Gred 1 hingga Gred 7, G1 hingga G7, di mana G1 gred yang paling rendah dengan had nilai kerja yang boleh disertai adalah sehingga RM200,000 sahaja. Syarat-syarat yang ditetapkan untuk berdaftar sebagai G1 adalah paling minimum dengan modal kewangan sebanyak RM5,000 sahaja bagi Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (PPK). Manakala modal sebanyak RM10,000 diperlukan jika berdaftar dengan gred G1 bumiputera. Sijil tersebut iaitu Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) adalah khusus untuk menyertai perolehan kerja kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, dasar penetapan had nilai menender dari gred G1 hingga G7 telah ditetapkan di dalam Peraturan-peraturan Pendaftaran Kontraktor 1995, Akta 520. Manakala, bagi perolehan kerajaan, had nilai menender setiap gred pendaftaran ditetapkan menerusi Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 6/2012 (PK1). Penetapan had nilai kerja bagi G1 ataupun G1 bumiputera sehingga RM200,000 bagi setiap satu projek adalah bertujuan untuk memberi peluang kepada kontraktor-kontraktor kecil mengasah bakat dalam melaksanakan projek-projek kerajaan. Projek-projek kecil ini berisiko rendah dan sesuai sebagai platform permulaan kepada seseorang yang ingin berkecimpung dalam bidang pembinaan dan menjadi kontraktor. Dalam tempoh pendaftaran masih berkuat kuasa, kontraktor boleh menyertai seberapa banyak projek yang diiklankan oleh pihak *client* dan tidak terhad kepada satu projek sahaja.

Pihak kontraktor Tuan Yang di-Pertua, tidak dihalang untuk mempertingkatkan gred pendaftaran mereka untuk naik ke gred yang lebih tinggi sebagai contoh naik ke gred G2 di mana had kelayakan menender adalah sehingga RM500,000. Bagi tujuan melaksanakan urusan pendaftaran dengan CIDB, ia adalah mudah dan cepat. Justeru itu, pihak CIDB berpandangan tiada keperluan kenaikan had nilai menender Gred G1 kepada RM500,000 kerana hasratnya telah diambil kira di dalam peraturan sedia ada.

Untuk menjawab isu mengenai latihan dan seminar kepada kontraktor bumiputera seperti yang diajukan oleh Yang Berhormat Senator Ir. Md. Nasir bin Hashim, CIDB telah secara agresifnya menyediakan kumpulan kontraktor ini dengan pelbagai jenis latihan yang diperlukan. Mulai dari tahun 2016 hingga tahun 2018, seramai 42,702 orang kontraktor bumiputera telah diberikan latihan di bawah Program Pembangunan Kontraktor Secara Berterusan.

Seramai 587 orang kontraktor bumiputera diberikan latihan dalam pengurusan *facility*, manakala seramai 8,033 orang kontraktor bumiputera dilatih dalam pengurusan dan pemasangan Sistem IBS. Latihan-latihan ini Tuan Yang di-Pertua, disediakan bagi memajukan pembinaan kapasiti dan keupayaan kontraktor bumiputera....

**Datuk Razali bin Idris:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat Datuk Razali, Yang Berhormat Timbalan Menteri belum habis topik.

**Datuk Razali bin Idris:** Sudah pindah dah. Dah pindah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Dah pindah Yang Berhormat Timbalan Menteri?

**Datuk Razali bin Idris:** Daripada G1. Saya hendak minta pencerahan G1.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Ya.

**Datuk Razali bin Idris:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya difahamkan G1 sama dengan Kelas F. G1 hanya boleh menender di daerah yang didaftar sahaja. G1 ataupun Kelas F berjumlah beratus, 300 lebih kalau tidak silap saya setiap daerah di mana kontrak projek hanya tidak sampai 100 untuk satu tahun.

#### ■1700

Justeru itu, cadangan daripada mereka pemain G1. Apakah G1 boleh keluar daripada daerah yang didaftar kalau sekiranya tidak dinaikkan daripada RM200 ribu kepada RM500 ribu? Minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi kami menyebut pandangan pihak yang bertanggungjawab dalam urusan ini. CIDB menggalakkan

supaya kontraktor G1 ini di naik taraf kepada G2 supaya dia sampai kepada jumlah RM500,000 itu dan nantinya tempatnya di G1 itu boleh diganti oleh yang lain. Sekarang ini kita sedang menimbang supaya misalnya kontraktor-kontraktor baru daripada kalangan mahasiswa yang tidak mempunyai pekerjaan dapat ruang mencuba nasib dalam bidang kontraktor ini.

Oleh sebab itu saya rasa isu yang kedua, yang Yang Berhormat tanyakan tadi, apakah boleh kita buat polisi baru bahawa mereka boleh berpindah, mencuba memohon tender di luar kawasan daripada yang didaftarkan? Saya belum boleh memberikan jawapan yang tepat di sini kerana ini harus saya rujuk dulu kepada pihak agensi kami di kementerian. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** CIDB. Yang Berhormat Menteri sekejap. Saya hendak tanya Yang Berhormat Senator Datuk Razali bangkitkan bahawa G1 ini diberi kelonggaran supaya keluar dari daerah, betul?

**Datuk Razali bin Idris:** Betul, betul.

**Tuan Yang di-Pertua:** Kalau semua daerah pun ada 100 kerja dan ada 300 lebih G1, keluar pun macam mana hendak dapat?

**Datuk Razali bin Idris:** Sebab itu, saya di peringkat pertama cadangkan supaya satu projek G1 daripada RM200,000 dinaikkan kepada RM500,000 sebab untungnya terlampau kecil sekarang Yang Berhormat. Ini permintaan daripada pemain. Maksud saya macam itulah. Kalau sekiranya tidak boleh, so boleh tidak dia keluar daripada daerah, so dia banyak tempatlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sudah, saya ingat Menteri sudah jawab sudah. Terima kasih Yang Berhormat. Sila sambung.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya beralih kepada Lebuhraya *Pan Borneo*. Saya beralih ke tajuk ini, ia di sentuh oleh Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung dan Yang Berhormat Senator Datuk Donald Peter Mojuntin. Masing-masing telah menyentuh tentang projek *Pan Borneo* dan bilakah ia akan disiapkan?

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat Senator, Kerajaan Persekutuan komited untuk meneruskan pelaksanaan projek Lebuhraya *Pan Borneo* (LPB) di negeri Sabah kerana projek ini merupakan tunjang kepada infrastruktur jalan darat yang penting di Sabah selain daripada menyediakan jalan perhubungan darat yang lebih selesa dan selamat, ia juga bakal menjadi pemangkin kepada perkembangan ekonomi dan mewujudkan peluang pekerjaan kepada rakyat Malaysia yang tinggal di Sabah.

Sehingga kini sebanyak 12 pakej kerja telah dibuat pelantikan kontraktor dan memulakan kerja pembinaan di tapak dengan kemajuan 13.43 peratus. Namun, satu kontraktor pakej kerja iaitu bagi pakej kerja WP15 melibatkan laluan daripada Tawau ke Semporna telah ditamatkan kontrak disebabkan prestasi kontraktor yang tidak memuaskan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, seperti mana kenyataan yang telah dikeluarkan oleh Kementerian Kerja Raya bertarikh 22 April 2019, kerajaan telah bersetuju untuk menamatkan projek *delivery partner agreement*, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua bagi projek LPB di negeri Sabah. Pelaksanaan projek tetap diteruskan menggunakan kaedah konvensional dengan Kementerian Kerja Raya sebagai pemilik projek. Manakala Jabatan Kerja Raya Sabah akan dilantik sebagai pegawai penguasa yang berperanan untuk memantau pelaksanaan projek secara keseluruhan. Bagi kontraktor-kontraktor pakej kerja yang telah dilantik, kontrak-kontrak tersebut akan diinovasi terus kepada kerajaan. Sehubungan itu, kerajaan kini sedang meneliti hala tuju projek LPB di negeri Sarawak dan sebarang keputusan akan dimaklumkan kelak.

Yang Berhormat Senator juga mengutarakan rasa prihatin mereka terhadap aspek keselamatan di sepanjang kawasan pembinaan *Pan Borneo*. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, mekanisme penyelenggaraan berkala dan pelan pengurusan trafik, *traffic management plan*, dengan izin bagi projek Lebuhraya *Pan Borneo* negeri Sarawak adalah merupakan sebahagian daripada skop pembinaan yang dilaksanakan oleh kontraktor pakej kerja, *work package contractor* dengan izin, yang diselia oleh rakan pelaksana projek, *project delivery partner*, dengan izin. Hasil daripada makluman pengguna jalan raya dan semakan berkala yang dijalankan, kerja-kerja penyelenggaraan telah dilaksanakan pada kawasan-kawasan yang dikenal pasti oleh pihak WPC dan PDP.

Selain itu, kerajaan turut meluluskan peruntukan tambahan sebanyak RM3.43 juta bagi tahun 2019 untuk melaksanakan skop kerja-kerja penyelenggaraan berkala di luar dari kontrak WPC bagi memastikan isu keselamatan pengguna tidak di kompromi. Peruntukan tambahan tersebut hanya akan dilaksanakan berdasarkan syor PDP yang telah disemak oleh JKR Sarawak selaku wakil pengarah projek dan jurutera perunding bebas.

Sukacita dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua, bahawa pengguna jalan raya bagi Lebuhraya *Pan Borneo*- Sarawak akan mula menggunakan dua lorong sebelah yang telah di naik taraf secara berperingkat mulai bulan Julai 2019. Perkembangan ini bakal mengurangkan ketidakselesaian pengguna jalan raya dalam tempoh pembinaan Lebuhraya *Pan Borneo* tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih pula ke isu-isu lebuh raya bertol. Yang Berhormat Senator Datuk Haji Yahaya bin Mat Ghani @ Abbas telah membangkitkan tentang isu tol. Untuk

makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya telah melantik juru perunding audit bebas bertauliah pada 28 Januari 2019 bagi membantu kerajaan menganalisis data dan cadangan berkenaan. Ini termasuklah mengemukakan cadangan mengurangkan beban tol secara jangka pendek, jangka sederhana dan jangka panjang. Hasil kajian penuh akan dibentangkan untuk pertimbangan dan persetujuan Jemaah Menteri pada bulan Jun nanti.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin beralih kepada isu penetapan had laju. Yang Berhormat Senator Datuk Ng Chiang Chin menyentuh tentang isu had laju kenderaan di lebuhraya. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, pada masa ini kementerian ini tidak mempunyai perancangan untuk menambah had laju kenderaan di lebuhraya Malaysia.

#### ■1710

Seperti Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum, kriteria penetapan had laju kenderaan di jalan raya dan lebuhraya di Malaysia bertujuan untuk memastikan keselamatan pengguna jalan raya dan lebuhraya. Oleh itu, penentuan had laju sesuatu jalan itu telah diwartakan dengan mengambil kira reka bentuk, kapasiti jalan, pembangunan sepanjang jalan dan tahap risiko kemalangan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, had laju kebangsaan bagi Jalan Persekutuan adalah 90 kilometer per jam. Manakala bagi lebuhraya adalah 110 kilometer sejam. Bagi Lebuhraya Gua Musang yang dimaksudkan merupakan Jalan Persekutuan FT008, maka had laju di lebuhraya tersebut adalah 90 kilometer sejam. Sehubungan itu, berdasarkan statistik kemalangan jalan raya yang masih tinggi di negara kita ini, kerajaan belum berhasrat untuk menaikkan had laju kebangsaan yang telah diwartakan iaitu 90 kilometer sejam di Jalan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, mohon saya beralih kepada isu kesesakan Plaza Tol Gombak. Berkenaan isu kesesakan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, bagi mengurangkan isu kesesakan yang berlaku di Plaza Tol Gombak, pihak konsesi lebuhraya telah melaksanakan tindakan penyelesaian jangka pendek berikut di tapak:

- (i) memastikan semua lorong plaza tol dibuka secara maksimum iaitu 12 lorong, selain turut menyediakan lorong tambahan manual mengikut keperluan operasi;
- (ii) menambahkan kakitangan operasi tol bagi membantu pengguna yang mempunyai masalah di lorong tol selain menyediakan *portable reader*, dengan izin, bagi membantu mempercepatkan transaksi pengguna;

- (iii) menutup operasi tambah nilai di lorong bagi mengurangkan masa menunggu di plaza tol khususnya semasa kesesakan;
- (iv) mewujudkan *Travel Time Advisory* (TTA), dengan izin, bagi memberi panduan dan nasihat kepada pengguna lebuhraya merancang perjalanan bagi mengelakkan trafik dijangka pada waktu puncak;
- (v) menggunakan khidmat RELA untuk menyuraikan trafik semasa kesesakan terutamanya di plaza tol;
- (vi) penggunaan papan paparan maklumat boleh ubah VMS secara konsisten untuk memberitahu pengguna mengenai keadaan semasa di lebuhraya supaya pengguna dapat merancang perjalanan mereka dan juga untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai tambah nilai *Touch n' Go* sebelum memasuki lebuhraya; dan
- (vii) pembukaan lorong RFID di Plaza Tol Gombak dan Bentong untuk melancarkan transaksi trafik di plaza tol dan meminimumkan kesesakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kementerian ini prihatin dan mengambil maklum isu yang dibangkitkan. Justeru, bagi memastikan keselesaan pengguna lebuhraya dari pantai timur, kementerian dalam perancangan untuk menyediakan kajian pengangkutan dan lalu lintas yang turut melibatkan kajian keperluan jalan alternatif Lebuhraya Gombak ke Bentong. Permohonan untuk melaksanakan kajian ini telah dikemukakan kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi untuk pelaksanaan di bawah *Rolling Plan* Keempat (RP4) 2020.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon beralih pula kepada topik Lebuhraya Pantai Timur...

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Mohon mencelah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Ya.

**Tuan Aknan a/l Ehtook:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri menyebut tentang salah satu langkah untuk mengurangkan kesesakan ialah menggunakan lorong RFID. Akan tetapi kita dapati bahawa sekarang ini walaupun ada lorong RFID di sesetengah plaza tol, tetapi dikongsi dengan lorong SmartTAG. Jadi, mengapakah terjadi sedemikian kerana selama ini kata SmartTAG tidak membantu tetapi RFID mungkin dapat membantu. Akan tetapi kalau kita sekaligus, masalah itu tetap kekal. Apakah perancangan kementerian untuk menyelesaikan masalah ini kerana sekiranya tidak, RFID yang kita letakkan itu tidak mencapai matlamatnya. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Apa yang sedang berlaku sekarang ini adalah keadaan jangka pendek. RFID itu baru di peringkat pengenalan kepada pihak kerajaan dan sekarang kita buka kepada pengguna yang lain. Jadi dalam masa yang terdekat, keadaan ini akan berubah. Jadi, *sharing* itu tidak akan lama di situ. Saya percaya kita akan adakan pembahagian RFID dan juga yang lain-lainnya itu. Saya percaya apa yang berlaku sekarang ini adalah keadaan sementara. Perkara ini telah kita bincangkan baru-baru ini dalam *Post Cabinet* kami. Mohon saya menyambungnyanya Tuan Yang di-Pertua...

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan, silakan.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Yang Berhormat Senator Datin Rahimah binti Haji Mahamad turut membangkitkan tentang Projek Lebuhraya Pantai Timur Fasa3. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, cadangan pembinaan LPT3 masih di dalam peringkat kajian trafik dan akan diangkat ke agensi pusat untuk pertimbangan dan kelulusan.

Tuan Yang di-Pertua, saya beralih kepada penyelenggaraan jalan. Saya beralih ke tajuk seterusnya ini tentang penyelenggaraan Jalan Persekutuan khususnya di negeri Sabah. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, pada tahun 2019, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM10.8 juta untuk kerja penurapan jalan yang telah dilaksanakan atas arahan Kerja Berkala Pavement. Manakala Kerja Berkala Bukan Pavement, kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM3.5 juta bagi menyelenggarakan perabot jalan di Jalan Persekutuan Negeri Sabah.

Tuan Yang di-Pertua, akhirnya saya pergi kepada isu-isu lain yang berkaitan dengan kementerian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang turut menyampaikan keprihatinan beliau terhadap aspek keselamatan di jalan raya. Kementerian ini sentiasa melaksanakan pemantauan, menganalisis serta mengenal pasti lokasi-lokasi yang kerap berlaku kemalangan, apa yang disebutkan *blackspot* supaya tindakan penambahbaikan rawatan di lokasi terbabit dapat dibuat mengikut keutamaan dan peruntukan yang diluluskan oleh agensi pusat. Bagi maksud tersebut, sepanjang tempoh Rancangan Malaysia Kesebelas, pihak kerajaan telah menyediakan peruntukan di bawah program menaik taraf infrastruktur keselamatan jalan raya untuk merawat lokasi-lokasi *blackspot* di Jalan Persekutuan di seluruh negara.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM5 juta untuk 15 lokasi di negeri Sabah di bawah program rawatan *blackspot* tersebut. Status terkini adalah sebanyak 10 lokasi yang akan dilaksanakan pada tahun ini.

Seterusnya untuk isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing...

■1720

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Ya?

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Saya ingin mencelah sedikit.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Silakan.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Terima kasih di atas jawapan tadi dari Yang Berhormat Menteri. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Saya ingin meminta penjelasan sedikit tentang aspek apa yang dinamakan rawatan. Sebab, di Sabah memang jalan raya luas tetapi kebanyakan kemalangan-kemalangan yang berlaku khasnya kemalangan maut ini adalah berlaku di mana kebanyakan yang jalannya jalan lurus dan hanya satu lorong.

Walaupun Lebuhraya *Pan Borneo* di dalam proses untuk menaik tarafkan kawasan ini, tetapi apakah yang harus dibuat oleh kementerian untuk membolehkan- selalunya ada lorong untuk memotong, sekurang-kurangnya. Inilah yang selalu terjadi kemalangan sebab apabila lori-lori besar khasnya yang mengangkut minyak kelapa sawit ataupun buah kelapa sawit itu melalui jalan-jalan ini. Jadi apabila tidak ada lorong memotong khasnya lori besar ini, ini yang berlaku kemalangan. Ini perkara yang pertama.

Mengulangi kepada soalan saya, sebenarnya saya ada bertanya tentang penyelenggaraan tadi. Saya ingin bertanya, apakah status kontrak-kontrak yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat sebelum ini oleh kerajaan terdahulu? Adakah kontrak ini masih lagi dijalankan untuk menyelenggarakan jalan-jalan persekutuan ini? Sebab, saya dapati beberapa syarikat telah diberikan konsesi jangka masa panjang di jalan-jalan Sabah. Jadi, apakah kontrak yang diberikan kepada syarikat-syarikat ini masih berkuat kuasa? Itu sahaja. Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Apa yang disebut, yang diperhatikan oleh Yang Berhormat Senator tadi, kita ambil maklum. Ini kerana sekiranya kita boleh fikirkan bagaimana hendak mengurangkan pada jalan yang lurus, selain daripada faktor kemanusiaan. Itulah dia pemandu-pemandu kita. Sepatutnya mereka masuk pertandingan *racing* yang betul. Apabila jalan lurus sahaja, mereka akan pecut semahunya. Akan

tetapi, apa yang dicadangkan oleh Yang Berhormat Senator itu diambil maklum oleh kami. Pegawai-pegawai akan mengambil maklum hal itu.

Berkaitan dengan mereka yang mendapat kontrak sebelum ini, dahulu pada tahun lalu, ada surat daripada Kementerian Kewangan. Saya rasa terpakai kepada semua. Apabila yang sudah disampaikan itu mereka tidak menandatangani surat setuju terima ataupun perjalanan pelaksanaannya di bawah 15 peratus, kalau tidak salah saya, kebanyakan mereka itu diberhentikanlah. Akan tetapi, kalau sekiranya mereka telah melaksanakan dengan baik, maka saya percaya mereka berterusan. Dia tengok kategori kepada pelaksanaan. Ada sesetengah itu dapat banyak agaknya dia buat setengah di sana, yang lain dia tinggal. Semua ini kita ambil kira.

Walau bagaimanapun, jawapan yang lebih tuntas, kalau tidak tepat sepenuhnya dengan apa yang saya sampaikan ini, dalam konteks Sabah akan dibuat oleh para pegawai kementerian.

**Tuan Adrian Banie Lasimbang:** Saya ingin bertanya tadi, ini bukan berkenaan dengan pakej *Pan Borneo* tetapi kontrak penyelenggaraan yang sudah diberikan. Salah satu syarikat ini adalah Lintasan Resources. Mereka telah diberikan kontrak untuk jangka masa yang panjang. Jadi, apakah mereka ini masih diguna pakai ataupun diwujudkan satu proses tender terbuka untuk membolehkan kontrak-kontrak ini dirujuk semula? Terima kasih.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Tuan Yang di-Pertua, kalau yang ditanyakan itu dalam konteks khusus yang berkaitan dengan syarikat yang disebutkan itu, konsesi penggunaan Jalan Persekutuan Sabah itu yang dilaksanakan oleh Lintasan Resources Sdn Bhd bermula pada 1 September 2018 sehingga 31 Ogos 2026. Itu maklumat yang ada pada saya.

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon untuk menyambung.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Haji Mohd. Anuar Mohd. Tahir:** Seterusnya untuk isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dr. Nuing Jeluing berkaitan jalan-jalan di Kapit dan Baram. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, melalui semakan kementerian ini dengan pihak JKR Sarawak, pembangunan infrastruktur jalan raya dari Bandar Kapit ke Jambatan Baleh adalah di bawah pembangunan *Sarawak Corridor of Renewable Energy (SCORE)* iaitu di bawah bidang kuasa kerajaan negeri.

Manakala bagi kawasan Baram pula, Kerajaan Persekutuan telah mencadangkan untuk melaksanakan jalan perhubungan *Sarawak-Sabah Link Road (SSLR)* yang melalui Ulu Baram. Jajaran jalan utama yang dicadangkan sepanjang 240 kilometer itu bermula dari Long Lama dan berakhir di Lawas. Jajaran tersebut bakal menyediakan akses jalan raya secara berperingkat bagi menghubungkan penduduk di kawasan Ulu Baram, Miri, Limbang dan Lawas.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator juga, status terkini bagi projek *Sarawak-Sabah Link Road* ini, Kerajaan Persekutuan telah meluluskan peruntukan sebanyak RM5 juta bagi pelaksanaan kerja awalan untuk Pakej 1 (Lawas–Long Lopeng–Pa’ Berunut) sepanjang 80 kilometer.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Dato’ Zahari bin Sarip telah membangkitkan isu yang tertumpu di kawasan Segamat. Pertamanya, untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, berkenaan cadangan menaik taraf jalan persekutuan dari Segamat ke Ayer Hitam, semakan bancian dan isi padu trafik lalu lintas terkini mendapati bahawa tahap perkhidmatan jalan yang di *Level of Service* (LOS) berada pada tahap LOS(C). Ini bermaksud bahawa tahap kesesakan pada waktu puncak masih boleh diterima. Di samping itu juga, cadangan untuk menaik taraf jalan ini tidak disenaraikan sebagai keutamaan oleh pihak kerajaan negeri Johor.

Kedua, Ahli Yang Berhormat Senator menanyakan tentang status naik taraf Jalan Segamat-Gambang. Sebagaimana Ahli Yang Berhormat Senator sedia maklum, projek naik taraf laluan Persekutuan FT12 bermula dari persimpangan Gambang sehingga ke persimpangan Bandar Segamat, Johor sepanjang 143 kilometer. Projek ini telah diluluskan Fasa 1 oleh agensi pusat dalam *Rolling Plan* Ketiga, RMKe-10. Fasa 1 kini dalam peringkat pembinaan yang melibatkan jajaran sejauh 47 kilometer dari persimpangan Gambang ke Persimpangan Chini dengan kos keseluruhan sebanyak RM444.254 juta. Status kemajuan projek ini sehingga 22 April yang lalu adalah sebanyak RM89.04 peratus status sebenar. Ini berbanding dengan 93.7 peratus dalam jadual.

Sementara itu, permohonan bagi Fasa 2 melibatkan jajaran dari persimpangan Chini ke persimpangan Bandar Segamat dengan jarak 100 kilometer tidak diluluskan oleh agensi pusat dalam *Rolling Plan* Pertama. Tidak diluluskan oleh agensi pusat dalam *Rolling Plan* Pertama, RMKe-11.

Isu ketiga yang dibangkitkan Ahli Yang Berhormat Senator adalah mengenai status naik taraf Jalan Segamat-Tangkak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, projek menaik taraf Jalan Segamat–Tangkak terbahagi kepada tujuh pakej iaitu Pakej 1A, Pakej 1B, Pakej 2, Pakej 3, Pakej 4, Pakej 5 dan Pakej 6. Dua pakej telah pun siap iaitu Pakej 1B dan Pakej 2, manakala Pakej 3 masih dalam fasa pembinaan.

## ■1730

Pelaksanaan jajaran seterusnya iaitu Pakej 1A, 4, 5, dan 6 adalah secara berperingkat mengikut keutamaan bergantung kepada kelulusan agensi pusat serta keadaan kewangan semasa.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung telah menyentuh tentang isu perbezaan berat dengan muatan (BDM) antara semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, Kementerian Kerja Raya melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) telah melaksanakan kajian *bridge capacity*, dengan izin, di Jalan Persekutuan di Sabah pada tahun 2011. Hasil kajian ini telah digunakan sebagai asas kepada persetujuan Kementerian Kerja Raya terhadap cadangan untuk had berat kenderaan perdagangan di Sabah. Walau bagaimanapun, sebelum kenaikan had berat ini dilaksanakan terdapat 62 jambatan di Sabah yang perlu diganti terlebih dahulu sebelum ia dapat diselaraskan dengan semenanjung.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Senator, sebahagian pelaksanaan penggantian jambatan telah dilaksanakan dalam RMKe-11. Manakala sebahagian lagi jambatan telah termasuk dalam skop Lebuhraya *Pan Borneo*. Justeru, Kementerian Kerja Raya (KKR) sedang berusaha melaksanakan penggantian jambatan terlebih dahulu sebelum kenaikan had berat dilaksanakan yang tertakluk kepada kelulusan peruntukan. Tuan Yang di-Pertua.

*Ada pohon daun berduri;  
Pasangnya mudah digulung jerami;  
Saya mohon mengundur diri;  
Selesai sudah penggulangan kami.*

*Perahu payang bermuat cawan;  
Dayung terikat di tepi taman;  
Rasa sayang hendak tinggalkan Dewan;  
Ahli-ahli Yang Berhormat sangat budiman.*

Dengan itu, sekian sahaja ucapan penggulangan saya yang menyentuh Kementerian Kerja Raya. Segala teguran dan cadangan akan diambil perhatian yang sewajarnya oleh pihak kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Syabas dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Dipersilakan Yang Berhormat Menteri Kementerian Luar Negeri. Yang Berhormat ada pantun?

**5.53 ptg.**

**Timbalan Menteri Luar Negeri [Dato' Haji Marzuki bin Yahya]:** Saya tidak pandai pantun [*Ketawa*]

*Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih di atas penglibatan tiga Ahli Yang Berhormat Dewan Negara iaitu Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh dan Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Titah Diraja tahun 2019 yang menyentuh isu-isu di bawah seliaan bidang kuasa Kementerian Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, pertamanya bagi menjawab isu yang dibangkit oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin yang meminta penjelasan kementerian berkenaan, apakah polisi kementerian berkenaan laporan tidak benar atau buruk yang dibuat oleh badan bukan kerajaan di peringkat antarabangsa mengenai isu hak asasi manusia? Apakah proses yang diambil bagi meratifikasikan mana-mana konvensyen antarabangsa oleh Kerajaan Malaysia?

Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Dewan yang mulia ini sekiranya terdapat sebarang laporan tidak benar atau buruk mengenai Malaysia yang diutarakan di peringkat antarabangsa sama ada oleh negara atau pertubuhan bukan kerajaan adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Luar Negeri untuk mempertahankan imej negara dengan mengeluarkan kenyataan balas bagi membidas atau membetulkan fakta dan hujah yang dilemparkan oleh pihak berkenaan.

Walau bagaimanapun, merujuk kepada isu yang dibahaskan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin yang menyentuh berkenaan dengan kenyataan Encik Numan Afifi terhadap program *Mukhayyam* anjuran JAKIM sebagai salah satu program 'State-sponsored Violence' di Majlis Hak Asasi Manusia, Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu semasa sesi *adoption* untuk penilaian berkala sejagat, dengan izin, *Universal Periodic Review*.

Ingin saya jelaskan di Dewan yang mulia ini, bahawa mekanisme UPR diwujudkan bagi suatu proses penilaian dan dialog sesama negara di mana setiap negara yang dinilai menjadikan ia wadah untuk mengetengahkan dan memaklumkan kepada negara anggota PBB dan masyarakat antarabangsa tentang usaha-usaha yang dilakukan untuk memartabatkan hak asasi manusia di negara tersebut. Oleh yang demikian, penilaian situasi hak asasi manusia di Malaysia melalui mekanisme UPR di bawah kerangka Majlis Hak Asasi Manusia merupakan satu obligasi yang perlu dilaksanakan oleh setiap negara anggota PBB.

Semasa sesi UPR tersebut, pihak-pihak NGO juga turut mengeluarkan kenyataan termasuklah kenyataan yang diberikan oleh Encik Numan Afifi. Setiap negara yang terlibat dalam proses UPR ini haruslah menerima segala komen dan kritikan dari pelbagai pihak bagi menambah baik situasi hak asasi manusia di dalam negara Malaysia sepertimana negara-negara lain tidak mempunyai bidang kuasa dan perundangan *extraterritorial jurisdiction* ke atas individu-individu yang memberikan kenyataan di luar negara.

Bagi menjawab isu kedua yang diutarakan oleh Yang Berhormat Senator Puan Asmak binti Husin, mengenai isu meratifikasikan konvensyen antarabangsa. Kerajaan tidak akan terburu-buru dalam meratifikasikan konvensyen-konvensyen berkenaan. Malah, akan memastikan perbincangan berterusan secara berkala diadakan dengan semua pemegang taruh termasuk masyarakat madani. Langkah ini penting bagi memastikan peruntukan-peruntukan di dalam konvensyen antarabangsa tersebut adalah serasi dan tidak bercanggah dengan perundangan domestik sedia ada.

Seterusnya, saya beralih untuk menjawab isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Puan Hajah Sabani binti Mat iaitu bertanyakan, apakah penarikan Malaysia daripada Statut Rom boleh diguna pakai? Tuan Yang di-Pertua, sepertimana yang diketahui umum, Malaysia telah menyertai Statut Rom pada 4 Mac 2019. Dari sudut perundangan Jemaah Menteri berpendirian bahawa penyertaan Malaysia ke Mahkamah Jenayah Antarabangsa adalah keputusan yang tepat bagi Malaysia kerana ia mengukuhkan iltizam dalam menegakkan keadilan di persada antarabangsa serta memberi manfaat kepada negara. Walau bagaimanapun, kerajaan telah membuat keputusan pada 5 April 2019 supaya Malaysia menarik diri dari penyertaan ke Statut Rom ekoran kekeliruan yang telah timbul dari segi politik yang mampu menggugat keharmonian di kalangan segelintir rakyat Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian, dalam hal ini tidak timbul lagi persoalan sama ada penarikan diri Malaysia dari Statut Rom boleh diguna pakai ataupun tidak. Ini kerana keputusan telah pun dibuat supaya Malaysia menarik diri dari penyertaannya ke Statut Rom. Sebagai negara yang bebas dan berdaulat, Malaysia mempunyai hak untuk menyertai mana-mana triti atau perjanjian antarabangsa termasuk Statut Rom dan negara juga mempunyai hak untuk menarik diri daripada Statut Rom tersebut.

■1740

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya bagi cadangan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Tuan Nga Hock Cheh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Yang Berhormat Menteri, minta penjelasan sedikit.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** *Please.*

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Mengenai isu kekeliruan yang timbul akibat ratifikasi Statut Rom. Saya mohon penjelasan Yang Berhormat Menteri kerana saya melihat bahawa ketika mana perkara tersebut dipersetujui oleh kerajaan dahulu, ia juga masih lagi bersifat kita panggil *Cabinet driven*, dengan izin. Maksudnya Kabinet buat keputusan, kemudian guna langsung kepada rakyat.

Akan tetapi saya melihat, dengan mungkin boleh dipertimbangkan oleh Kerajaan Pakatan Harapan bahawa ratifikasi ini juga kemungkinan akan dapat membantu menghilangkan kekeliruan sekiranya ia tidak semata-mata *Cabinet driven*. Maksud saya itu, mungkin ia boleh bincang di Kabinet tetapi mungkin dikembalikan dahulu untuk dibahaskan di peringkat Parlimen, Dewan Rakyat mahupun Dewan Negara agar perkara tersebut juga melambangkan kepada mereka yang dipilih, dilantik mewakili wilayah-wilayah negeri terutama macam di Dewan Negara ini.

Saya rasa di situ sekurang-kurangnya dapat mengurangkan salah faham. Malah saya rasa kalau tidak keterlaluan saya katakan, sangat demokratik sifatnya kalau boleh dipertimbangkan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat. Yang Berhormat, kementerian telah membuat keputusan untuk menarik diri. Sekarang ini, Yang Berhormat tanya soalan kenapa tidak di bentang di Parlimen?

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Ya, itu sebab saya tahu kekeliruan itu timbul pada pandangan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Ini kerana terdahulu pendekatannya lebih *Cabinet driven*.

**Tuan Yang di-Pertua:** Okey.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sebab saya tahu di *Philippines*, mula-mula Presidennya bersetuju juga lebih awal daripada kita. Akan tetapi kemudian apabila patut kembali ke kongres, dia gagal. Sebab saya sendiri yang ke *The Hague* dahulu.

**Tuan Yang di-Pertua:** Saya rasa Yang Berhormat Menteri faham.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Jadi mohon penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Ya, terima kasih. Bagi saya, ini adalah satu cadangan yang telah diberikan Yang Berhormat Senator Yusmadi kerana seperti mana yang kita maklum bahawa kita telah menarik balik keputusan kita dan kemungkinan besar di masa hadapan, kalau perkara ini masih lagi dibangkitkan ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada cadangan?

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Mungkin ada cadangan daripada Parlimen sendiri dan mungkin kita boleh bawa. Sebab ini adalah satu perkara yang menyentuh tentang soal perundangan yang mana membabitkan ramai terutama daripada kalangan rakyat dan juga Ahli Parlimen serta Ahli Dewan Negara, yang melihat bahawa ini tidak mendapat penjelasan yang sejelas-jelasnya. Jadi, saya menerima baik cadangan daripada Yang Berhormat Senator supaya perkara ini dapat kita bawa daripada bawah ke peringkat Kabinet ya.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua ...

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** Tuan Yang di-Pertua, boleh saya mohon mencelah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Berkenaan juga tentang Statut Rom ini, saya sekadar mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sebab tadi Yang Berhormat Menteri ada mengatakan bahawa kemungkinan akan- mungkin akan dibawa semula ke Parlimen dan sebagainya. Sekiranya, Statut Rom ini ditandatangani, apakah ratifikasi undang-undang secara domestik dalaman yang perlu kita sesuaikan dengan Statut Rom tersebut?

Kedua, setelah kerajaan membuat keputusan untuk tidak meneruskan Statut Rom ini, apakah langkah-langkah seterusnya? Adakah kerajaan perlu menulis surat ataupun berapa lama tempoh dan sebagainya untuk dimaklumkan kepada Dewan Negara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, sekarang cadangan telah- kerajaan telah menarik cadangan untuk menyertai Statut Rom. Bila ada cadangan baharu oleh kerajaan, Yang Berhormat boleh tanyalah.

**Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Yang di-Pertua:** *[Ketawa]* Terpulang kepada Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Ya, saya rasa saya tidak perlulah hendak menjelaskan lebih panjang tentang soal Statut Rom ini kerana keputusan telah dibuat. Cuma tadi saya hendak menjawab soalan yang kedua berkenaan dengan surat penarikan itu. Jadi, memanglah sudah pasti bila mana kita telah membuat keputusan dan kita telah menulis surat kepada PBB memaklumkan bahawa ini keputusan kerajaan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Kita juga menunggu jawab balas daripada PBB tentang keputusan yang kita buat. Jadi, tentang soal ini tidak ada menyentuh mana-mana masalah dari segi perundangan. Ini kerana dari segi domestik, kita telah ada perundangan kita sendiri dan kalau *Rome Statute* ini kalau sekiranya perkara yang tidak dapat diselesaikan di dalam negara, barulah untuk dibawa kepada *Rome Statute* ini. Jadi, sekarang ini kita sudah tidak guna itu. Jadi, saya harap isu *Rome Statute* ini kita selesaikan dan saya akan menjawab dalam Parlimen yakni dalam Dewan Negara akan datang, akan surat kita terima daripada PBB tentang pengesahan penarikan kita. Itu pun kalau *depa* jawablah.

So Tuan Yang di-Pertua, bagi saya teruskan jawapan saya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jawapan akhir.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Ya, jawapan ini berkenaan dengan agar kerajaan Malaysia dapat membuka pejabat kedutaan di Palestin dan Israel. Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Malaysia ini sejak dahulu lagilah sentiasa konsisten dengan dasar luarnya terhadap isu penindasan Israel ke atas rakyat Palestin secara berterusan. Jadi, Malaysia komited untuk memberi sokongan kepada Palestin untuk menubuhkan sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Kerajaan senantiasanya memberi sokongan padu kepada Palestin dan rakyatnya, baik dari segi politik, ekonomi, moral dan termasuklah juga bantuan-bantuan untuk pembangunan infrastruktur asas dan pembangunan kapasiti sama ada secara langsung mahupun melalui pertubuhan antarabangsa dan badan bukan kerajaan.

Ingin ditekankan bahawa pendirian negara dalam memperjuangkan nasib rakyat Palestin adalah konsisten dan status hubungan Malaysia dengan Israel masih tidak berubah iaitu tiadanya hubungan diplomatik. Malaysia tidak akan berkompromi selagi penindasan ke atas rakyat Palestin masih berterusan dan tiada keikhlasan di pihak Israel untuk mencari penyelesaian sesama berhubung konflik Israel dengan Palestin. Oleh itu, kerajaan sama sekali tidak akan mempertimbangkan untuk membuka Kedutaan Besar Malaysia di Israel selagi konflik Palestin dengan Israel tidak diselesaikan.

**Tuan Mohd Yusmadi bin Mohd Yusoff:** Sedikit Tuan Yang di-Pertua ya. Mengenai isu kedutaan- cadangan pembukaan Kedutaan Malaysia di Palestin. Setahu saya, perkara tersebut juga ada mendapat cadangan daripada wakil rakyat daripada Port Dickson yang kebetulan agak aktif dengan pimpinan-pimpinan di sana. Setakat hari ini, apakah keputusan kerajaan mengenai cadangan tersebut? Perlu ataupun mungkin dalam masa terdekat mungkin macam mana? Minta jawapan.

**Dato' Haji Marzuki bin Yahya:** Okey, untuk pengetahuan Yang Berhormat Senator, buat masa ini, kita sedang mengkaji dan belum ada keperluan untuk kita hendak mengadakan membuka kedutaan kita di sana. Ini kerana kita melihat banyak aspek terutamanya dari segi *entering point* di mana kita pun pernah berkali-kali membuat satu program iaitu menghantar barang makanan ke Palestin tetapi juga disekat. Ini menjadi satu kekangan buat kita terutama dari segi *entering point* dan juga dari segi tentang rakyat Malaysia yang berada di Palestin. Memang kita tidak ada rakyat kita yang dilaporkan berada di Palestin. Jadi, ini tidak memperuntukkan kita untuk diadakan kedutaan kita di sana buat masa ini. Akan tetapi *insya-Allah*, kalau dari semasa ke semasa kita melihat perkembangan di Palestin dan kemungkinan pada waktu itu kita boleh membuat keputusan untuk kita adakan kedutaan kita di sana ya. Terima kasih.

Jadi, akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, saya hendak menjawab isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Haji Mohd Suhaimi bin Abdullah yang memohon Kementerian untuk menghuraikan konsep *people's centric* yang terkandung di dalam kerangka Dasar Luar Malaysia baharu untuk membolehkan masyarakat awam memahami konsep ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Luar Negeri mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Senator kerana prihatin dan mengambil cakna dengan kandungan kerangka Dasar Luar Malaysia baharu di mana tema *people's centric* telah diulang rujuk sebanyak tiga kali di dalam kerangka tersebut. Secara umumnya, sifat *people's centric* yang diterapkan di dalam kerangka tersebut merujuk kepada iltizam tinggi Kerajaan Malaysia baharu untuk mengutamakan suara rakyat dengan menyediakan wadah, peluang serta ruang kepada penglibatan rakyat untuk memberi input dan cadangan di dalam pembentukan dasar luar yang bertunjangkan rakyat secara lebih telus, terbuka dan terangkum.

#### ■1750

Iltizam tersebut dapat dicapai melalui pelbagai bentuk penyatuan, dengan izin, *engagement* yang bersesuaian dengan pelbagai pihak bagi merakyatkan lagi Dasar Luar Negeri. Sebagai contoh, penubuhan Majlis Perundingan mengenai Dasar Luar Negeri ataupun kita sebut CCFP pada 10 Oktober 2018 perlu dilihat sebagai satu usaha ke arah memenuhi iltizam tersebut. CCFP merupakan satu wadah yang membenarkan wakil-wakil daripada pelbagai pihak berkepentingan termasuk masyarakat madani untuk menyumbang buah fikiran serta menyampaikan maklum balas ke atas pelbagai isu yang terangkum di bawah Dasar Luar Negeri.

Tuan Yang di-Pertua, selain penyantunan melalui CCFP, Kementerian Luar Negeri juga telah melibatkan ahli-ahli akademik dan pengamal dasar luar seperti ahli-ahli Persatuan Bekas-

bekas Duta Malaysia, dengan izin, AFMA di dalam pelbagai wacana intelektual seperti penganjuran perbincangan meja bulat bagi menyuburkan lagi diskusi dan pencambahan idea serta minda ke atas isu-isu tersebut. Sehingga kini, Kementerian Luar Negeri telah menganjurkan lebih daripada 20 sesi perbincangan meja bulat dan lain-lain bentuk perbincangan dengan pelbagai kumpulan seperti belia, pelajar, ahli-ahli akademik tempatan dan luar negara dan sebagainya.

Yang Berhormat Menteri Luar Negeri serta Pegawai Kanan Kementerian juga kerap muncul di pelbagai saluran media cetak, elektronik serta sosial bagi menerangkan kepada umum tentang inti pati kerangka dan seharusnya dilihat sebagai usaha kementerian untuk merakyatkan Dasar Luar Negeri.

Selain itu, kerangka ini turut mencadangkan penubuhan Jawatankuasa Pemilihan Parlimen tentang dasar luar iaitu *Select Committee on Foreign Policy* ataupun *caucus* Parlimen mengenai Dasar Luar Negeri. Pembentukan jawatankuasa ini membolehkan diskusi mengenai dasar luar dapat dirancarkan lagi di kalangan wakil-wakil rakyat di Parlimen. Kesemua usaha di atas perlu dilihat dan di tafsirkan sebagai iltizam kerajaan yang benar-benar serius untuk membentuk dasar luar negeri melalui pendekatan yang bersifat *people centric* bagi memastikan hala tuju Dasar Luar Malaysia yang berpaksikan kepentingan rakyat dan berkisarkan kepada kehendak rakyat sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, demikian sahaja penjelasan saya mengenai isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat-Yang Berhormat di bawah bidang kuasa Kementerian Luar Negeri semasa perbahasan Titah Diraja tahun 2019. Bagi pihak kerajaan, kami di Kementerian Luar Negeri mengucapkan terima kasih dan akan mengambil perhatian terhadap segala saranan daripada Ahli Senator Dewan Negara dalam memantapkan lagi tugas yang dipertanggungjawabkan kepada kami. Akhir sekali, kepada semua rakan-rakan Muslimin dan Muslimat, saya ingin mengucapkan selamat menyambut Ramadhan dan selamat menyambut berpuasa. Mudah-mudahan keberkatan pada kita ini dapat rahmat daripada Allah SWT. Sekian. *Wabillahitaufik wasallamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Timbalan Menteri dipersilakan Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri.

**5.54 ptg.**

**Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri [Dr. Ong Kian Ming]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak ucapkan terima kasih kepada tiga ahli-ahli Yang

Berhormat yang telah menyentuh isu di bawah Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri ataupun MITI. Antara isu-isu yang telah dibangkitkan berkaitan dengan kementerian ini adalah mengenai nombor satu, *business matching* semasa aktiviti promosi eksport di luar negara.

Nombor dua, *approve* permit ataupun AP.

Nombor tiga, dasar kerajaan dalam sektor automotif negara. Sebelum saya bermula, Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya bolehkah saya tanya sama ada Senator Puan Asmak binti Husin ada dalam Dewan ini atau tidak. Untuk *check* sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, kita ada masa. So, Yang Berhormat boleh jawab semua soalan.

**Dr. Ong Kian Ming:** Bukan. Saya hendak tengok sama ada Senator supaya saya boleh nampak muka.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tidak ada.

**Dr. Ong Kian Ming:** Okey, nombor dua Senator Dato' Sri Ti Lian Ker?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia pun tidak ada.

**Dr. Ong Kian Ming:** Tidak ada. Okey. Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Dia pun tidak ada.

**Dr. Ong Kian Ming:** Okey, tidak apa. Saya akan jawab. Akan tetapi saya hendak tahu lah sama ada Senator ada dalam Dewan ini atau tidak. Untuk menjawab soalan ataupun isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Puan Asmak binti Husin tentang *business matching*. Saya hendak memberitahu Dewan yang mulia ini keperluan mengadakan padanan peniaga ataupun *business matching* ini adalah di antara IKS Malaysia dengan syarikat luar negara semasa penglibatan IKS Malaysia dalam aktiviti promosi eksport di luar negara dan juga cadangan agar kementerian melakukan kajian keperluan kursus lanjutan ini adalah dua isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dari segi eksport promosi, agensi yang memainkan peranan yang penting adalah MATRADE yang terletak di bawah tanggungjawab MITI dan MATRADE memberi khidmat nasihat kepada para pengeksport mengenai perkara-perkara berkenaan dengan eksport dan MATRADE juga melaksanakan pelbagai program-program sebagai inisiatif untuk membantu syarikat-syarikat Malaysia ke pasaran global. Sejak penubuhan MATRADE pada tahun 1993, MATRADE telah menganjurkan pelbagai program yang terdiri daripada aktiviti promosi eksport dan membangun pengeksport yang dikelolakan oleh MATRADE untuk membantu usahawan IKS menerokai pasaran eksport seperti misi *acceleration export* ataupun *Export Acceleration Missions*; Pameran Perdagangan Antarabangsa- *International*

*Trade Expo*; Misi Perdagangan dan Pelaburan- *Trade & Investment Malaysia*; dan Program Penyumbangan Antarabangsa- *International Sourcing Programme*. Bagi setiap program di atas, MATRADE mengaturkan mesyuarat padanan perniagaan ataupun *business matching* dari segi *B-to-B* ataupun *business-to-business*.

Di antara usahawan IKS dan pembeli luar negara yang telah dikenal pasti oleh pihak MATRADE. Selain daripada itu, dengan menyertai program promosi eksport, usahawan IKS berpeluang untuk memperoleh pengetahuan berkenaan dengan peraturan berdaya dan juga sosioekonomi negara yang dikunjungi. MATRADE juga melaksanakan Program Pembangunan Pengeksport seperti penganjuran bengkel dan seminar berkaitan pasaran eksport dan persediaan produk ataupun perkhidmatan ke pasaran eksport. Program eTRADE yang memberi geran kepada mana-mana usahawan di Malaysia untuk membuat *listing* di *e-Commerce* platform yang telah dikenal pasti dan juga mendapatkan sambutan yang baik di pasaran antarabangsa.

Nombor tiga, Geran Pembangunan Pasaran (MDG) bagi membantu PKS menjalankan aktiviti promosi eksport ini memang sesuatu yang selalu diminta ataupun dimohon oleh pihak IKS.

Nombor empat, Dana Eksport Perkhidmatan- *Services Export Fund*, yang menyediakan kemudahan geran kepada penyedia-penyedia perkhidmatan untuk tujuan eksport.

Nombor lima, Program Pembangunan Pengeksport untuk usahawan PKS Bumiputera wanita dan juga belia.

Selain itu, MATRADE juga melaksanakan proses pra penilaian iaitu *Export Readiness Assessment* bagi mengukur tahap kesediaan syarikat. Penilaian ini merangkumi pelbagai aspek ketika kesediaan syarikat untuk menghadapi pasaran eksport, penggunaan teknologi, kedudukan kewangan, kapasiti pengeluaran produk dan komitmen pengurusan terhadap aktiviti eksport bagi memastikan syarikat pengeksport sentiasa dapat memenuhi permintaan daripada pembeli secara berterusan. MATRADE juga menyediakan kursus bagi syarikat pengeksport Malaysia yang mana modul ini dibahagikan kepada tiga peringkat iaitu asas, pertengahan dan juga *advance*.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, MATRADE pada tahun ini telah merancang untuk mengadakan 40 program di bawah modul ini untuk memberi kursus kepada syarikat pengeksport. Penganjuran kursus ini dapat dijalankan di seluruh negara termasuk juga Sabah dan Sarawak.

#### ■1800

Kursus ini merangkumi pelbagai aspek di dalam eko sistem eksport, termasuk amalan perniagaan di negara sasaran, pensijilan ataupun *certification* dan syarat-syarat mengeksport, penjenamaan produk ataupun *branding* dan pengeksportan menerusi e-dagang dan pelbagai lagi. MATRADE juga mengambil inisiatif untuk bekerjasama dengan rakan strategik yang

menyediakan perkhidmatan sokongan mengeksport sama ada dari pihak kerajaan seperti SIRIM, JAKIM, MOA dan pihak swasta, termasuk penyedia perkhidmatan logistik dan juga institusi kewangan komersial.

MATRADE sentiasa menasihatkan usahawan IKS untuk memainkan peranan yang lebih proaktif untuk memastikan syarikat mereka memenuhi keperluan pasaran luar negara seperti pensijilan antarabangsa, kapasiti pengeluaran, kesesuaian produk, penyediaan kontrak dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, saya terus kepada isu yang kedua iaitu isu AP. Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker telah mohon...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Timbalan Menteri. Tukar giliran. Sebentar.

*[Timbalan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**Timbalan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, teruskan.

**Dr. Ong Kian Ming:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya terus kepada isu yang kedua iaitu pertanyaan Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker tentang pemberian lesen permit import kepada 36 buah syarikat bumiputera di bawah polisi AP. Pada 23 September 2015, kerajaan telah bersetuju untuk meneruskan dasar AP ini dengan beberapa penambahbaikan, terutamanya untuk memberi peluang kepada usahawan bumiputera baru yang menceburkan diri dalam industri automotif ini.

Dasar ini sepatutnya bermula pada 1 Januari 2017 tetapi telah ditangguhkan sehingga akhir 2018. Pada 1 Januari 2019, dasar baru AP terbuka telah dilaksanakan, di mana 36 syarikat baru juga telah dilantik. Pada masa yang sama, kementerian akan sentiasa memantau dan juga menjalankan audit ke atas syarikat-syarikat bagi memastikan penglibatan dan pembangunan usahawan bumiputera yang tulen, termasuk di dalam aktiviti pengimportan, pengedaran dan juga penjualan kenderaan.

Di bawah dasar terbaru, kementerian tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan tegas ke atas mana-mana syarikat yang didapati melakukan pelanggaran terhadap syarat-syarat yang ditetapkan, termasuklah jika didapati terlibat dalam penyalahgunaan kemudahan AP yang diberi iaitu menjual AP kepada pihak ketiga. Tindakan yang boleh diambil adalah menggantung pemberian AP ataupun menyenaraihitamkan syarikat, termasuk pemegang saham dan juga pengurusan tinggi.

Pada masa yang sama, kementerian tidak berhasrat untuk menghapuskan sistem AP buat masa sekarang kerana ia mampu digunakan untuk memantau kemasukan kereta import terpakai supaya tidak berlaku lambakan yang memberi kesan negatif ke atas industri automotif tempatan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, secara purata jumlah pengimportan tahunan kereta import terpakai mewakili kurang daripada 6 peratus daripada pengeluaran industri tempatan. Jadi, isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Dato' Sri Ti Lian Ker bahawa polisi AP ini akan menjejaskan industri automotif tempatan adalah tidak tepat.

Okey, saya terus kepada isu yang ketiga iaitu isu yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh untuk memohon MITI untuk memberi penjelasan terhadap kebimbangan rakyat berhubung dasar kerajaan dalam sektor automotif yang tidak seimbang dan memberi lebih banyak keuntungan buat syarikat pengeluar kenderaan luar negara untuk menguasai pasaran berbanding dengan syarikat pengeluaran kenderaan tempatan.

Tuan Yang di-Pertua, industri automotif merupakan sebuah sektor yang strategik dan penting dalam sektor pengilangan. Pada masa ini, industri automotif menyumbangkan sebanyak 4 peratus daripada keluaran dalam negara kasar (KDNK) dengan tenaga pekerja lebih daripada 600 ribu orang. Di Malaysia, terdapat 27 syarikat pengeluar dan pemasang kenderaan penumpang, kenderaan perdagangan dan juga motosikal.

Di samping itu, Malaysia juga mempunyai kira-kira 641 pengeluar komponen automotif yang menghasilkan pelbagai produk, termasuk bahagian enjin kenderaan, komponen elektrik dan elektronik serta komponen getah. Dasar kerajaan dalam sektor automotif adalah satu dasar yang menyeluruh yang memberi tumpuan kepada pembangunan keseluruhan industri automotif sepanjang rantaian nilai ataupun *the whole supply chain*, termasuk pembangunan vendor dan juga pembekal.

Kerajaan sentiasa memberikan keutamaan kepada syarikat pengeluaran kenderaan tempatan seperti Proton dan Perodua, di samping memberi pelbagai bantuan dan sokongan kepada syarikat pengeluar kenderaan luar negara, terutamanya untuk memberi galakan kepada mereka untuk *localize assembly* dan juga aktiviti *R&D* mereka.

Sebahagian besar pencapaian dan pembangunan ekosistem industri automotif tempatan adalah hasil sumbangan daripada syarikat pengeluar kenderaan tempatan iaitu Proton dan Perodua. Menyedari perkara ini, kerajaan melalui Dasar Automotif Nasional terus komited untuk memberi sokongan kepada Proton dan juga Perodua sebagai projek nasional sedia ada. Di samping itu, kerajaan turut mengutamakan dan mengambil kira pandangan dan maklum balas Proton dan Perodua dalam menggubal dasar-dasar yang melibatkan sektor automotif.

Dalam statistik jualan kenderaan penumpang pada tahun 2018, kedua-dua syarikat kenderaan tempatan, Proton dan Perodua masih lagi mempunyai *market share* ataupun kawalan pasaran tempatan yang saya rasa cukup tinggi dengan pegangan pasaran tempatan sebanyak 54.8 peratus. Namun begitu, Proton masih dalam proses pemulihan perniagaannya dan kerajaan komited untuk memberi sokongan ke arah transformasi syarikat tersebut. Perkongsian strategik yang ditandatangani bersama Geely dijangka dapat memulihkan perniagaan syarikat Proton untuk menjadikan sebuah syarikat yang menguasai bahagian pegangan yang lebih besar dalam pasaran tempatan serta mampu berupaya menembusi pasaran eksport luar.

Untuk makluman Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini satu MOU telah ditandatangani oleh Perdana Menteri bersama dengan syarikat Proton untuk menembusi pasaran di Pakistan yang merupakan satu pasaran yang saya rasa agak tidak dimasuki oleh syarikat Malaysia. Ini memang merupakan satu perkembangan yang baik yang memang akan membantu syarikat Proton dari segi jangka masa panjang. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan sedang dalam proses kajian semula Dasar Automotif Nasional (NAP) dengan menerapkan elemen-elemen selaras dengan kemajuan teknologi mobiliti dan juga Industri 4.0 untuk memastikan industri automotif tempatan selari dengan perkembangan semasa global.

Kajian semula ini akan membincangkan perkara-perkara berkaitan pembangunan industri automotif tempatan seperti projek kereta nasional baru, pembangunan syarikat-syarikat tempatan, aktiviti penyelidikan dan pembangunan ataupun R&D, peningkatan eksport dan lain-lain.

Kajian semula NAP diharap dapat menambah baik mekanisme dan juga strategi dalam menjadikan industri automotif, terutamanya syarikat-syarikat automotif tempatan kekal berdaya saing. Sekian saja jawapan saya terhadap isu-isu yang dibangkitkan. Saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan tersebut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Dr. Ong Kian Ming, telah menjelaskan perkara itu dengan panjang lebar dan difahami. Sekarang saya jemput pula iaitu yang akhir, daripada Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Sila, terima kasih.

**6.09 ptg.**

**Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya [Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik]:** Okey, ingat saya ada jawatan baru. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, terlebih dahulu saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin, Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop, Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen, Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali, Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtok, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang, Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung dan Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh yang telah pun menyentuh perkara-perkara di bawah tanggungjawab Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya sepanjang perbahasan Usul Menjunjung Kasih Titah Seri Paduka Yang di-Pertuan Agong di Dewan ini pada Mesyuarat Pertama, Penggal Kedua, Parlimen Keempat Belas ini.

■1810

Tuan Yang di-Pertua, perundangan bagi pengawal seliaan taman tema dan Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai. Yang Berhormat Senator Dato' Hajah Fahariyah binti Hj Md Nordin telah meminta kementerian menyatakan bagaimana operasi taman tema dapat dijadikan satu perundangan berkanun agar operasi taman-taman tema di Malaysia lebih selamat dan tidak dieksploitasi pengguna manakala Yang Berhormat Senator Tuan Ismail bin Yusop telah meminta kementerian memberi pencerahan mengenai perkembangan usaha dan langkah-langkah bagi merealisasikan Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai.

Kedua-dua soalan tersebut telah ditujukan kepada kementerian ini untuk dijawab. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kedua-dua perkara ini adalah bukan di bawah bidang kuasa MOTAC, bidang kuasa kementerian ini. Perkara berkaitan operasi taman tema adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan kerajaan negeri dan lebih sesuai dijawab oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) manakala cadangan bagi merealisasikan Pulau Pangkor sebagai Pulau Bebas Cukai, lebih sesuai dijawab oleh Kementerian Kewangan (MOF) memandangkan perkara berkenaan adalah di bawah bidang kuasa kementerian tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, peningkatan kos pelancong luar dengan adanya levi pelepasan. Seterusnya Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen telah pun membangkitkan isu mengenai kos untuk pelancong luar yang akan meningkat dengan wujudnya levi pelepasan ataupun *departure levy* dan ditambah dengan cukai pelancongan sedia ada.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, pelaksanaan levi pelepasan ini juga adalah di bawah bidang kuasa MOF. Walau bagaimanapun, MOTAC mengambil maklum kerisauan Yang Berhormat Senator dan juga pemain industri pelancongan berkenaan kos pelancongan yang akan meningkat dan memberi kesan kepada kedatangan pelancong asing ke Malaysia dengan

pelaksanaan levi ini. MOTAC sedia bekerjasama dengan MOF dalam memberikan maklum balas dan input untuk dipertimbangkan bagi kebaikan sektor pelancongan negara.

Tuan Yang di-Pertua, kewujudan aktiviti komersial di Tapak Warisan Dunia UNESCO. Yang Berhormat Senator Dato' Ong Chong Swen turut membangkitkan mengenai kewujudan aktiviti komersial yang banyak di UNESCO *Heritage Site* khususnya di Melaka dan Pulau Pinang yang akan mengakibatkan kepupusan budaya tempatan. Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian ini sentiasa memberi perhatian kepada usaha untuk memelihara Tapak Warisan Dunia di Malaysia termasuklah di Melaka dan Georgetown.

Setiap tapak yang telah diberi pengiktirafan perlu mematuhi Pelan Pengurusan Pemuliharaan atau *Conservation Management Plan (CMP)*, dengan izin, dan Rancangan Kawasan Khas atau *Special Area Plan* yang secara langsung dapat mengekalkan nilai keunggulan sejagat ataupun *Outstanding Universal Value (OUV)* agar integriti dan identiti Tapak Warisan Dunia terpelihara.

Justeru, kerjasama semua pihak seperti pihak berkuasa negeri, pihak berkuasa tempatan dan pemilik tapak agar terlebih dahulu perlu mengemukakan sebarang bentuk pembangunan baru atau aktiviti yang hendak dilaksanakan ke mesyuarat jawatankuasa peringkat negeri atau Mesyuarat Penyelaras Pembangunan di Tapak Warisan Kebangsaan dan Tapak Warisan Dunia di peringkat Jabatan Warisan Negara untuk ulasan, nasihat serta kelulusan bagi kebenaran merancang.

Sehubungan itu, kementerian ini percaya bahawa aktiviti yang dilaksanakan secara terkawal serta mematuhi dokumen CMP dan SAP akan dapat memastikan status sebagai Tapak Warisan Dunia terus kekal. Secara tidak langsung, warisan kebudayaan tempatan akan terus hidup dan tidak pupus dalam arus pembangunan.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya langkah strategik bagi memakmurkan Kalendar Pelancongan Melaka 2019. Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali telah pun meminta kementerian untuk menyatakan apakah langkah strategik bagi memakmurkan Kalendar Pelancongan Melaka 2019. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian melalui *Tourism Malaysia* sentiasa memperkenalkan dan mempromosikan produk-produk pelancongan Melaka melalui kerjasama dengan ahli-ahli industri, pelancongan dan negeri-negeri lain.

Kementerian sedia maklum bahawa 2019 adalah Tahun Melawat Melaka dan acara-acara pelancongan negeri yang dianjurkan diberi publisiti melalui Kalendar Acara Pelancongan Negara yang disediakan melalui laman web rasmi *Tourism Malaysia* dan risalah *Calendar of Events*,

dengan izin, yang diedarkan secara digital di serata dunia dan di pameran-pameran pelancongan antarabangsa dan domestik.

Di antara acara-acara pelancongan negeri Melaka bersempena *Visit Melaka Year 2019* yang dikemas kini di Kalendar Acara Pelancongan Negara secara digital adalah, ada banyak. Salah satunya ialah Sambutan Tahun Baru Cina baru-baru ini iaitu pada bulan Februari 2019, sambutan Melaka Bandaraya Bersejarah pada bulan April 2019, *Fiesta San Pedro* pada bulan Jun 2019, sambutan Melaka Bandaraya Warisan Dunia UNESCO pada bulan Julai 2019.

Banyak lagi termasuklah yang baru iaitu Festival Selat Melaka yang pertama kali akan dianjurkan ataupun dibawa oleh Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara yang melibatkan tiga negeri termasuklah Johor, Melaka dan Negeri Sembilan pada 18 Oktober hingga 20 Oktober 2019 di Dataran Kota A Famosa.

Acara-acara pelancongan ini akan turut diuar-uarkan dalam program-program komunikasi dan promosi *Tourism Malaysia*. Inisiatif-inisiatif lain yang turut dilaksanakan untuk mempromosikan Kalendar Pelancongan Melaka adalah seperti berikut;

Pertama, bekerjasama dengan Kerajaan Negeri Melaka dan Bahagian Promosi Pelancongan Negeri Melaka bagi mengadakan program *networking session* dengan penggiat industri pelancongan di Melaka dan juga program *Southern Region Showcase* di Kuala Lumpur untuk membolehkan ejen-ejen pelancongan di Lembah Klang mengenal pasti acara-acara dalam Kalendar Pelancongan Melaka bagi membangunkan pakej pelancongan yang bersesuaian ke Melaka.

Kedua, mempromosikan Kalendar Pelancongan Melaka melalui penyertaan di pameran-pameran galakan pelancongan dan misi galakan yang dianjurkan oleh *Tourism Malaysia* mahupun pihak swasta contohnya seperti *MATTA Travel Mart* untuk peringkat domestik dan *International Tourism Borse* iaitu *ITB Berlin*, *World Travel Mart* di *London* dan *ASEAN Tourism Forum* di peringkat antarabangsa.

Ketiga, melalui pelaksanaan program lawatan suai kenal ataupun *Mega Fam* dengan mempelawa wakil-wakil media dan para pengusaha pelancongan tempatan dan antarabangsa untuk menyertai acara dan program pelancongan di Melaka supaya ianya dapat dipromosikan dengan lebih lagi di dalam dan di luar negara.

Keempat, *Tourism Malaysia* juga telah membangunkan *e-brochures* yang turut mempunyai informasi mengenai produk-produk pelancongan di Melaka yang boleh diakses di mana-mana di seluruh dunia secara digital. Sehingga kini, terdapat sebanyak 55 judul risalah dengan pilihan 21 bahasa yang telah dimuat naik di laman web dan aplikasi tersebut. Kalendar

Pelancongan Melaka juga boleh dimuat naik ke dalam aplikasi berkenaan dan diakses oleh pengguna.

Kelima, menyebarkan maklumat mengenai Kalendar Pelancongan Melaka kepada pelancong melalui Pejabat *Tourism Malaysia* Wilayah dan 19 buah Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) di seluruh negara serta melalui laman web *Tourism Malaysia* dan media sosial seperti *Facebook*, *Twitter* dan *Instagram*.

Tuan Yang di-Pertua, intervensi Kerajaan Persekutuan bagi pertumbuhan sektor pelancongan di Melaka. Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali juga telah meminta kementerian untuk menyatakan langkah intervensi Kerajaan Persekutuan bagi meningkatkan momentum pertumbuhan sektor pelancongan di Melaka.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian ini melalui *Tourism Malaysia* sentiasa berusaha untuk menjadikan Malaysia khususnya serta negeri Melaka khususnya sebagai negara destinasi pelancongan yang terkemuka di dunia. Negeri Melaka menawarkan banyak produk pelancongan menarik dan terkenal sebagai destinasi sejarah, makanan, pelancongan eko atau *ecotourism*, kesihatan dan budaya.

#### **•1820**

Pada masa ini, Melaka merupakan destinasi utama bagi pelancong-pelancong tempatan terutamanya pada musim cuti sekolah dan cuti-cuti am yang lainnya. Sementara itu, negeri Melaka juga merupakan destinasi pilihan bagi pelancong-pelancong jarak dekat dan sederhana seperti Singapura, Indonesia, China, Taiwan dan Vietnam.

Peningkatan ketibaan pelancong asing dan tempatan pada setiap tahun tentunya meningkatkan lagi hasil pendapatan negeri yang mana turut mengembangkan sektor ekonomi berasaskan pelancongan. Situasi ini dapat dilihat dengan wujudnya beberapa pelancongan baru seperti *Melaka River Cruise*, *See Melaka by Air*, dan *Encore Melaka* yang dapat menggalakkan kedatangan pelancong ke negeri Melaka.

Bagi mengekalkan kedudukan Melaka sebagai sebuah destinasi popular di negara ini, *Tourism Malaysia* akan terus mempromosikan Melaka dalam setiap promosi pelancongan yang dianjurkan. Ini termasuklah penyertaan dalam misi galakan, pameran dan seminar pelancongan antarabangsa, program Mega FAM destinasi pilihan bagi persidangan dan mesyuarat serta mempromosikan Melaka sebagai destinasi transit bagi pelancong-pelancong umrah dan ziarah dari pasaran Indonesia sama ada sebelum atau selepas mengerjakan umrah dan ziarah di Arab Saudi.

*Tourism Malaysia* akan terus aktif memasarkan Malaysia dan Melaka khususnya sempena *Visit Malaysia 2020* dengan bekerjasama lebih rapat dengan ejen-ejen pelancongan di luar negara untuk memasukkan Melaka ke dalam pakej-pakej lawatan melalui kerjasama *smart partnership*.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan dana bantuan dan perbelanjaan pembangunan pelancongan tahun 2019 untuk negeri Melaka. Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali juga meminta kementerian untuk menyatakan bagaimanakah kerajaan memperuntukkan dana bantuan dan perbelanjaan pembangunan tahun 2019 agar infrastruktur pelancongan di Melaka di selenggara dengan baik dan aktiviti kebudayaan dan kesenian diperkukuhkan untuk manfaat ekonomi setempat.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian telah memperuntukkan sebanyak RM10.01 juta di bawah RMKe-11 bagi membiayai dua projek masing-masing untuk sektor pelancongan dan kebudayaan di negeri Melaka yang melibatkan Projek Menanti Kampung Morten bagi *Culture and Heritage Guided Walk* sebanyak RM10,000 dan Projek Pemuliharaan dan Ubah Suai Bangunan Lama (HSBC) sebagai Galeri Warisan Kota Melaka sebanyak RM10 juta yang merangkumi komponen menaik taraf bangunan sedia ada untuk pengisian galeri serta pejabat.

Kesemua projek pembangunan berkaitan produk pelancongan dan kebudayaan negeri Melaka yang disiapkan kementerian semasa tempoh RMKe-10 dan RMKe-11 ini telah diserahkan kepada agensi-agensi di bawah Kerajaan Negeri Melaka dan pihak berkuasa tempatan untuk dioperasi dan di selenggara menggunakan peruntukan masing-masing memandangkan tiada dana bantuan disediakan kerana setiap projek hanya menerima peruntukan pembangunan secara *One-Off* bagi kerja-kerja pembinaan atau naik taraf sahaja.

Kementerian dalam hal ini turut bekerjasama dengan Unit Perancangan Ekonomi Negeri Melaka dalam mempertimbangkan sebarang cadangan menaik taraf tempat pelancongan di seluruh negeri Melaka sekiranya berpotensi bagi memastikan produk pelancongan serta aktiviti kebudayaan negeri tersebut dapat dibangunkan dengan memberi faedah kepada masyarakat tempatan khususnya dan ekonomi negara secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan kementerian untuk memelihara kesenian dan kebudayaan masyarakat Siam. Seterusnya Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook..

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Yang Berhormat, boleh saya mencelah sedikit.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Tuan Yang di-Pertua, okeylah. Silakan.

**Datuk Rabiyah binti Ali:** Saya hendak mengucapkan terima kasih. Saya daripada Melaka memang membawakan berkenaan dengan isu pelancongan ini. Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak kementerian kerana telah membantu dan banyak memberi sokongan kepada perindustrian pelancongan di Melaka.

Apa yang baru-baru ini diuar-uarkan adalah Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Melaka telah memberitahu *target* untuk pelancongan masuk pada tahun ini 2019 seramai lebih kurang dua juta *target*-nya. Memandangkan infrastruktur yang dibuat dari masa ke semasa dan sokongan daripada Kementerian Pelancongan ini amatlah menggalakkan dan juga Melaka sekarang adalah tersebut di mata dunia.

Oleh sebab baru-baru ini pun saya baru balik dari Doha, ada di antara orang-orang di Qatar menanyakan mengenai Melaka. Jadi amatlah saya rasa berbesar hati dan saya boleh bercakap fasal Melaka sebab saya orang Melaka. Satu lagi yang saya tengok kalau promosi itu ada satu sedikit sahaja kita minta Yang Berhormat daripada kementerian dapatlah promosi itu diletakkan di buku-buku di kapal terbang itu di *airline* itu supaya mereka lebih mengenali semasa destinasi penerbangan.

Dia orang akan pergi ke Thailand ataupun ke *Singapore*, dia boleh tengok buku itu dalam kapal terbang, dia akan tanya dekat mana Melaka ini dan dia akan buat singgah tetapi tidak ada. Saya buka sendiri buku itu semua tetapi tidak ada. Jadi saya mintalah kalau boleh dimasukkan promosi pelancongan Melaka di dalam buku-buku di dalam kapal terbang. Terima kasih Yang Berhormat.

**Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Senator Datuk Rabiyah binti Ali yang telah pun memberi cadangan supaya dimasukkan beberapa bahan promosi mengenai negeri Melaka dalam *airline* ataupun buku-buku seperti *Going Places* macam Malaysia Airline buat itu. Kita boleh memberi cadangan ini kepada beberapa syarikat penerbangan. Mereka dari masa ke semasa akan memberi fokus kepada negeri-negeri yang berada di Malaysia dan *insya-Allah* saya akan panjangkan cadangan ini kepada mereka dengan kerjasama *Tourism Malaysia*.

Memang saya tahu dan saya maklum bahawa Melaka adalah antara destinasi yang utama yang antara tertinggi juga di negara kita dan ya betul pada tahun 2018 mengikut *survey* ataupun angka indikator daripada *survey* kita menunjukkan bahawa ada 4.9 juta pelancong yang datang di negeri Melaka pada tahun 2018 dan 1.5 juta adalah daripada negara luar ataupun pelancong-pelancong luar manakala 3.3 juta lebih adalah pelancong tempatan.

Jadi untuk mencapai dua juta pelancong luar itu saya rasa tidak jauh lagi. Boleh kita capai *insya-Allah* dan kerjasama antara Kerajaan Negeri Melaka dengan *Tourism Malaysia* serta kementerian *insya-Allah* dapat direalisasikan. Terima kasih atas cadangan Yang Berhormat Senator.

Tuan Yang di-Pertua, perancangan kementerian untuk memelihara - saya teruskan untuk kesenian dan kebudayaan masyarakat Siam. Yang Berhormat Senator Tuan Aknan a/l Ehtook telah meminta kementerian menyatakan apakah perancangan kementerian untuk memelihara kesenian dan kebudayaan masyarakat Siam seperti tarian Menora, seni bina tempat ibadat dan perubatan tradisional agar dijadikan sebahagian daripada aset seni budaya negara.

Kedua, adakah kementerian dapat mempertimbangkan supaya Festival Songkran dimasukkan ke dalam kalendar pelancongan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) sentiasa memberi tumpuan dan perhatian dalam memelihara kesenian dan kebudayaan masyarakat Siam melalui pelbagai program yang telah dilaksanakan dan yang dirancang. Antara program yang dilaksanakan dan dirancang adalah seperti berikut.

Pertama, Program Perantisan Kesenian Masyarakat Siam. Program perantisan dilaksanakan semenjak tahun 2009. Sehingga kini di peringkat JKKN negeri bertujuan untuk memelihara dan mengekalkan kesenian tradisional yang hampir pupus melalui kewujudan kumpulan pelapis yang mampu menguasai segala aspek kesenian seni tradisional yang dipilih.

Program perantisan adalah bertujuan melahirkan pelapis dalam kalangan generasi muda sebagai pewaris seni budaya dan juga untuk mewujudkan kumpulan perantisan yang berupaya mengadakan persembahan melalui bimbingan menggunakan kaedah pembelajaran yang sistematik. Melalui program perantisan kesenian menora telah pun diangkat di negeri Kelantan pada tahun 2014 hingga 2016 manakala di negeri Kedah pada tahun 2017. Menora juga telah pun disenaraikan sebagai warisan tidak ketara- *intangible cultural heritage*, warisan di bawah Akta Warisan 645.

#### ■1830

Kedua, penyemarakan kesenian masyarakat Siam. Untuk memelihara dan memulihara kesenian masyarakat Siam dilaksanakan melalui aktiviti penyemarakan seperti berikut:

- (i) Citrawarna Kelantan 2016 bertempat di Wat Sukhontharam, Tumpat;
- (ii) Citrawarna Kelantan 2017 bertempat di tempat yang sama;
- (iii) Citrawarna Kelantan 2018 bertempat di Wat Pothivihan, Tumpat;

- (iv) perayaan tahun baru Siam iaitu Songkran peringkat negeri Kelantan pada 13 April 2019 bertempat di Wat Chonprachumthart Chanaram, Kampung Dalam, Tumpat. Saya sebut betul ya?;
- (v) persembahan Gendang Panjang Siam dalam Festival Kesenian Rakyat Kelantan 2018; dan
- (vi) persembahan Gendang Panjang Siam dalam Festival Kesenian Rakyat Kelantan 2019.

Di Kedah, Temasya Orang Kedah 2019 pada 27 Julai 2019 bertempat di Taman Kota Nelayan, Kuala Kedah.

Kedua, berkolaborasi bersama Astro untuk dokumentasi amalan ritual dalam persembahan masyarakat Siam pada bulan September hingga Disember 2019.

Ketiga, kerjasama dengan penulis bebas TV3 dan RTM untuk dokumentari, *"Menyelusuri Jejak Peninggalan, Pengekalan, Perubahan, Persamaan Seni Budaya Masyarakat Siam dari Thailand Hingga ke Kedah"*. Pelaksanaan semua ini sepanjang tahun 2019.

Di Perlis, menyediakan ruang persembahan dan jemputan kepada kumpulan berkaitan untuk mengadakan persembahan di setiap program tempatan. Mendokumentasikan foto rumah ibadat bagi mencerminkan seni bina yang indah di negeri Perlis. Pelaksanaan sepanjang tahun 2019.

Keempat, Pesta Angin Timur Perlis pada 23 Mac baru-baru ini bertempat di Kompleks Dewan Undangan Negeri (DUN) Perlis. Pesta Songkran pada 9 April 2018 bertempat di Dewan Warisan, Kangar.

Kelima, persembahan Menora pada 30 Disember 2019 di wat Gua Musang, Chuping. Pesta Songkran 2019 pada 21 April 2019 bertempat di Wat Jawi yang dianjurkan oleh persatuan.

Terakhir, persembahan adat Siam pada 15 Mei 2019 bertempat di Guar Nangka, Chuping.

Pada masa ini, MOTAC juga sedang dalam tindakan menerbitkan sebuah dokumen Dasar Kebudayaan Negara (DKN), yang mana status terkini adalah dalam peringkat penyediaan strategi dan pelan tindakan. Dalam konteks ini, penekanan utama adalah melibatkan seluruh masyarakat pelbagai kaum dan etnik termasuk masyarakat Siam yang tidak terkecuali dalam mencorakkan kepelbagaian seni dan budaya di negara ini.

Selain menyertai sesi dialog dan siri-siri aktiviti membina kerangka DKN, masyarakat Siam juga tidak terkecuali dirujuk melalui penglibatan pakar dan aktivis yang dominan dalam seni dan budaya Siam. Penglibatan aktivis dan pakar rujuk dari kalangan masyarakat Siam lebih ketara di negeri Kelantan, Kedah dan Perlis, malahan Persatuan Siam Kelantan, Kuala Lumpur

dan Selangor (PESILA) turut memberi input dalam libat urus DKN yang diadakan di seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, Festival Songkran dimasukkan ke dalam kalendar pelancongan. Mengenai cadangan supaya Festival Songkran dimasukkan ke dalam kalendar pelancongan, untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian melalui agensinya *Tourism Malaysia* sentiasa mempromosikan pesta-pesta tempatan seperti Songkran yang merupakan produk-produk pelancongan negara yang juga melambangkan keunikan Malaysia sebagai destinasi “*Truly Asia*” dengan kepelbagaian kebudayaan tempatan.

Pendekatan pengisian program-program kalendar pelancongan negara sememangnya berteraskan konsep “*Malaysia, Truly Asia*”. Pesta Songkran disenaraikan sebagai acara pelancongan negara di dalam kalendar pelancongan Malaysia dan diberikan publisiti melalui penerbitan risalah oleh *Tourism Malaysia* dan juga melalui laman web. Kalendar pelancongan ini juga diedarkan melalui pejabat *Tourism Malaysia* negeri, pusat penerangan pelancongan di seluruh negara melalui pejabat *Tourism Malaysia* di luar negara serta pameran-pameran antarabangsa yang disertai dengan program promosi konsumen antarabangsa *Tourism Malaysia*. *Tourism Malaysia* turut menyediakan kenyataan media mengenai pesta seperti Songkran melalui pejabat-pejabat luar negara bagi kegunaan media antarabangsa.

Usaha-usaha sokongan pemasaran bagi acara-acara kalendar pelancongan negara termasuk Songkran turut dijana dengan penggunaan kalendar ini sebagai panduan bagi pengusaha-pengusaha pelancongan antarabangsa yang merangka program lawatan bagi kumpulan MICE bersempena dengan acara-acara pelancongan ini. Acara-acara pelancongan utama negara yang dianjurkan khususnya pada musim bukan puncak bertujuan untuk menggalakkan pelancong mengunjungi ke negara sepanjang tahun, meningkatkan kadar penginapan hotel di musim bukan puncak, menambahkan perbelanjaan pelancong di destinasi, menggalakkan pelancong menginap lebih lama dan menjadualkan lawatan bersempena dengan acara-acara utama pelancongan negara.

Promosi dan ruang mempamerkan hasil karya seni dan artis Orang Asli iaitu Orang Asal. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Lasimbang minta kementerian untuk menyatakan apakah tindakan kementerian bagi mempromosikan seni artis-artis Orang Asli atau Orang Asal mempamerkan hasil karya di galeri yang ada di negara ini serta adakah kementerian akan memberi ruang kepada artis-artis Orang Asli/Orang Asal untuk mempamerkan karya mereka pada Hari Orang Asal yang diadakan setiap bulan Ogos setiap tahun.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, kementerian melalui Jabatan Muzium Malaysia (JMM) sentiasa mempromosikan seni-seni artis-artis Orang Asli/Orang Asal negara ini melalui:

- (i) penubuhan Muzium Seni Kraf Orang Asli di Kuala Lumpur sebagai tambahan kepada Muzium Orang Asli di Gombak. Ia bukan sahaja berfungsi untuk menyebarkan pengetahuan dan maklumat mengenai seni kraf kepada masyarakat Orang Asli, malah mengekal dan memulihara khazanah warisan kesenian masyarakat tersebut;
- (ii) mengadakan pameran khas atau sementara di Muzium Negara seperti Pameran Topeng Sedunia, tahun 2012 sudah buat pameran itu. Pameran Magik Belantara atau Magis Belantara tahun 2011, Pesta Seni Orang Asli tahun 2007, pameran dan festival Orang Asli tahun 2011 yang sepenuhnya melibatkan masyarakat Orang Asli;
- (iii) Program Semarak Muzium @ Muzium di Muzium Negara yang mendapat 5,100 orang pengunjung pada 2017, 16,254 orang pengunjung pada 2018 dan meningkat 23,199 orang pada tahun 2019;
- (iv) Program *Living Museum Day* di Muzium Seni Kraf Orang Asli yang melibatkan 20 masyarakat Orang Asli berjaya menarik seramai 705 orang pada 2017 dan 1,655 orang pada tahun 2018; dan
- (v) Program Bicara@Muzium di JMM Masyarakat Orang Asli juga diadakan bagi memberi kefahaman dan perkongsian berkaitan budaya dan gaya hidup masyarakat masa ini.

*Tourism Malaysia* juga turut aktif mempromosikan seni-seni artis-artis Orang Asli/Orang Asal di negara ini dengan:

- (i) membantu dalam mempromosikan Program Karnival Kebudayaan dan Kesenian Orang Asli 2018 Selangor di *International Indigenous Art Festival 2018* dan Hari Moyang Mah Meri 2019 secara hebahan di laman sosial media dan juga pangkalan data *Tourism Malaysia* sendiri; dan
- (ii) penyertaan kumpulan-kumpulan kebudayaan Orang Asli seperti Mah Meri ke pameran-pameran berprestij di luar negara seperti Pameran Pelancongan ITB Berlin 2019 di Jerman dan *World Travel Market 2018* di London, UK untuk memperkenalkan kebudayaan Malaysia melalui persembahan kebudayaan, pameran, demonstrasi serta jualan produk-produk kraf tangan.

Program-program ini diadakan secara konsisten dari semasa ke semasa pada setiap tahun.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian melalui Lembaga Pembangunan Seni Visual Negara (LPSVN) juga sememangnya memberi ruang dan peluang kepada Orang Asal untuk mempamerkan hasil karya seni visual di galeri Balai Seni Negara. Di antara pameran yang dirancang oleh LPSVN yang melibatkan artis seni visual Orang Asal ialah pameran solo, "*Dayik Bahagih: Satu Ketika Dahulu*" oleh saudara Shahar Koyok, pelukis Orang Asal dari kaum Temuan, Selangor yang akan dipamerkan di Pusat Kreatif, Balai Seni Negara pada 19 hingga 30 April 2020.

#### ■1840

Saudara Shahar Koyok juga telah disenaraikan sebagai finalis pertandingan Bakat Muda Sezaman 2019 anjuran LPSVN bagi karya *Instalasi* yang dihasilkan oleh beliau. Sebagai tanda pengiktirafan terhadap artis Orang Asal ini, LPSVN juga memperoleh hasil-hasil seni Orang Asal untuk diangkat sebagai koleksi seni visual negara sejak tahun 1958 lagi seperti Menteri Bani anak Tihong, Batin Hitam, Piun anak Bembun dari kaum Jah Hut, Pahang dan Mah Meri Selangor serta Jalan Asoh, Pagang Tiyam, Shafie Harun, Hamdan Lois daripada masyarakat Asal Borneo yang menghasilkan 17 arca kelereng yang kini dipamerkan di perkarangan galeri Balai Seni Negara.

Sehingga tahun 2019, LPSVN telah mengumpul 163 koleksi Seni Visual Negara dari artis Orang Asal yang diperoleh bagi perolehan hadiah dan perolehan belian. LPSVN juga sentiasa memberi galakan dan dorongan dalam membantu artis-artis seni Orang Asal ini untuk berkarya dan mempamerkan hasil seni di Balai Seni Negara.

Kementerian ini juga melalui JKKN akan menganjurkan Festival Kesenian Orang Asli dan Peribumi Antarabangsa 2020- *International Aboriginal and Indigenous Art Festival 2020*, pada tahun 2020 sempena Tahun Melawat Malaysia 2020. Penganjuran program ini bertujuan untuk memaparkan serta membangunkan keunikan budaya masyarakat Orang Asli dan peribumi tempatan dan luar negara di samping menyerlahkan produk budaya sebagai produk pelancongan yang mampu menarik kehadiran pelancong tempatan dalam dan luar negara.

Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia juga sentiasa membuka ruang kepada Orang Asal Orang Asli untuk mempamerkan karya-karya mereka. Kraftangan Malaysia juga menyediakan ruang jualan yang lebih menarik dan bekerjasama dengan syarikat dan agensi pelancongan di taman negara bagi mempromosi serta memasarkan produk sumpit buluh dan sikat rambut wanita menerusi pakej-pakej pelancongan yang ditawarkan.

JMM atau Jabatan Muzium Malaysia khususnya melalui Muzium Seni Kraf Orang Asli pernah terlibat secara terus dalam memberi kerjasama dari segi khidmat nasihat berkaitan

pameran sempena sambutan Hari Orang Asal. JMM mengetengahkan secara langsung hasil karya masyarakat Orang Asli seperti ukiran patung dan topeng, anyaman, persembahan kebudayaan, masakan, pembuatan sumpitan, baju kulit kayu, jerat dan perangkap serta pameran sementara.

Namun begitu, ruang pada masyarakat Orang Asli tidak tertakluk hanya pada sambutan Hari Orang Asal sahaja. JMM proaktif serta konsisten menyediakan ruang seluasnya dalam pelbagai program yang dirangka dalam setahun demi mengangkat hasil karya masyarakat Orang Asli secara keseluruhan.

Peruntukan penyelenggaraan Muzium Negara. Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Senator Tuan Adrian Banie Lasimbang turut meminta kerajaan untuk menambah peruntukan penyelenggaraan Muzium Negara yang merupakan *landmark* penting di Kuala Lumpur.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Muzium Negara merupakan muzium persekutuan di bawah kelolaan Jabatan Muzium Malaysia. Perbelanjaan mengurus Muzium Negara diletakkan di bawah pengurusan JMM. Selain Muzium Negara, JMM juga turut menguruskan 22 buah muzium dan sebuah ibu pejabat menggunakan peruntukan operasi yang sama.

Untuk tahun 2019, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM7.5 juta untuk kerja-kerja penyelenggaraan bagi pelaksanaan penyelenggaraan bagi kesemua 22 buah MUZIUM Persekutuan dan bangunan ibu pejabat JMM. Justeru, kementerian ini sangat mengalu-alukan peruntukan khas dari Kementerian Kewangan Malaysia bagi membiayai aktiviti penyelenggaraan Muzium Negara memandangkan Muzium Negara merupakan antara *landmark* penting di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya Muzium Alam Semulajadi yang pertama. Yang Berhormat Senator Datuk Ir. Yong Wui Chung telah meminta kementerian untuk menyatakan bilakah Muzium Alam Semulajadi pertama negara akan dibina dan kedua, adakah MOTAC akan mempertimbangkan untuk membina muzium ini di Sabah atau Sarawak memandangkan wilayah ini kaya dengan alam semula jadi dan biodiversitinya.

Berhubung dengan cadangan pembangunan Muzium Alam Semulajadi, ia telah pun diangkat ke Unit Perancang Ekonomi (EPU) melalui Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) dalam RMKe-8, RMKe-9, RMKe-10 dan RMKe-11. Empat kali angkat. Namun, cadangan pembangunan muzium ini tidak diluluskan kerana kekangan kewangan pihak kerajaan.

Namun begitu, kementerian tak akan *give up*. Kementerian akan, melalui Jabatan Muzium Malaysia, bersedia untuk membina Muzium Alam Semulajadi negara pertama sekiranya diluluskan peruntukan yang kita angkat sebanyak RM200 juta.

Cadangan pembinaan Muzium Alam Semulajadi di Sabah atau Sarawak. Berhubung cadangan pembinaan Muzium Alam Semulajadi di Sabah dan Sarawak pula, kementerian bersedia menyokong hasrat Kerajaan Negeri Sabah dan Sarawak untuk membangunkan Muzium Alam Semulajadi di wilayah masing-masing khususnya dari segi khidmat nasihat dan teknikal. Tuan Yang di-Pertua, geran kepada Kerajaan Negeri Melaka bagi memelihara rumah-rumah ibadat.

Akhir sekali, Yang Berhormat Senator Datuk Haji Abidullah bin Salleh telah mencadangkan supaya Jabatan Warisan Negara memberikan geran kepada Kerajaan Negeri Melaka melalui Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) bagi memelihara rumah-rumah ibadat terutama yang telah diwartakan sebagai bangunan warisan.

Untuk makluman Yang Berhormat Senator, Jabatan Warisan Negara di bawah kementerian ini tidak diperuntukkan geran untuk disalurkan kepada Perbadanan Muzium Melaka (PERZIM) sebagaimana yang dicadangkan. Justeru ini, kementerian ini mengesyorkan agar pihak PERZIM melalui Unit Perancang Ekonomi Negeri dapat mengemukakan permohonan kepada Kementerian Kewangan untuk dipertimbangkan.

Walau bagaimanapun, sebagai makluman, berdasarkan kepada seksyen 42 Akta Warisan Kebangsaan 2005 [*Akta 645*], menjadi tanggungjawab pemilik sesuatu tapak warisan untuk memastikan bahawa tapak warisan itu sentiasa dalam keadaan baik. Dalam hal ini, pihak kerajaan negeri atau pemegang amanah atau mana-mana individu berkaitan adalah dipertanggungjawab memastikan ia terpelihara. Namun begitu, pemilik boleh memohon kepada Jabatan Warisan Negara pemberian atau pinjaman selaras dengan seksyen 43, akta yang sama. Ia bergantung kepada peruntukan sedia ada di bawah Jabatan Warisan Negara. Selain itu, ia juga adalah bergantung kepada keperluan dan keadaan semasa bangunan.

Tuan Yang di-Pertua, setakat ini sahaja isu-isu perbahasan yang menyentuh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Kementerian amat menghargai segala pandangan, teguran dan cadangan daripada Ahli-ahli Yang Berhormat Senator dalam memajukan sektor pelancongan, seni dan budaya negara. Saya dengan ini mengambil juga kesempatan untuk mengucapkan selamat menyambut Ramadhan pada senator-senator yang beragama Islam dan seterusnya semua di Dewan ini. Semoga mendapat ibadah puasa dengan lebih diberkati. Sekian, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Muhammad Bakhtiar bin Wan Chik, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Maaf tadi saya tersasul ya- tersebut “Perdagangan.”

Kita tadi bermula pada nombor 12, Kementerian Kesihatan, akhirnya Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya. Hari ini kita dapat lapan kementerian kita sudah bincangkan. Sekali lagi cuba tengok yang depan ini, Ahli Yang Berhormat masih ada lagi bersama-sama saya. Hampir maghrib, ada lagi. Tahniah. Wirawati ada enam orang dan perwira ada 11 orang. Tahniah... *[Tepuk]*

Jadi, ada 17 kita sampai titisan sempadan ke depan. Ini dia. Juga, Yang Berhormat sekalian, saya ucap syabas dan tahniah. Kita sempat maghrib, *insya-Allah*, di sini ya.

Saya juga hendak maklumkan Ahli Yang Berhormat yang banyak pengalaman ini, tokoh-tokoh perjuangan, dan jumpa bermacam-macam ragam manusia. Dia boleh baca itu. Dia ada psikologi itu. Kalau kita dulu jadi cikgu, kita belajar psikologi memahami anak-anak- faham-fahamlah. Jadi ragam manusia itu pernah Yang Berhormat jumpa, saya ingat. Ia sebagai ingatan sahaja. Iaitu bak kata orang tua-tua tadi.

*Limau manis tiga serangkai,  
Bawa mari di negeri China,  
Mulut manis jangan dipakai,  
Kerap kali orang terkena... [Tepuk]*

Itu dia. Mulut manis jangan dipakai, kerap kali orang terkena. Itu dia penangannya. Ini tujuan saya punya peringatan sahaja ya, Yang Berhormat Senator Dato’ Haji Mohd Suhaimi, sebagai ingatan sahaja. Juga kepada Ahli-ahli Yang Berhormat, terima kasih ada bersama saya hari ini.

Ahli-ahli Yang Berhormat, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan Selamat Hari Pekerja yang bakal diraikan esok, 1 Mei 2019.

Selamat berpuasa kepada semua warga Muslimin dan Muslimat yang bakal tiba pada 6 Mei 2019. Jangan lupa berpuasa di bulan Ramadhan ya.

Ahli Yang Berhormat, mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi hari Isnin, 6 Mei 2019. Sekian. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 6.52 petang]***